



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015	(Halaman 18)
Rang Undang-Undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2015	(Halaman 33)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015	(Halaman 45)
Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015	(Halaman 48)
Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2015	(Halaman 51)
Rang Undang-Undang Hasutan (Pindaan) 2015	(Halaman 53)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 62)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
11. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
12. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
14. “ Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. “ Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
19. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
21. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
22. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
23. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
24. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
26. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
27. “ Dato' Dr. Johari bin Mat - (Kelantan)
28. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
29. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
30. “ Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
31. “ Tuan Koh Chin Han (Melaka)
32. “ Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
33. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
34. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)

35. Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
36. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
37. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
38. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
39. “ Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
40. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
41. “ Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
42. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
43. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
44. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
45. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
46. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
49. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
50. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
51. “ Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
52. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
53. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
54. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
55. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
56. “ Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
57. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
58. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
59. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
60. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
61. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)
62. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
63. “ Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
64. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)
65. “ Tuan Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Encik Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara

Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari A/P Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

Hazliana binti Yahaya

Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin

Amir Arshad bin Ab Samah

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 27 April 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, selamat pagi, salam sejahtera dan salam Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar waktu Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam, dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 25 April 2015:

1. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan
2. Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff

Dengan itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat *[Tepuk]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa langkah-langkah kawal selia yang diambil terhadap syarikat *multilevel marketing* yang menjual makanan *supplement*, dan ubat-ubatan yang boleh membahayakan kesihatan pengguna.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan syarikat *multilevel marketing* yang menjual makanan *supplement* dan ubat-ubatan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia semua produk ubat-ubatan dan *supplement* kesihatan hendaklah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sebelum dibenarkan penjualannya. Ini dilakukan bagi memastikan produk kesihatan yang dipasarkan adalah berkualiti, selamat dan berkesan. Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia melakukan aktiviti kawalan selia ke atas semua premis yang menjual produk kesihatan termasuklah syarikat *multilevel marketing*.

Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Farmasi di seluruh negara secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pemantauan pasaran, pemeriksaan rutin, pendakwaan, serbuan, rampasan dan tindakan penguatkuasaan lain ke atas premis yang didapati melanggar undang-undang.

Dalam tahun 2013, sebanyak 92 buah premis jualan langsung telah diperiksa di seluruh Malaysia manakala bagi tahun 2014 sebanyak 127 buah premis telah diperiksa. Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 108 operasi serbuan telah dijalankan ke atas premis jualan langsung yang didapati melanggar akta yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM.

Bagi tahun 2014 sahaja sebanyak 113 perkara telah dirampas dengan nilai RM2.4 juta berbanding dengan 43 perkara bernilai RM1.81 juta pada tahun 2013. Antara kesalahan utama yang dilakukan oleh syarikat *multilevel marketing* ini menjual atau memiliki untuk tujuan jualan produk kesihatan yang tidak berdaftar ataupun produk yang dicampur racun.

Sepanjang tahun 2012 sehingga tahun 2014, sebanyak 194 kes kesalahan yang melibatkan syarikat jualan langsung telah didakwa di mahkamah. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1992 boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali atau untuk kesalahan pertama denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Bagi syarikat jualan langsung yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan kedua dan yang berikutnya Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai rekod bilangan pengarah-pengarah syarikat yang berkenaan yang telah didenda ataupun di penjara selama ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian adalah tegas dalam perkara ini. Kalau mengikut rekod yang ada, memang banyak kes telah dibawa ke mahkamah. Contohnya tahun 2012, sebanyak 31 kes telah dibawa ke mahkamah, tahun 2013 sebanyak 39 kes dan tahun 2014 sebanyak 38 kes. Tentang jumlah sebenar pengarah-pengarah yang kena denda ini saya tak dapat tetapi yang kes-kes yang saya sebut tadi memang ada, sudah pun dibawa ke mahkamah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau sistem *multilevel marketing* ini mungkin kita ada undang-undang ataupun penguatkuasaan yang lebih struktur untuk kita *monitor*, dengan izin, untuk kita mengikuti perkembangan penjual ini.

■1010

Akan tetapi, kalau kita lihat sekarang ini di luar, berleluasa sekali Tuan Yang di-Pertua. Contoh baru-baru ini saya pergi di Masjid Selayang. Di luar masjid itu, penuh dengan orang-orang yang menjual ubat-ubat yang harganya RM1, RM2 yang saya rasa orang kampung bila dia sakit perut, dia akan pergi mencari ubat-ubat yang sebegini, yang RM1, RM2 ini dan juga ada dijual di pasar-pasar malam. Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, bagaimanakah kementerian mengenal pasti mereka ini menjual barangan-barangan yang mengikut spesifikasi Kementerian Kesihatan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ditanya soalan berkenaan dengan *food supplement* dan *health supplement*, Tuan Yang di-Pertua. Ada caranya.

Sebelum bahan ini dapat dijual- saya bagi dua perkara, satu tentang *food supplement*. Ia kena masuk ke dalam *website* kita dan daftar dan sebelum dibenarkan, dibagi nombor pendaftaran itu, ia kena melalui proses bawa dengan segala maklumat yang ada ke Bahagian Kawalan Ubat ini supaya dinilai dan dibuat *testing* dan lepas itu dapat nombor dan barulah boleh dibuat pemasaran. Maknanya ada nombor. Tiap-tiap kotak mesti ada nombor. Ia ada lapan digit dan ada nombor di belakang, 'N' kah, 'A' kah, di belakang.

Begitu juga *health supplement*. Ia kena melalui proses yang sama. Jadi maknanya, tiap-tiap kotak itu mesti ada nombornya. Mesti ada. Kalau tidak ada nombor, tidak boleh jual.

Sebab ada pula kes Tuan Yang di-Pertua, yang mana dijual sebagai *suit food supplement* tetapi ia ada komponen-komponen yang ada ubat berjadual, ubat yang didaftarkan. Dalam kes ini maka, kita akan mengarahkan supaya *food supplement* ini didaftar sebagai *health supplement*. Ini pun kena melalui proses yang sama tadi.

Jadi maknanya, tiap-tiap ubat yang dijual di pasaran mesti ada nombor ini. Kalau tidak ada nombor, tidak boleh jual, salah. Kita boleh buat laporan kepada, Bahagian Kawalan Dadah di kementerian, Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan tahap pencapaian dalam Bahasa Inggeris, memandangkan mata pelajaran ini akan menjadi wajib lulus dalam SPM mulai tahun depan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam atas soalan yang berkaitan dengan program intervensi Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang persediaan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Bahasa Inggeris dan dasar wajib lulus Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) melipatgandakan program peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris termasuk pelaksanaan program LINUS 2.0, Literasi Bahasa Inggeris, pelantikan FasiLINUS yang berperanan sebagai mentor kepada guru Bahasa Inggeris di Tahap 1, pelaksanaan komponen sastera kontemporari kanak-kanak kepada murid-murid Tahap 2, pelaksanaan Sistem Set di Tingkatan 1 dan pelaksanaan komponen sastera Bahasa Inggeris atau KOMSAS di sekolah menengah dan pembekalan bahan bacaan tambahan ke pusat sumber sekolah di bawah program MBMMBI.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Program Pemantapan Tahap Pengajaran Bahasa Inggeris iaitu, dengan izin, *Professional Up-Skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)* telah dilaksanakan yang melibatkan 5,010 orang guru iaitu kumpulan pertama pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 76.4 peratus telah berjaya meningkatkan tahap *proficiency* mereka sekurang-kurangnya 1 Band. Pada masa ini, seramai 9,002 orang guru sedang menjalani kursus berkenaan yang dijangkakan menamatkan latihan pada April 2015 tetapi sudah tamatlah. Manakala sepuluh orang guru lagi akan dilatih secara berperingkat-peringkat sehingga April 2016.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga melaksanakan dengan izin, program *English Teaching Assistant (ETA)* yang melibatkan seramai 225 orang *Fulbright scholars*, dengan izin, di 100 buah sekolah. Manakala seramai 360 orang penutur jati atau *native speakers*, dengan izin, telah ditempatkan di 1,800 buah sekolah bagi membantu 5,000 orang guru Bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui program *Teach For Malaysia* atau TFM, dengan izin, seramai 240 orang *fellow* dari universiti terkemuka dunia seperti *Universiti Oxford, Cambridge, Harvard* dan sebagainya mengajar di sekolah-sekolah kementerian seluruh negara. Kementerian juga melaksanakan intervensi seperti Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris (PPPBI) SPM yang dilaksanakan untuk menyokong dasar wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam SPM mulai 2016.

Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 di 1,191 buah sekolah *hot spots*, dengan izin, yang mana peratus gagal dalam peperiksaan SPM Bahasa Inggeris adalah 23 peratus ke atas. Program ini dilaksanakan merangkumi dua buah komponen iaitu komponen dalam kelas, *differentiated teaching and learning* dan komponen luar kelas, OPS- ENGLISH 2.0. Komponen dalam kelas membolehkan guru mengaplikasikan teknologi dan pedagogi pembelajaran dengan membezakan antara murid berasaskan kebolehan mereka supaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik, berkesan dan menyeronokkan murid.

Untuk meningkatkan kejayaan, keyakinan dan kemahiran murid berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, program *Oral Proficiency in English for Secondary Schools (OPS-ENGLISH)* sedang dilaksanakan di 827 buah sekolah seluruh Malaysia khususnya sekolah di luar bandar yang berada dalam Band 3 hingga Band 6.

Bagi menangani isu kekurangan guru opsyen Bahasa Inggeris terutamanya di sekolah rendah dalam kawasan luar bandar, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan sedang melaksanakan kursus *Intensive Course in English Language Teaching*, dengan izin, di bawah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bertujuan untuk memastikan penguasaan Bahasa Inggeris terus ditingkatkan lagi dan mencapai tahap yang diharapkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam.

Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sejak memperkenalkan Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, adakah wujud peningkatan dalam keputusan peperiksaan di dalam kedua-dua mata pelajaran itu?

■1020

Apakah status rancangan untuk membawa guru-guru Bahasa Inggeris dari India? Ini kerana saya faham bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun bersetuju dengan keputusan ini dengan Kerajaan India. Malah, guru-guru ini seharusnya sudah berada dan sudah mula mengajar di Malaysia tahun lalu.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator, berkaitan dengan guru Bahasa Inggeris. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Senator bahawa MoU telah dihantar kepada Kerajaan India pada Julai 2014 untuk keputusan seterusnya. Program guru Bahasa Inggeris dari India sedang menunggu keputusan daripada pihak Kerajaan India untuk kelulusan. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagi penambahbaikan tahap penguasaan pelajar SPM di luar bandar, apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu mereka? Adakah kelas tambahan Bahasa Inggeris diberikan serta berapa jamkah waktu diperuntukkan bagi kelas tuisyen yang diwajibkan ke atas mereka? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator, berkaitan dengan soalan apakah langkah yang sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu pelajar di sekolah luar bandar. Seperti yang saya sudah sebut dalam jawapan saya, memang satu inisiatif dipanggil Ops English. Di mana program *Oral Proficiency in English for Secondary Schools* sudah dimulakan. Ini merupakan salah satu intervensi lagi dan memang tumpuan diberi kepada sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar seperti di Sarawak kita ada SMK Pensiang dan SMK Bintulu juga dan Sabah di Kota Kinabalu, SMK Tun Syed, SMK Simpangan Beluran. Jadi, ini bermakna bahawa luar bandar tidak diabaikan dan intervensi memang dapat dijalankan. Sekian, terima kasih.

3. **Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik kemalangan membabitkan motosikal dan mengikut pecahan negeri-negeri bagi tahun-tahun 2012, 2013 dan 2014.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 'Talikat' itu masih 'menjarut' Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan suruh dia 'menjarut'.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Cakap orang Sarawak 'menjarut'. Sekali-sekala keluar Tuan Yang di-Pertua. Macam cakap Arablah. Orang cakap Arab dalam Dewan saya pun tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bahasa dalam Dewan, bahasa orang Melayu ataupun bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bahasa Melayu Sarawak itu Bahasa Melayu juga.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemalangan jalan raya secara prinsipnya boleh dielakkan atau dicegah memandangkan kes kemalangan jalan raya kebanyakannya berlaku disebabkan sikap pengguna jalan raya itu sendiri dan hanya sebilangan kecil sahaja disebabkan oleh faktor lain seperti jalan raya yang berbahaya, kerosakan kepada kenderaan. Kes kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal merupakan penyumbang utama dalam statistik kemalangan jalan raya dalam negara sama ada dalam kes kemalangan maut, kes yang menyebabkan kecederaan. Statistik kemalangan jalan raya melibatkan motosikal mengikut negeri di Malaysia dari tahun 2012, 2013 dan 2014 setakat ini adalah seperti berikut:

- (i) pada tahun 2012, sejumlah 104,523 kes kemalangan melibatkan motosikal telah dilaporkan yang mengakibatkan 4,178 telah maut, 3,729 mengalami kecederaan yang parah dan 7,578 mengalami kecederaan ringan;
- (ii) pada tahun 2013, sejumlah 122,103 kes kemalangan melibatkan motosikal telah dilaporkan yang mengakibatkan 4,294 telah maut, 2,883 mengalami kecederaan parah dan 5,517 mengalami kecederaan ringan;
- (iii) pada tahun 2014, sejumlah 126,824 kes kemalangan melibatkan motosikal telah dilaporkan yang mengakibatkan 4,179 telah maut, 2,786 mengalami cedera parah dan 5,885 mengalami cedera ringan.

Polis Diraja Malaysia tidak sama sekali berputus asa dan akan terus berusaha mendidik pengguna jalan raya agar mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya melalui pendekatan penguatkuasaan berhemah serta berkolaborasi merentasi kementerian-kementerian. Selain mengumpulkan elemen *enforcement*, PDRM turut terlibat dalam proses menambah baik isu-isu perundangan, kejuruteraan dan pendidikan bagi mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan tadi. Sangat jelas bahawa motosikal telah banyak menyumbang kepada jumlah kemalangan yang tinggi dalam negara kita. Daripada maklumat-maklumat, sebab terbesar angka kemalangan ini terus tinggi ialah kerana sikap buruk penunggang motosikal. Seperti mana kempen yang dibawa oleh sebuah akhbar tempatan yang setiap hari mempamerkan gambar foto sikap buruk penunggang motosikal.

Ini belum lagi termasuk perbuatan secara terang-terangan dan di hadapan anggota polis dan penguat kuasa lain melakukan kesalahan lalu lintas seperti tidak patuh kepada lampu isyarat trafik, menunggang di atas laluan pejalan kaki, mengguna telefon bimbit semasa menunggang dan bermacam-macam lagi. Apa tindakan pihak polis dan anggota penguat kuasa lain yang boleh diambil terhadap penunggang motosikal yang menunjukkan sikap buruk ini dan adakah pihak PDRM bercadang untuk berpadu tenaga dengan agensi lain seperti JPJ, RELA, PGA dan lain-lain untuk menjalankan operasi berpanjangan bersasar atau *prolonged targeted operation*, dengan izin, bagi membanteras golongan penunggang motosikal yang tidak bertanggungjawab ini. Sekian.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan kepada jawapan yang pertama tadi yang saya tidak butirkan. Sebenarnya, soalan Yang Berhormat Senator tadi meminta soalan mengikut negeri. Jadi, negeri ini banyak sangat. Jumlah pun banyak. Jadi, saya baca yang keempat.

Pertama dahulu. Yang pertama, kebanyakan kemalangan ini ialah di Selangor mempunyai 28,000 kemalangan. Menunjukkan peningkatan yang amat tinggi di negeri Selangor. Yang kedua ialah negeri Johor.

Selangor pada tahun 2012 - 18,902, 2013 - 27,346; dan pada 2014 - 28,066. Yang kedua ialah negeri Johor pada tahun 2012 - 16,258; pada 2013 - 16,722; dan pada tahun 2014 - 17,513. Negeri yang ketiga ialah Pulau Pinang - 14,307; pada 2012, 2013 - 14,377; dan pada 2014 - 16,196. Itu yang tertinggi. Yang keempat ialah Kuala Lumpur - 8,238 pada 2012; 11,805 pada tahun 2013; dan 12,672 pada tahun 2014.

■1030

Jadi pada soalan tambahan Yang Berhormat sebut tadi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua apa yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Senator yang bertanya tadi ialah bahawa memang kita melihat daripada semua sudut bagaimana yang telah saya sebutkan, satu dari sudut penguatkuasaan, kedua dari sudut latihan, ketiga dari sudut kajian-kajian yang terperinci untuk membaiki pulih latihan kepada penunggang-penunggang motosikal di setiap akademi pemandu. Akan tetapi ini adalah terserah kepada pihak JPJ. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan bersama dengan pihak polis membuat kajian bersama berhubung dengan perkara ini dan akan membuat, mungkin modul-modul latihan yang tertentu untuk kebaikan motosikal ini.

Kedua untuk penguatkuasaan juga bersama dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan tetapi kita tidak boleh membawa mana-mana agensi lain secara bersepadu keseluruhannya oleh sebab kuasa undang-undang ialah terletak di tangan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan polis sahaja undang-undang memberi kuasa. Apabila motor atau pun kereta di jalan raya, pihak lain tidak ada kuasa untuk menahan motor di jalan raya sebenarnya di bawah undang-undang.

Jadi itulah kenapa kita tidak boleh membawa pihak RELA, tidak boleh membawa pihak JPAM ataupun mana-mana agensi lain oleh sebab kekurangan kuasa di bawah undang-undang dan mereka tidak boleh menguatkuasakan undang-undang dan menahan kereta. Kalau ditahan kereta dan kereta tidak berhenti macam *mockery by the motorist*. Jadi itulah kenapa kita serah kepada pihak polis, pegawai dan anggota JPJ sahaja.

Walaupun bagaimanapun, penguatkuasaan ini akan dibuat secara berterusan dan untuk makluman Yang Berhormat bahawa mengikut tahunan juga kita melihat bahawa jumlah ataupun nisbah kemalangan mengikut motor di jalan raya kepada kemalangan jalan raya ialah kalau tahun 2012 ialah 22.6 peratus. Pada tahun 2013 nampak naik 25.5 peratus dan pada tahun 2014 26.6 peratus. Jumlah motor yang ada di jalan raya kita sekarang sebanyak ini Tuan Yang di-Pertua, memang syok juga dengar ini 10,589,818 buah motor berdaftar di seluruh Malaysia di jalan raya.

Jadi daripada jumlah itu nisbahnya tidaklah begitu walaupun kemalangan ini 22.5 peratus pada tahun 2012, 25.5 peratus pada tahun 2013 dan 26.6 peratus pada tahun 2014 tetapi mengikut nisbah jumlah kemalangan dengan penduduk kita melihat bahawa ia macam stabil. Pada tahun 2012, *ratio* 3:1 maknanya setiap 100 orang rakyat Malaysia itu ada 3 kemalangan motor dan pada tahun 2013 3:2. Maknanya setiap 100 orang rakyat Malaysia, 3 kemalangan. Sama hampir, tidak ada perbezaan sangat. Jadi Tuan Yang di-Pertua nampaknya keberkesanan penguatkuasaan itu nampak ada tetapi masih banyak boleh kita perbaiki dalam semua sudut latihan, pengajian, motivasi dan penguatkuasaan di jalan raya.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Gunung Jerai, Gunung Tahan, saya hendak tanya soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bersetuju kah Yang Berhormat Menteri dengan saya kalau kita kenakan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang terlibat dengan kemalangan jalan raya dalam soal motosikal ini. Sebagai contoh tiga kali kemalangan tarik lesen. Kedua, kita pun tahu bahawa kadang-kadang yang menunggang motor ini bukan tuan punya. Katakanlah bapanya punya. Tuan punya motosikal ini juga bagi saya seharusnya dikenakan satu unsur denda. Misalnya terlibat satu kemalangan RM2,000. Juga sehingga tiga peringkat misal kata RM2,000, RM3,000, RM5,000.

Saya rasa kalau kita laksanakan tidak lama kemudian *in shaa-Allah* akan menurun kemalangan jalan raya daripada segi motosikal. Apabila ia telah menjadi budaya, peringkat demi peringkat kita tarik semula unsur denda itu. Bersetuju kah Yang Berhormat Menteri dengan saya?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu pengalaman saya. Saya enam tahun sebagai pegawai *in charge* trafik di Kuching dan enam tahun menjadi Ahli Majlis Keselamatan Negara. Saya mengkaji kemalangan di negara Itali dan juga Jepun dan macam mana pada tahun 1960an dan tahun 1970an mereka memperbaiki kedudukan di negara tersebut. Saya juga mengkaji bagaimana pihak Amerika menurunkan kemalangan jalan raya, mekanisme-mekanisme yang tertentu.

Salah satu daripadanya bukanlah untuk menaikkan hukuman keseluruhannya. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, saya serahlah kepada soalan Yang Berhormat itu kalau mengikut kajian yang saya buat, pengalaman yang saya ketahui, hukuman kadang-kadang tidak mendatangkan kesan yang begitu positif sangat tetapi yang penting sekali ialah persoalan budaya untuk membudayakan keselamatan, membudayakan *compliance* kepada undang-undang.

Ini amat penting untuk kita menguatkuasakan undang-undang di jalan raya khususnya. Jadi dalam keadaan sedemikian, itulah kenapa saya tidak boleh secara begitu sahaja bersetuju tetapi mungkin boleh difikirkan sebagai salah satu daripada sistem yang boleh kita kajikan. Umpamanya di Amerika Tuan Yang di-Pertua mereka menggunakan sistem insurans. Sistem insurans ini unik. Saya pernah menulis surat kepada Menteri Pengangkutan Jalan pada satu ketika dahulu mencadangkan sistem insurans dilaksanakan tetapi tidak ada kesan politik sebab sistem insurans ini kita lihat daripada *Non Claims Bonus System* dimasukkan dengan sistem insurans iaitu kalau seseorang itu tidak melakukan kemalangan jalan raya, NCB atau *Non Claim Bonus* kita turunkan dengan sendirinya insurans akan menurun, akan tetapi kalau seseorang itu terlibat dengan kemalangan, dengan sendirinya NCB itu naik supaya insurans itu menyekat dia supaya menggunakan insurans yang lebih tinggi.

Jadi dia akan berjaga-jaga untuk bukan sahaja kena tuduh di mahkamah, hukuman tinggi seumpamanya tetapi juga insurans pun kena tinggi, bayaran lain pun kena tinggi. Akan tetapi sistem ini, undang-undang kena dipinda oleh sebab undang-undang jalan raya ini tidak didaftar. jadi kita kena undang-undang itu kena mendaftarkan undang-undang ini supaya menggunakan rekod pendaftaran itu boleh diguna pakai.

Jadi sampai sekarang pun perkara ini tidak dilaksanakan mungkin MIROS ataupun *Malaysian Institute of Road Safety* belum melihat perkara ini ataupun tidak tahu perkara ataupun tidak mempunyai pengalaman begitu banyak dalam persoalan macam mana boleh kita menurunkan kemalangan jalan raya berhubung dengan motor dan kereta di jalan raya Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

4. Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, stesen Jana kuasa TNB yang dibina di tanah rendah telah tenggelam dan tidak boleh digunakan lagi akibat banjir. Adakah TNB merancang untuk membina stesen di tanah yang lebih tinggi supaya stesen itu tidak akan terjejas dan masih boleh berfungsi seperti biasa pada musim banjir.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin atas soalan kepada kementerian saya yang berhubung dengan stesen janakuasa TNB yang dibina di tanah rendah dan tenggelam, dan tidak boleh digunakan akibat daripada banjir dan juga soalan berkaitan dengan TNB merancang untuk membina stesen di tanah yang lebih tinggi supaya ia tidak akan terjejas di masa yang akan datang.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman, sebelum itu saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat pada 27 April bersekali dengan soalan 28 April, esok memandangkan soalan yang dikemukakan soalan yang berkaitan dengan pembinaan stesen jana kuasa TNB di kawasan tanah tinggi. Untuk sebagai makluman, sebenarnya tidak ada stesen jana kuasa Yang Berhormat, milik TNB yang terendam atau tenggelam akibat daripada kejadian banjir baru-baru ini. Ini adalah kerana sebelum sesebuah jana kuasa dibina, pihak Jabatan Alam Sekitar mengehendaki satu kajian penilaian impak alam sekitar ataupun EIA dijalankan secara holistik dan menyeluruh sebagai semua aspek dalam kesesuaian tapak lokasi yang dipilih dan dipersetujui telah mengambil kira semua aspek keselamatan, kesan pada penduduk persekitaran dan pendedahan kepada bencana termasuklah banjir.

Sehubungan dengan itu, kesemua tapak jana kuasa hidro TNB telah dibina di kawasan tanah tinggi dan daripada aras laut sementara jana kuasa haba TNB dibina berhampiran pantai ataupun laut dan dilengkapi dengan sistem pengaliran haba yang baik.

Yang Berhormat Senator, bagi pemasangan yang pencawang masuk utama, kebanyakannya adalah di kawasan paras banjir dan di samping itu sukalah saya sebut di sini bahawa pada bulan Disember yang lalu ketika banjir, yang tenggelam di negeri Kelantan dan juga Terengganu bukan jana kuasa tetapi pencawang masuk utama ataupun disebut ringkasnya sebagai PMU. Antara pencawang masuk utama yang tenggelam semasa banjir itu adalah di Gua Musang, Kuala Krai, Rantau Panjang, Tanah Merah, Lemal di Kelantan, lima di Kelantan dan Kemaman dan Chukai di Terengganu. Jadi semua sekali tujuh PMU telah dihenti tugas pada masa banjir.

Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa empat PMU ini atau pencawang masuk utama ini memang tenggelam oleh banjir iaitu Tanah Merah, Lemal, Kemaman dan Chukai. Tiga lagi iaitu Gua Musang, Kuala Krai dan Rantau Panjang sebenarnya dihenti tugas bukan tenggelam tetapi sebab bekalan elektrik daripada tiga buah pencawang ini datang dari Tanah Merah. Bila Tanah Merah tenggelam, maka pencawang masuk di Gua Musang, Kuala Krai dan Rantau Panjang juga dihenti tugas. PMU terlibat dibina sebelum tahun 1990-an di mana peralatan dan panel kawalan berada di tingkat bawah bangunan. Tindakan menghentikan tugas tersebut adalah bertujuan untuk memastikan PMU-PMU tersebut tidak mengalami kerosakan teruk dan boleh beroperasi semula dengan segera apabila banjir surut. Dengan tindakan pencegahan ini, semua PMU berkenaan telah dihenti tugas selama empat hari daripada 25 Disember hingga 28 Disember 2014 tanpa berlaku kerosakan yang teruk pada peralatan utama.

Berdasarkan pengalaman tersebut, TNB pada waktu ini telah mengambil kira untuk menempatkan peralatan-peralatan yang boleh terjejas akibat banjir di tempat yang lebih tinggi dan kajian secara keseluruhannya di kawasan-kawasan tanah rendah di tepi-tepi sungai ditentukan supaya semua peralatan ini diletakkan di tempat yang lebih tinggi contohnya macam di Tanah Merah, semua peralatan di Tanah Merah itu diletakkan di tempat yang lebih tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, dipersilakan Datuk Ng Chiang Chin.

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah beri penjelasan lengkap. Soalan tambahan saya, saya *lay man terms* kita panggil ibu sawat. Saya datang dari Pasir Mas dan pada waktu banjir, Pasir Mas sudah tujuh malam lapan hari tak ada bekalan elektrik. Agak masa yang panjang. Apabila tiada bekalan elektrik, maka bekalan air pun sendiri putus. Makna tujuh malam lapan hari tiada api, tiada air. Apabila tiada api, telefon tak boleh caj, so *communication breakdown*, dengan izinnya.

Macam saya, rumah saya ada *land line* oleh Telekom Malaysia dan dengan *land line* itulah saya dapat berhubung dengan kawan-kawan untuk bertanya khabar keadaan air. Jadi saya hari ini baru belajar perkataan PMU. Makna ini bukan *power station* macam *sub station*. Apabila tujuh hari ke-lapan hari tak ada api, di klinik, ada pesakit pergi klinik, doktor ada tetapi tak ada lampu, gelap dan ubat-ubat dalam peti itu akan rosak.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian akan membuat satu langkah pencegahan pada musim bulan 11, 12 ini, kita tak tahu hujan besar macam mana, air naik tinggi macam mana, kita tak tahu. Saya takut berlaku pula PMU ini ditenggelami air pula, makanya masa depan lima enam hari akan jadi gelap pula. Jadi saya ingin minta kepada kementerian, adakah hendak buat sesuatu pencegahan *preventive* semasa musim hujan. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ng. Tuan Yang di-Pertua, apabila malapetaka seperti mana yang berlaku pada Disember tahun lalu di Kelantan, di Terengganu, Pahang dan Perak, salah satu daripada *utilities body*, dengan izin, ialah TNB yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada bekalan elektrik. Sebelum itu saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa dalam sistem TNB ini ataupun penjanaan elektrik ini, dari stesen jana kuasa tadi pergi kepada pencawang masuk utama (PMU). Selepas daripada PMU, kita akan pergi kepada stesen suis utama (SSU). Lepas stesen suis utama (SSU) baru kita pergi kepada pencawang elektrik (PE) yang ada pagar itu. Yang ada pagar kecil dalam taman itu, itu dipanggil pencawang elektrik. Jadi dia ada empat *layer* atau lima *layer* barulah sampai ke taman-taman perumahan ataupun kampung-kampung.

Jadi dalam kes banjir baru-baru ini, TNB telah mengambil pelbagai daya usaha untuk menggerakkan apa yang kita panggil sebagai *mobile genset*. *Mobile genset* ini juga disalah faham sebab *mobile genset* ini adalah *genset* yang diletakkan di atas treler, *genset* yang diletakkan di atas lori dan dibawa. Ada juga orang tanya saya, *mobile genset* ini adakah *genset* yang pasar malam itu, yang kecil itu sebenarnya tidak. *Mobile genset* adalah *genset* yang dibawa oleh lori, diletakkan dan baru-baru ini sewaktu banjir, TNB telah menggerakkan semua *genset* di seluruh negara untuk dibawa ke Kelantan, ke Pahang dan juga sedikit ke Terengganu tapi yang paling banyak adalah di Pahang. Contohnya macam saya sendiri pergi ke Dabong. Ada satu tempat itu memang bekalan elektrik datang daripada *mobile genset* itu dan untuk semua klinik kesihatan, digerakkan dengan *mobile genset* dan juga loji air dan loji-loji air misalnya di Kuala Krai memang tak boleh pakai dah, memang SSU tenggelam. Jadi kita bawa *mobile genset*, *mobile genset* lah yang menggerakkan pam tapi ada sesetengah tempat itu pula pam pula yang terpaksa dibaki mengambil masa juga sehari-hari.

■1050

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita kira bahawa pengalaman yang berlaku baru-baru ini di Kelantan, Terengganu, Pahang serta juga di Perak dianggap sebagai *disaster*, dengan izin, malapetaka yang besar sekali. Jadi pihak jawatankuasa yang menduduki bencana negara di bawah Majlis Keselamatan Negara telah mengarahkan pihak kementerian dan juga *utilities body* seperti TNB untuk mengambil satu perkiraan secara holistik di semua tempat, dari Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kalau inilah yang- kalaulah *disaster* itu berlaku macam tahun 2014 juga, maknanya apa sepatutnya yang kita ambil dari situ.

Jadi pengalaman pada tahun 2014 itu Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ambil sekarang dan kita boleh mengambil semua langkah bagi menjamin bahawa bekalan elektrik dapat disegerakan. Mungkin kalau pada malam itu tidak dapat tetapi ada kaedah-kaedah yang boleh disegerakan dalam masa yang terdekat, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, adakah pihak kementerian ataupun di bawah TNB ingin mensyaratkan semua kabel projek perumahan yang baru tidak dibuat di atas tiang lagi kabel-kabel ini ataupun ada cadangan kebanyakan projek perumahan menggunakan *cable trunking* di bawah tanah. Ini nampak lebih selamat dan juga tidak ada tiang-tiang dibina berhadapan dengan rumah-rumah.

Soalan kedua saya, adakah pihak TNB boleh menaikkan subsidi 300 kilowatt kepada 500 kilowatt kerana banyak rungutan dikenakan GST atas 300 kilowatt. Jadi pihak kementerian boleh fikirkan kerana ini ada rungutan daripada peringkat akar umbi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Salim atas soalan tambahan. Pertama, berkaitan dengan kabel elektrik di kawasan-kawasan perumahan sama ada di tiang elektrik ataupun dibuat di dalam tanah. Sebenarnya, untuk tujuan kawasan-kawasan perumahan ini, ada sesetengah kawasan perumahan sememangnya kalau kita tengok di *gated community*, kebanyakan di *gated community* ini dipasang di dalam tanah sebab dia tidak mahu ada kabel wayar elektrik itu di atas.

Akan tetapi kalau untuk pada jarak yang jauh, maksudnya penyambungan kawasan-kawasan taman itu, mereka buat di atas tiang kerana kedua-duanya tidak ada masalah tetapi daripada segi kos kepada pembinaan di antara di atas tiang dengan di dalam kabel. Kalau kita tengok di *gated community*, kawasan dia kecil, memanglah dia buat bawah tanah. Dia sememangnya boleh saya katakan di Dewan ini bahawa boleh. Kedua-duanya itu boleh digunakan berasaskan kepada kos dan infra kepada tempat itu. Itu soalan yang pertamalah.

Kemudian soalan yang kedua mengenai dengan 300 kilowatt, yang kita kenakan sekarang ialah 300 kilowatt ke bawah bagi pengguna-pengguna. Sebanyak 300 kilowatt ke bawah tidak dikenakan GST dan juga tidak ada kenaikan daripada segi tarif elektrik. Sebanyak 300 kilowatt ini kalau diterjemahkan kepada ringgit, ia adalah lebih kurang RM77 sebulan. Maknanya RM77 sebulan tidak dikenakan. Yang Berhormat Senator telah mencadangkan dinaikkan dari 300 kilowatt kepada 500 kilowatt. Apa yang boleh saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, saya ambil pandangan ini, saya ambil maklum ini dan saya boleh bawa balik untuk dibentangkan di peringkat kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita beralih kepada soalan seterusnya tetapi sebelum itu saya telah pun menerima makluman daripada Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan bahawa beliau tidak dapat hadir ke Dewan pada hari ini atas sebab-sebab yang tertentu. Beliau pun telah mengarahkan Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain untuk mengemukakan soalan seterusnya.

5. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apa peluang-peluang pekerjaan yang dapat disediakan kepada generasi muda khususnya mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi golongan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Megat selaku wakil Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia yang berpenduduk lebih kurang 30 juta mempunyai lebih kurang 13.9 juta tenaga kerja atau *workforce*, dengan izin, dan penduduk yang umurnya bekerja lebih kurang 13.5 juta. Penganggur ialah 2.7 juta lebih kurang, pengangguran di negara kita iaitu lebih kurang 0.41 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani masalah pekerjaan dalam berbagai-bagai kategori, Kementerian Sumber Manusia juga terlibat dengan beberapa kementerian yang lain. Antaranya Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga agensi-agensi dibawa kementerian-kementerian yang saya sebutkan dan juga kementerian-kementerian lain.

Tuan Yang di-Pertua, dua inti soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Nalla yang diwakilkan oleh Yang Berhormat Datuk Megat, yang pertama ialah peluang pekerjaan dan yang kedua, langkah-langkah bagi kita untuk menangani ataupun memberi peluang kepada pekerja-pekerja, anak-anak muda di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kekosongan yang dilaporkan dalam Portal JobsMalaysia sehingga 8 April 2015, kekosongan aktif, dengan izin dalam tempoh enam bulan biasanya kita buat. Siswazah ialah 7,073 dan bukan siswazah ialah 96,680. Jadi ini adalah bagi mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran pada tingkat yang lebih tinggi dalam skop bukan siswazah biasanya, Tuan Yang di-Pertua. Jumlah semua ialah 103,753.

Sementara itu kekosongan mengikut kategori yang dapat direkodkan oleh Kementerian Sumber Manusia sehingga 8 April ialah 103,753 tadi. Pengurusan, dia ada tiga tadi, Tuan Yang di-Pertua. Berasaskan komisen, berasaskan gaji dan sijil GCS.

Skop perjawatan	Kekosongan
Pengurusan	2,676
Profesional	4,156,
Juruteknik dan profesional bersekutu	889
Perkeranian	2,222,
Perkhidmatan dan jualan	6,444
Pekerja mahir, pertanian, perhutanan dan perikanan	710
Pekerja pertukangan dan yang berkaitan	3,231
Operator, loji, mesin dan juga pemasang	14,513
Pekerja asas	68,086
Jumlah	103,753

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berusaha mencari jalan bagaimana kekosongan ini diisi oleh anak-anak muda kita di mana kita telah membuat penjodohan pekerjaan, *job matching* kita panggil. Di mana 362,562 penjodohan pekerjaan telah pun kita lakukan. Ini tidak bermakna semua dapat bekerja. Kekosongan kita ada 103,753.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) membantu pencari kerja termasuk generasi muda yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran. Jabatan Tenaga Kerja juga telah melaksanakan berbagai-bagai program bagi membantu pencari kerja bagi memberi maklumat tentang peluang-peluang pekerjaan yang wujud dalam negara. Majikan juga digalakkan untuk melaporkan kekosongan jawatan serta menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Tenaga Kerja bagi mengiklankan kekosongan kepada pencari kerja sama ada melalui Portal Job Malaysia atau secara manual.

■1100

Kementerian Sumber Manusia juga melalui Jabatan Tenaga Manusia menyediakan latihan kemahiran yang memberi peluang kepada belia untuk membuat pilihan laluan kerjaya mereka terutama kepada belia yang tidak berpeluang ke peringkat yang lebih tinggi. Pelbagai usaha dijalankan oleh jabatan bagi memastikan golongan ini mendapat pekerjaan yang sesuai terutamanya sebaik sahaja tamat latihan. Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia membuat pendedahan pekerjaan kepada pelajar semester akhir melalui Portal *Job Malaysia*. Kementerian juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan Skim Perantisan PSMB bertujuan untuk melatih lepasan PMR, SPM atau pelajar yang tercir dengan kemahiran yang khusus bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir di sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Latihan di bawah skim ini adalah berasaskan *dual training system*, dengan izin, dan mengambil masa antara 18 bulan hingga 30 bulan bergantung kepada jenis Program SKM tahap satu hingga tahap 3. Melalui skim perantisan PSMB ini, perantis bukan sahaja akan memperoleh kelayakan kemahiran tambahan yang diiktiraf oleh kerajaan, sijil kemahiran Malaysia tetapi juga penempatan pekerjaan di syarikat majikan penaja sebaik sahaja latihan mereka tamat. Selain itu bagi menangani isu belia menganggur, PSMB juga telah memperkenalkan *Future Workers Training Scheme* (FWT) dengan izin. Objektif utama kewujudan skim ini adalah untuk membekalkan bakal pekerja dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh industri khusus untuk mengisi jurang sebagai pekerja yang berwibawa sebelum diambil bekerja oleh majikan. Skim FWT ini juga disasarkan kepada belia sama ada lepasan sekolah atau graduan yang memenuhi syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh majikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas ucapan dan penjelasan yang pada saya cukup tepat. Kita juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada kementerian atas program-program yang telah disusun yang begitu banyak khususnya bagi membantu belia-belia.

Namun demikian Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapat penjelasan, adakah kementerian mempunyai perangkaan yang terperinci soal pendaftaran mereka, pencari-pencari kerja sehingga tahun 2014?

Sejauh mana keberkesanan program ini dalam membantu belia-belia ini mendapatkan kerjaya mereka dan akhirnya pasti mereka boleh mempunyai kehidupan yang sempurna? Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini, sebenarnya kita bukan sahaja mendaftarkan pekerja-pekerja ataupun anak-anak muda yang sedang mencari kerja. Akan tetapi kita juga mendaftarkan majikan-majikan. Pendaftaran majikan dan pencari kerja yang dilaporkan di Portal JobMalaysia Yang Berhormat senator, ini melalui kementerian kita, Kementerian Sumber Manusia.

Sehingga 8 April, bukan sahaja hujung tahun, 8 April, bilangan majikan saya ingat saya sebutkan keseluruhan dari tahun 2014 dan tahun 2013. Tahun 2013 kita daftarkan majikan 16,757. Tahun 2014, 14,040. Sehingga April 2015 sejumlah 3,091 orang majikan telah kita daftarkan untuk menyediakan pekerjaan. Jadi, dari tahun 2010 hingga tahun 2015 sejumlah 137,576 orang majikan telah pun kita daftarkan dan majikan-majikan ini menyediakan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, contoh semalam saya di Permatang Pauh. Kita menyediakan *job fair*, kita menyediakan *job matching* untuk kawasan utara. Bukan kempen Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kebetulan kita ada di sana. Kita harap Barisan Nasional menang kali ini. Kita menyediakan 50 orang majikan yang menawarkan pekerjaan. Di mana 5,000 peluang pekerjaan disediakan. Sehingga petang semalam sahaja saya berada di sana sejumlah 2,300 peluang pekerjaan telah pun ditawarkan kepada pekerja-pekerja. Kita *on the spot* kita bagi terus pelantikan majikan itu yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu kerja aktif yang kita daftarkan saya ada sebenarnya dua kategori iaitu yang pertama siswazah dan bukan siswazah. Siswazah kita ada keseluruhan 2003,336 orang siswazah sehingga April 2015. Lelaki 64,112 orang siswazah, perempuan 139,224 orang siswazah. Manakala bukan siswazah, lelaki 66,170 orang, perempuan 80,650 orang. Maknanya 146,820. Semua sekali ialah 350,156 jumlah pencari kerja aktif- pencari kerja maknanya dalam tempoh enam bulan yang mereka telah.

Sebenarnya kita da juga kategori umur Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat mungkin dalam 15 tahun hingga 19 tahun itu mungkin anak-anak muda yang kadang-kadang mereka mencari kerja untuk menambah peningkatan daripada segi karier mereka. Akan tetapi yang mungkin kita boleh fokus lebih ialah kepada golongan belia maknanya yang hampir-hampir umur 30-an dan 40-an, yang saya kira pendidikan pun telah mungkin berakhir dan mereka masuk ke alam pekerjaan. Di sini sahaja lebih kurang umur 30 tahun hingga 39 tahun ada 17,136 orang. Umur 20 tahun hingga 29 tahun, 53,980 orang pencari kerja aktif yang kita daftarkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apa langkah ataupun usaha daripada kementerian di dalam mewujudkan peluang kepada negeri-negeri ataupun lokasi-lokasi yang bukan di dalam radar utama industri ataupun bagi pihak majikan, misalnya bagi negeri Perlis. Apakah agihan peluang kepada negeri-negeri yang agak jauh daripada arus utama? Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang sebutkan tadi sebenarnya kita ada 12 program utama yang kita buat tanpa mengira di mana negeri kita berada.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kita ada 32 Institut Latihan Perindustrian. Kita sudah lapan i-Tech. Maknanya Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan kita ada sebuah institut latihan yang kita buat bersama dengan kerajaan Jepun di seluruh negara. Saya ingat termasuklah tanpa kira walaupun Perlis itu di Utara, Selatan, Sabah, Sarawak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di utara kursus yang kita buat tanpa melibatkan di mana lokasi kita berada ialah 12 program yang kita adakan Tuan Yang di-Pertua. Pertama, seperti yang saya sebutkan tadi Portal *Job Malaysia*. Ini kita telah merancang untuk mengadakan setiap kawasan Parlimen di seluruh negara. Karnival Pekerjaan, sasaran kita *Job Malaysia* kita ada 43,780. Karnival Pekerjaan sasaran kita 398,190 jawatan, penempatan dengan kerjasama yang lain pembangunan pasaran buruh, temu duga terbuka.

Program-program ini kita buat juga dengan temu duga terbuka, *walk-in interview*, dengan izin. Penempatan daripada program kerjasama dengan agensi lain seperti MARA dan sebagainya. Kita ada juga program pencari waktu malam maknanya kita ada pekerja-pekerja yang bekerja waktu malam.

Kadang-kadang kita buat *jobs fair* waktu siang mereka tidak datang kerana mereka bekerja waktu malam. Jadi kita sesuaikan supaya ada peluang-peluang pekerjaan waktu malam akan disediakan untuk pekerja-pekerja kita. Ada lagilah Tuan Yang di-Pertua Program Penempatan dan Latihan Azam Kerja bahkan kita juga menyediakan untuk peluang-peluang pekerjaan bagi golongan-golongan OKU. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ingat harap boleh dapat menjawab soalan. Kalau ingin kemukakan lagi tambahan, boleh rujuk kepada kementerian. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Seterusnya kita beralih ke soalan Dato' Boon Som A/L Inong.

6. Dato' Boon Som A/L Inong minta Menteri Perdana Menteri menyatakan, jumlah peruntukan disalurkan bagi program PERMATA, daerah terlibat, jumlah pelajar dan guru, kurikulum, model pembelajaran yang dilaksanakan serta *outcome* daripada program ini sejak ia dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 2015 jumlah peruntukan yang disalurkan telah digunakan sebagai peruntukan mengurus pembangunan dan projek rangsangan ekonomi. Walau bagaimanapun, sebahagian besar peruntukan tersebut telah disalurkan kepada agensi-agensinya pelaksana yang bekerjasama dalam melaksanakan Program PERMATA Negara seperti KEMAS, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain agensi yang turut terlibat dalam Program PERMATA Negara.

Pada tahun 2015, Bahagian PERMATA menerima peruntukan sejumlah RM51,248,399. Peruntukan ini digunakan untuk pengurusan dan pengoperasian 88 buah Pusat Anak PERMATA Negara termasuk pembayaran emolumen, tenaga pendidik, melaksanakan Program PERMATA Pintar, PERMATA Insan, PERMATA Seni, Perkasa Remaja dan PERMATA Kurnia. Peruntukan pembangunan berjumlah RM4,037,500 juga telah digunakan bagi pembinaan Pusat Anak PERMATA Negara baru di Parlimen Jeram, Subang, Gopeng, Kuala Krai dan juga Tanah Merah. Program PERMATA negara ialah sebuah program berfokuskan kepada pendidikan kanak-kanak sebagai *complementary* dan juga *supplementary* kepada sistem pendidikan negara yang sedia ada. Sehingga kini, seramai 18,467 orang kanak-kanak telah berpeluang mengikuti Program PERMATA Negara di 742 buah taska dan PAPN yang ditubuhkan di 128 buah daerah di seluruh negara. Jumlah pendidik yang terlatih yang terlibat dalam melaksanakan program PERMATA Negara seramai 3,663 orang pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, program PERMATA Negara mengguna pakai kurikulum PERMATA Negara yang telah digubal berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berteraskan kepada prinsip Rukun Negara. Matlamat kurikulum PERMATA Negara ialah untuk menyediakan program asuhan dan didikan awal yang bersepadu dan menyediakan peluang kepada kanak-kanak di bawah empat tahun untuk mengikuti program pembelajaran awal yang berkualiti dan berstruktur. Ini bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang mempunyai sahsiah mulia, kerohanian yang mantap, kecerdasan intelek tinggi, menghargai kepelbagaian budaya, patriotik dan mengamalkan gaya hidup sihat. Teknik pembelajaran PERMATA adalah berkonsepkan belajar sambil bermain bagi merangsang proses pembentukan jaringan *synapse* dalam otak kanak-kanak serta menggunakan teknik-teknik pembelajaran yang menyeronokkan dan yang bersesuaian dengan fitrah semula jadi kanak-kanak.

Kurikulum PERMATA Negara juga menekankan kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak dengan menggalakkan mereka menggunakan kelima-lima deria mereka dalam proses memerhati, meniru, meneroka, cuba daya, mengaplikasikan terhadap persekitaran sekeliling mereka sehingga proses ini menjadi kebiasaan. Proses rangsangan minda kanak-kanak dibuat secara sistematik dan berterusan melalui tiga kaedah utama iaitu meneroka, mencuba dan mengalami sendiri melalui aktiviti permainan.

Bagi kajian *outcome*, Program PERMATA Negara dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menjalankan tiga kali kajian keberkesanan pelaksanaan Program PERMATA untuk menilai keberkesanan program ini. Berdasarkan kajian tersebut majoriti kanak-kanak yang mengikuti program PERMATA telah menunjukkan keupayaan melebihi satu tahun *miles stone* mereka. Ini membuktikan keberkesanan program pembelajaran PERMATA yang menunjukkan kepada perkembangan positif pembangunan kanak-kanak negara ini. Terima kasih.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab soalan yang baik sekali dengan penuh fakta. Tahniah kepada PERMATA, ibarat melentur buluh, biarlah waktu rebunginya. Membina generasi akan datang yang lebih berjati diri.

Pertanyaan saya, adakah kerajaan mencadangkan memperluaskan program PERMATA ke semua kawasan Parlimen terutama di luar bandar supaya lebih ramai kanak-kanak berpeluang menikmati pendidikan di bawah program ini sesuai dengan slogan 'Semua Anak Permata Negara'. Adakah kerajaan bercadang memperluaskan Program PERMATA ke sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan supaya lebih ramai pelajar mendapat manfaat daripadanya? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat kerajaan untuk memperluaskan program ini di peringkat Parlimen. Kalau boleh semua Parlimen di Malaysia ini, 222 buah Parlimen ini ada Program PERMATA sebab program ini saya telah maklumkan tadi tentang kebaikannya. Dalam masa yang sama, sebenarnya agensi lain telah pun menggunakan kurikulum PERMATA ini untuk diterima pakai di agensi yang berkenaan. Contohnya ialah seperti yang saya sebutkan tadi, KEMAS, Perpaduan dan lain-lain lagi menggunakan program yang sama. Jadi kita boleh yang pertamanya, diuruskan sendiri oleh PERMATA. Keduanya, diuruskan oleh agensi-agensi lain.

Pada masa sekarang Yang Berhormat, KEMAS ada 448 program taska bersama PERMATA dengan 9,075 orang anak-anak PERMATA dan jumlah pendidiknya ialah 1,816 orang. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ada 41 buah yang melibatkan 880 orang anak-anak dan 246 orang pendidik. Yayasan Pembangunan Terengganu ada 64 buah taska, 3,670 orang anak-anak dan 628 orang pendidik. Bagi Taska Komuniti Tempat Kerja terutamanya bagi ibu-ibu yang bekerja, kita 101 buah yang melibatkan 2,525 orang anak-anak dengan 505 orang pendidik.

Jadi program ini, PERMATA uruskan terus membina pusat taska ataupun melalui jabatan-jabatan yang telah saya sebutkan tadi dan ia boleh diperluaskan di peringkat swasta sebab program ini telah dibuat kajian yang begitu *detail*, dengan izin, mendalam untuk membolehkan satu pendekatan dibuat bagi pendidikan anak-anak di bawah empat tahun dan seterusnya. Sebenarnya Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak tanya soalan tambahan. PERMATA ini bukan sahaja kita ada Program PERMATA Negara untuk anak-anak di bawah empat tahun, kita ada program-program lain yang melibatkan mereka yang berumur 16 ke-17 tahun dan seterusnya.

Jadi yang itu, kalau timbul soalan saya akan jawablah. Akan tetapi buat masa sementara waktu saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, Program PERMATA akan diluaskan dan saya berterima kasih kepada Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua, sebab Dewan Negara bagi soalan yang cukup positif tentang PERMATA. Ada juga tempat-tempat lain yang membuat pertanyaan, selepas itu mengadakan sindiran-sindiran yang tidak wajar kita berbuat demikian sebab ini benda yang baik. Kita kena cakap baik, kalau tidak baik kita tegur.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawasanya di mana keterangan daripada Menteri ini penambahan dan pembukaan lebih banyak pusat-pusat PERMATA. Maka dengan itu saya difahamkan pengambilan guru dan kurikulum ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Justeru itu, saya ingin bertanya berapa ramai kah tenaga pengajar yang akan direkrut pada tahun ini?

Soalan saya yang seterusnya ialah jika kita merujuk kepada carta organisasi Bahagian PERMATA, terdapat banyak lagi kekosongan di jawatan sokongan. Bilakah jawatan itu akan diisi dan bilakah Bahagian PERMATA ini akan membuka pejabat-pejabat di setiap negeri? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah sebutkan PERMATA bersama agensi dan juga perluasan Program PERMATA. Terutamanya ada 14 buah kawasan lagi yang harus kita lengkapkan melalui usaha sama dengan kerajaan negeri, PR1MA dan juga Kementerian Pendidikan. Ini ialah sebenarnya menjawab soalan nombor satu tadi.

■1120

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat, saya hendak memaklumkan tentang pengambilan kakitangan. Saya sedih tentang apa yang berlaku apabila ada dalam kalangan agensi yang mengatakan kekurangan kakitangan dan sebagainya. Saya hendak beritahu, dan saya telah maklumkan kepada kawan saya, Timbalan Menteri KPDNKK tadi bahawa pengambilan kakitangan untuk Pekerja Sambilan Harian, kita boleh ambil yang mempunyai ijazah, STPM dan juga SPM. Bagi SPM, kita akan bayar gaji sebanyak RM54.00. STPM sebanyak RM72.00 satu hari dan juga graduan dibayar sebanyak RM100.00 sehari. Ini boleh direkrut serta-merta oleh agensi yang berkenaan.

Kalau sekiranya PERMATA ada masalah untuk mendapatkan kakitangan, boleh ambil serta-merta melalui *Circular* yang telah dikeluarkan oleh JPA pada tahun 2011. Jadi, kekurangan kakitangan tidak timbul dalam PERMATA dan juga semua pihak dan kita mahu semua sekali ketua-ketua jabatan membaca *Circular* ini dan lihat apakah yang harus mereka buat. Apa yang dibekukan oleh JPA ialah tentang pengambilan jawatan baru dan sebagainya. Pekerja sambilan ini tidak dibekukan, tidak ada *Circular* yang telah dikeluarkan untuk membekukannya. Jadi, berapakah jumlah kakitangan PERMATA yang akan diambil? ini akan dibagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat sebab ini lebih khusus? Kita tahu bahawa pelantikan pendidik ini mesti melalui kursus, kena ada kursus yang mereka hadir. Macam KEMAS, dia ada penolong pembantu KEMAS. PERMATA ini dia cuma guru dan tidak ada pembantu dan mereka ini mesti melalui kursus dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kalau ada keperluan- ia tidak boleh, mungkin kadang-kadang ada masalah, guru mungkin berhenti atau sebagainya, jadi kita boleh, semua jabatan boleh- ini saya menjawab bukan untuk PERMATA sahaja tetapi untuk semua sekali, boleh mengambil pekerja sambilan dalam keadaan sekarang ini negara sedang-sesetengah pihak mengatakan kita ada masalah daripada segi pekerjaan dan sebagainya, kita boleh menggunakan *Circular* ini untuk mengambil kakitangan. Jadi daripada segi PERMATA, sebenarnya program ini berterusan, kakitangan akan diambil dan jumlahnya saya tidak dapat beri secara khusus. Akan tetapi saya akan bagi secara bertulis dan jumlah yang ada sekarang pun saya telah bacakan sebentar tadi. Jadi Yang Berhormat, sebenarnya, daripada segi kekurangan apa-apa sahaja kakitangan di mana-mana jabatan termasuk PERMATA, ketua jabatan boleh menggunakan budi bicara masing-masing untuk pengambilan Pekerja Sambilan Harian untuk semua perkhidmatan yang ada di negara ini. Terima kasih.

7. Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan melalui Kempen Penurunan Harga Barang Peringkat Kebangsaan 2015 telah dilancarkan pada awal Mac 2015, harga sebanyak 8,285 buah produk pelbagai barangan telah diturunkan sebanyak 70 peratus yang melibatkan 1,036 orang pengusaha industri runcit termasuk pasar raya besar serta pasar raya mini di seluruh negara. Bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap kempen ini? Apakah langkah-langkah susulan pihak Kementerian dalam memastikan kelangsungan momentum kempen penurunan harga tersebut?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya mohon maaf kerana beberapa hari ini tidak berapa sihat dan sakit tekak, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Akan tetapi kerana ada soalan Nombor 7.

Timbalan Yang di-Pertua: Cubalah sebaik mana yang mungkin.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Saya minta maaf. Mungkin jawapan saya ini tidak berapa jelas sebab ini suara, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad. Kalau boleh tidak banyaklah soalan-soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Seri. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mula menganjurkan Kempen Penurunan Harga pada tahun 2008. Kempen Penurunan Harga ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan kegunaan harian terutama barang keperluan pada harga yang berpatutan. Penyertaan kempen ini adalah secara sukarela dengan peratusan penurunan harga antara 10 peratus hingga 70 peratus dan tempoh minimum penurunan harga ini adalah selama 30 hari.

Kempen Penurunan Harga 2015 peringkat kebangsaan telah dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 1 Mac 2015 yang lalu iaitu di *The Store*, Kuantan Parade dan kempen ini turut dilaksanakan secara serentak di seluruh negeri pada hari yang sama. Kempen Penurunan Harga 2015 telah disertai oleh 16 buah syarikat peruncitan tempatan dan asing dengan melibatkan 1,036 buah cawangan dan penawaran diskaun sehingga 70 peratus bagi 82,582 buah produk, Yang Berhormat Senator Datuk Seri.

Antara langkah susulan yang telah dilaksanakan oleh kementerian dari semasa ke semasa adalah dengan mengadakan *engagement* atau perbincangan dengan pihak peruncit, pengilang dan pengusaha restoran bagi menggalakkan penyertaan semua pihak dalam pelaksanaan kempen ini. Hasilnya, selain daripada 16 buah syarikat yang saya sebut tadi, terdapat tambahan 24 buah syarikat lagi yang bersetuju untuk turut menyertai Kempen Penurunan Harga. Ini menjadikan jumlah keseluruhan penyertaan sehingga 27 April yang lalu ialah sebanyak 42 buah syarikat yang melibatkan 1,382 buah cawangan pasar raya di seluruh negeri termasuk Sabah dan juga Sarawak dengan penawaran diskaun sehingga 70 peratus bagi 48,856 buah produk dan tempoh kempen mereka bermula pada bulan Mac 2015.

Untuk makluman, antara syarikat pengilang yang turut menyertai program ini ialah F&N Dairies (M) Sdn. Bhd. yang melibatkan produk *F&N*, Krimer Manis Bervitamin 50 gram dan juga satu kilogram. Untuk makluman, kementerian ini juga masih menerima permohonan-permohonan daripada peniaga untuk mengadakan Kempen Penurunan Harga. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Kempen Penurunan Harga ini masih mendapat sambutan daripada rakyat dan peniaga dan kempen ini bukan sahaja dapat memberi maklumat mengenai *outlets* yang menawarkan harga rendah tetapi juga dapat membantu meringankan beban perbelanjaan harian terutama kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selain daripada itu, ia juga sebagai langkah membantu mempromosikan premis perniagaan yang menawarkan penurunan harga ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Bashah yang menjawab soalan saya dengan suara serak-serak basah. Saya faham, saya mengerti dan saya lega rasanya dengan jawapan yang diberikan olehnya bahawa kempen ini berjaya untuk mendekati hati rakyat.

Saya hendak tanya tadi, adakah Kempen Penurunan Harga Barang ini akan berterusan? Adakah ini ditumpukan hanya kepada *supermarket* dan pasar raya besar sahajakah atau tidak? Saya rasa kalau ada kedai-kedai runcit dalam bandar lain atau kampung hendak mengambil bahagian, bagaimanakah caranya? Itu saya hendak tanya tadi. Adakah galakan yang diberikan oleh pihak kementerian supaya ia berterusan? Lagi satu saya hendak tanya, adakah sistem pemantauan berpanjangan untuk melihat kempen ini berjaya atau tidak? Dengan itu, saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri demam, jadi cuba jawab secara ringkaslah Yang Berhormat ya.

■1130

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Memang daripada segi kempen perundangan ini adalah terbuka sebenarnya. Terbuka secara sukarela kepada mana-mana pasar raya dan juga pasar mini, pengilang dan peruncit. Jadi, bukan sahaja kepada pasar raya-pasar raya besar tetapi kepada sesiapa sahaja yang secara sukarela untuk bersama dalam kempen ini. Sehingga 27 saya sebutkan tadi, peniaga yang telah menjalani kempen ini adalah banyak daripada *Family Shopping Mart, KK Mart, Supermarket* dan juga *Superstore* di seluruh negara dan juga termasuk Sabah dan Sarawak.

Soalan Yang Berhormat tadi kepada peniaga yang berhasrat dan berminat untuk menyertai kempen ini, boleh mengemukakan permohonan kepada bahagian-bahagian pembangunan perniagaan KPDNKK di Kementerian sebelum tempoh 14 hari kempen ini dan sekurang-kurangnya tempoh minimum penyertaan ini 30 hari. Kalau lebih lagi, lagi baik. Akan tetapi dia tidak bolehlah kalau dia hendak menyertai dalam kempen ini cuma 14 hari tetapi kita hendak kalau boleh 30 hari atau pun 60 hari. Kalau lebih lama, lebih baik dan boleh menghantarkan permohonan kepada Kementerian untuk kita membuat publisiti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim. Buat secara ringkas Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri pun demam, saya pun tidak kuat soalnya, tidak ganaslah supaya [*Ketawa*] Itu menunjukkan Yang Berhormat Menteri kuat kerja. Soalan saya, kempen penurunan harga ini amat baik dan langkah terpuji, di mana rakyat pun mahu kan. Kempen turun harga tidak cukup kerana tidak semua orang akan turut sama dalam kempen tersebut. Apa yang rakyat hendak hari ini supaya langkah penguatkuasaan dapat juga dipertingkatkan agar harga barang ini dapat dikawal yang mana barang tidak naik, tidak perlulah naik, yang *free GST, free GST*.

Keduanya, saya hendak juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melihat kafeteria, kantin sekolah dan juga kafeteria di kawasan universiti juga. Saya difahamkan kantin sekolah juga menaikkan harga barang. Ibu bapa juga merungut di atas harga barang di kantin sekolah dan juga di kafeteria di universiti. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' atas soalan tambahan. Mengenai dengan langkah-langkah Kementerian daripada segi penguatkuasaan. Jawapan saya sebelum ini kepada Yang Berhormat sendiri dalam Dewan ini, memang sentiasa kita mengadakan penguatkuasaan di semua peringkat di seluruh negara. Oleh sebab itu, jumlah statistik penguatkuasaan ini meningkat dari hari ke hari. Apatah lagi setelah GST ini diperkenalkan pada 1 April yang lalu, boleh dikatakan menggerakkan keseluruhan, bukan sahaja di Kementerian KPDKK tetapi juga Kementerian-kementerian lain. Contohnya, pihak Kastam dan sebagainya kerana kita mengakui apa Yang Berhormat sebut tadi, peningkatan jualan harga barang-barang bukan sahaja di kedai-kedai atau pun di gerai-gerai makan, restoran atau pun di gerai tapi sehingga ke kantin-kantin sekolah. Itu bergantung kepada pihak Kementerian Pelajaran, mungkin kita boleh berbincang.

Kita tahu memang ada rungutan daripada pengguna, ibu bapa, bahawa di kantin-kantin sekolah juga telah menaikkan harga jualan seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. *Inshaa-Allah* kita sekarang ini, kita lebih lagi menggerakkan penguatkuasaan dan kita telah pun mengarahkan supaya kita adakan *mobile* penguat kuasa ini bergerak ke seluruh- kita telah bermula pada semalam supaya *mobile* ini kita tempatkan di kawasan-kawasan dia akan bergerak tiga jam satu tempat, lepas itu bergerak tiga jam ke satu tempat. *Mobile* ini adalah *mobile* untuk menerima aduan dan juga *mobile* yang bersama dengan pegawai-pegawai penguat kuasa untuk turun ke kawasan-kawasan, termasuklah di luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baiklah, memandangkan kita hanya tinggal dua hari lagi sesi bersidang pada penggal kali ini dan kita masih ada sembilan lagi rang undang-undang yang hendak dibentangkan dan yang perlu dibahas.

Maka, setakat ini dululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini. Akan tetapi sebelum itu saya hendak mengingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa mana-mana di antara Yang Berhormat yang ingin membahaskan sembilan rang undang-undang yang akan dibentangkan pada hari ini dan esok, 28 hari bulan, tolong kemukakan ya. Saya mohon kerjasama kemukakan atau pun maklumkan kepada kita jika Yang Berhormat ingin turut serta membahaskan rang undang-undang tersebut supaya senang kita mengatur masa pada hari ini dan esok, 28 hari bulan ya.

Dengan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(3), sukacita saya ingin menjemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini. Sekian, terima kasih.

*[Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH KHAS MENENTANG KEGANASAN DI LUAR NEGARA 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.37 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam bahagia dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 24 September 2014, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan Resolusi 2178 atau SCR 2178 untuk menangani ancaman kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa yang disebabkan oleh perbuatan keganasan. SCR 2178 telah meminta semua negara anggota mengikut obligasi mereka di bawah undang-undang antarabangsa untuk bekerjasama dalam usaha bagi menangani ancaman yang ditimbulkan oleh orang yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing. Termasuk dengan mencegah, merekrut dan perjalanan orang sedemikian, mengendalakan dan mencegah sokongan pembiayaan kepada kumpulan pengganas serta membentuk dan melaksanakan strategi pendakwaan, pemulihan dan pengintegrasian semula bagi orang yang sedemikian apabila mereka kembali ke Malaysia.

Dalam mengiktiraf ancaman keganasan yang berterusan di dalam dan di luar Malaysia, pada 26 November 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Kertas Putih yang bertajuk, "Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan *Islamic State*" di Parlimen. Kertas Putih itu telah menegaskan komitmen kerajaan dalam membanteras ancaman yang ditimbulkan oleh *Islamic State* bersama masyarakat antarabangsa yang lain dan telah memperuntukkan langkah-langkah yang dicadangkan untuk menangani ancaman itu.

■1140

Kertas Putih tersebut juga telah mengiktiraf resolusi yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Berdasarkan syor dalam Kertas Putih itu, suatu rang undang-undang baru akan diperbuat untuk menangani secara khusus ancaman *Islamic State* ini.

Oleh itu, selain daripada Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan, Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 juga dicadangkan bagi memastikan bahawa Malaysia mempunyai rangka perundangan pembanterasannya keganasan yang membolehkan tindakan yang perlu diambil untuk mencegah dan menyekat perjalanan orang ke kawasan konflik *Islamic State* melalui penahanan, penggantungan dan pembatalan dokumen perjalanan antarabangsa.

Tindakan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini selari dengan pendekatan yang sedang diambil oleh negara lain seperti Australia, United Kingdom, Kanada dan negara Eropah lain. Contohnya seksyen baru 22A *Australian Passport Act 2005* dan seksyen baru 15A dan 16A *Australian Foreign Passports (Law Enforcement and Security) Act 2005* yang telah dimasukkan melalui *Counter-Terrorism Legislation Amendment (Foreign Fighters) Act 2014*.

Rang undang-undang ini kelak akan membenarkan Ketua Pengarah Imigresen melalui perintah untuk menggantung atau membatalkan semua dokumen perjalanan yang dikeluarkan kepada mana-mana warganegara Malaysia yang terlibat dengan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing.

Begitu juga Menteri diberi kuasa untuk mengeluarkan satu perintah untuk menuntut penyerahan dokumen perjalanan asing yang dimiliki oleh orang yang bukan warganegara Malaysia yang terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana bahagian sesuatu negara asing. Dokumen yang berkenaan hendaklah diserahkan kepada pegawai polis yang menuntutnya dengan serta-merta untuk ditahan selama 14 hari untuk membolehkan siasatan terhadap orang itu dijalankan.

Tindakan pencegahan dan sekatan perjalanan sedemikian bertujuan untuk membendung Malaysia daripada menjadi negara sumber mahupun negara transit bagi mereka yang ingin berjihad dan juga dapat menghalang warganegara Malaysia daripada menyertai aktiviti mana-mana organisasi pengganas tersenarai di negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015. Elemen utama dalam rang undang-undang ini telah diperuntukkan perkara-perkara seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta.

Sementara fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta.

Fasal 3 adalah bertujuan untuk membolehkan Malaysia menuntut bidang kuasa jenayah luar wilayah berdasarkan prinsip undang-undang antarabangsa berhubung mana-mana kesalahan di bawah akta ini. Peruntukan ini perlu berdasarkan sifat antarabangsa ancaman *Islamic State* yang melibatkan bukan sahaja warganegara Malaysia di Malaysia tetapi juga membabitkan warganegara Malaysia di luar negara di samping warganegara asing. Sememangnya *Islamic State* berkecenderungan mengeksploitasi sebarang kelompangan dan kelemahan dalam benteng keselamatan, kawalan sempadan dan Imigresen Malaysia. Sebagai tambahan, kesan aktiviti dan tindakan pihak *Islamic State* bukan sahaja tertumpu di Malaysia tetapi juga pada harta dan warganegara Malaysia di serata dunia.

Ketiga, seterusnya di bawah fasal 4 adalah diperuntukkan bahawa langkah-langkah khas di bawah akta ini terpakai bagi mana-mana orang yang membuat perjalanan ke Malaysia atau yang membuat perjalanan atau berniat untuk membuat perjalanan ke sesuatu negara asing atau ke mana-mana bahagian sesuatu negara asing dari atau menerusi Malaysia untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing.

Fasal 5 memberi Ketua Pengarah Imigresen kuasa atas permintaan Ketua Polis Negara, untuk menggantung atau membatalkan semua dokumen perjalanan Malaysia yang telah dikeluarkan kepada seseorang untuk mencegah orang itu daripada membuat perjalanan ke sesuatu negara asing.

Atau perjalanan ke mana-mana bahagian sesuatu negara asing untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai. Ketua Pengarah Imigresen hendaklah memberitahu orang itu mengenai penggantungan atau pembatalan dokumen perjalanannya. Mana-mana orang yang dokumen perjalanannya telah digantung atau dibatalkan di bawah fasal ini boleh memohon kepada Ketua Pengarah Imigresen supaya penggantungan atau pembatalan itu *dicancelkan*. Pemerolehan dokumen perjalanan Malaysia gantian atau sementara semasa penggantungan atau pembatalan itu berkuat kuasa suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun.

Fasal 6 dan 7 pula memperkatakan dokumen perjalanan asing. Di bawah fasal 6, Menteri diberi kuasa atas permintaan Ketua Polis Negara untuk memerintahkan penyerahan dokumen perjalanan asing seseorang itu selama 14 hari untuk mencegah orang itu daripada membuat perjalanan ke sesuatu negara asing atau ke mana-mana bahagian sesuatu negara asing untuk terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai.

Fasal 7 memberi pegawai polis kuasa untuk menuntut penyerahan dokumen perjalanan asing seseorang mengikut perintah Menteri. Seseorang melakukan kesalahan jika dia tidak menyerahkan dokumen perjalanan itu kepada pegawai polis itu dengan sertamerta setelah tuntutan dibuat. Kesalahan juga dilakukan jika orang itu memperoleh dokumen perjalanan asing gantian atau sementara semasa dokumen perjalanan yang sedia ada disita. Kesalahan di bawah fasal ini boleh dihukum dengan penjara selama tempoh sehingga dua tahun.

Fasal 8 memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Fasal 9 memperuntukkan bahawa Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 dan seksyen 173A, seksyen 293 dan seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai bagi suatu kesalahan di bawah akta ini.

Fasal 10 memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan yang perlu atau sesuai manfaat untuk memberi kuat kuasa penuh kepada atau untuk melaksanakan peruntukan akta ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai langkah-langkah khas bagi menangani orang yang terlibat dalam perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing dan bagi mereka yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit untuk membahas.

■1150

11.50 pg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015, kerana mengikut pemerhatian saya, saya ada tiga contoh yang saya akan beri.

- (i) kejadian serangan pengganas Jamadil Kiram ke atas Lahad Datu 2013 melibatkan pencerobohan kawasan pesisir pantai;
- (ii) kes rampasan kapal dagang Bunga Laurel dan penahanan tujuh orang lanun Somalia pada tahun 2011;

- (iii) kes lanun di perairan negara kapal tangki minyak Thai pada 29 Ogos 2014 di Pantai Timur Laut China Selatan.

Kejadian-kejadian ini memerlukan Kementerian memperhalus semua klausa yang membolehkan kuasa kepada Menteri dan Ketua Polis Negara serta pegawai polis seperti di bawah seksyen 6 dan seksyen 7(1) dan 7(2) agar dipanjangkan melalui perwakilan kuasa kepada Tentera Laut Diraja Malaysia dan Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia (APMM). Bagi menyekat keganasan sama ada di dalam negara ataupun luar negara semasa agensi penguat kuasa ini menjalankan aktiviti penguatkuasaan mereka di zon ekonomi eksklusif dan perairan antarabangsa.

Oleh itu bersesuaian dengan rekod kes-kes keganasan oleh organisasi pengganas yang dihadapi Malaysia dan kepentingan keterangkuman akta ini terhadap aktiviti penguatkuasaan, saya mohon Kementerian memasukkan perluasan kuasa penguatkuasaan bagi agensi-agensi penguat kuasa yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

11.52 pg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang yang berada di hadapan kita iaitu Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara. Terima kasih kepada Menteri yang telah membentangkan baru sekejap tadi yang telah menghuraikan keperluan rang undang-undang ini dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini untuk memperkemas lagi sebagai gandingan kepada Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 yang baru diluluskan baru-baru ini. Saya melihat ini ialah bersekitar, berkaitan dengan rakyat Malaysia yang ingin ke luar negara yang boleh dilihat ingin mengikuti gerakan-gerakan ataupun kumpulan-kumpulan yang telah disenaraikan dalam keganasan. Perkara yang telah dibincangkan di sini ialah untuk menyekat dengan menyekat pas perjalanan atau dokumen perjalanan untuk ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bertanya sedikit sebanyak di sini selain daripada apa yang telah diterangkan ialah kita sebuah negara yang sedang rancak di dalam semua sektor termasuk pelancongan. Kita melihat di sini ada rakyat Malaysia yang kita tidak tahu tujuannya ke luar negara. Akan tetapi setelah berada di sana ketika mereka ke luar negara mungkin pihak Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengesan tujuan mereka yang tersirat. Setelah mereka berada di sana didapati mereka telah menyertai mana-mana golongan yang telah disenaraikan.

Jadi bagaimana kedudukan mereka? Mungkin mereka duduk di sana dengan masa yang lama. Bagaimanakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka? Itu satu golongan. Golongan yang kedua orang Malaysia yang tinggal lama di luar negara dan mereka masih rakyat Malaysia. Dalam keberadaan mereka di luar negara mungkin mereka juga secara tidak disedari terlibat. Apakah Kerajaan Malaysia melalui Ketua Polis Negara dan juga imigresen boleh membatalkan kerakyatan mereka ataupun membuat kerjasama dengan negara-negara berkenaan untuk degradasi ke negara kita Malaysia?

Begitu juga dalam usaha negara kita untuk meramaikan pelancong datang ke Malaysia. Bagaimana kerajaan dapat menyaring dan mengenal pasti orang yang datang ke Malaysia itu tidak menjadikan Malaysia sebagai tempat transit ataupun pangkalan yang mereka dapat lakukan untuk tujuan keganasan. Ini kerana yang datang itu ramai kita pun tidak tahu dan kita pun tidak kenal. Walau bagaimanapun saya meyakini Kementerian mempunyai mekanisme yang tertentu untuk mengenal pasti mereka yang mungkin mempunyai niat dan juga kecenderungan melakukan keganasan melalui negara kita atau melalui transit di negara kita.

Setakat ini kita telah mendengar kerajaan, Kementerian Dalam Negeri telah menahan beberapa orang yang ingin ke luar negara yang didapati ada hasrat untuk menggabungkan diri mereka dengan kumpulan-kumpulan yang telah disenaraikan.

Maka saya ingin bertanya penahanan mereka itu sebelum ada akta ini mereka sudah boleh ditahan. Maka saya ingin tahu mereka ditahan atas akta mana supaya kita boleh memahaminya.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa istilah jihad yang telah disebut-sebut sebagai salah satu daripada istilah yang dikemukakan perlu mendapat penjelasan yang jelas dan tuntas daripada pihak kerajaan. Saya rasa jangan kita terkeliru dengan maksud jihad kerana jihad itu ruang lingkungannya luas dan perlu diberi penjelasan yang baik dan serta semua masyarakat tidak terkeliru dengan slogan-slogan itu. Ini kerana jihad ini satu kalimah yang murni, satu kalimah yang baik. Jihad itu banyak disebut di dalam Al-Quran dan juga hadis.

Jadi kita tidak mahu kita masyarakat di Malaysia sama ada orang Islam dan bukan Islam terkeliru dengan kalimah itu. Apabila disebut jihad masuk dalam minda kita perkara yang tidak baik. Oleh sebab itu walaupun saya yakin telah banyak usaha telah diterangkan, namun penerangan masih sangat diperlukan lagi kerana kekeliruan itu berlaku dalam kefahaman sebahagian daripada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja dan saya melihat akta ini dia merupakan satu pencegahan yang kita kalau dalam Islam jihad sebagai *Saddu Dzari'ah*. *Saddu Dzari'ah* ini mencegah sebelum berlakunya sesuatu yang kita melihat dia ada potensi ke arah keburukan itu. Jadi saya juga menyokong. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon.

11.59 pg.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Benda yang ingin saya bincangkan perkara yang sedikit sahaja. Sebelum itu memang kita sudah meluluskan POTA sebelum ini maka ini merupakan rang undang-undang yang perlu untuk kita melengkapkan kerajaan dan pihak berkuasa dalam pelaksanaan kita menentang keganasan.

Malaysia sebelum ini banyak kali disebut di peringkat antarabangsa bahawa Malaysia sebagai transit *point* kepada pengganas sehingga ada laporan yang mengatakan bahawa pengganasan yang meruntuhkan *TwinTower* di New York pernah transit dari Malaysia. Amat perlu kalau kita ingin membersihkan nama Malaysia daripada senarai antarabangsa bahawa kita adalah antara transit *point* yang utama untuk pengganas.

■1200

Maka perlunya Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015, dan tepatlah masanya sekiranya kita melalui undang-undang ini memperkasakan kuasa kepada Ketua Imigresen, Ketua Polis Negara dan Menteri yang bertanggungjawab supaya mereka mempunyai kuasa untuk membatalkan dokumen perjalanan ke Malaysia atau dari Malaysia ke luar negara.

Persoalan saya adalah melihat kepada fasal 5 subseksyen (5) dan (6) bersamaan dengan fasal 7 subseksyen (5) dan (6) yang sama bunyinya, tiada seorang pun yang dokumen perjalanan Malaysiannya telah digantung atau dibatalkan di bawah akta ini boleh memperoleh dokumen perjalanan Malaysia gantian atau sementara semasa perintah penggantungan atau perintah pembatalan oleh subseksyen (1) berkuat kuasa dan subseksyen (6) berbunyi seseorang yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun.

Soalan saya ialah sekiranya seseorang itu telah dibatalkan dokumen perjalanannya bagaimana seseorang itu boleh mendapat dokumen perjalanan Malaysia gantian atau sementara? Sekiranya mereka berjaya mendapat dokumen perjalanan sementara itu maka salah siapa? Adakah salah mereka yang mendapatnya atau salah mereka yang mengeluarkan dokumen sementara itu. Oleh sebab sekiranya mereka mendapat dokumen sementara maksudnya pihak berkuasa membenarkan mereka menggunakan dokumen tersebut untuk keluar dari Malaysia.

Maka kalau hanya kita memberikan hukuman kepada mereka yang memperoleh tetapi tidak ada sebarang hukuman kepada mereka yang mengeluarkan dokumen itu maka tidak lengkaplah undang-undang ini untuk mencegah pihak berkuasa atau sesiapa yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan dokumen tersebut. Minta penjelasan daripada Menteri bagaimana kita untuk mencegah isu ini dari berlaku supaya lengkapnya langkah-langkah pihak kerajaan untuk membendung negara kita dari pusat transit. Itu sahaja soalan saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman.

12.03 tgh.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Dalam Negeri yang telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif membendung keganasan dan gerakan militan. Tahniah juga kepada kerajaan kerana telah membuat langkah-langkah pencegahan pergerakan pengganas dan militan ini lebih awal sama ada masuk dan keluar dari negara kita ini atau menjadikan negara ini sebagai transit aktiviti ganas mereka.

Dunia semakin bergolak keganasan kini merentasi sempadan. Pemakaian undang-undang ini melintasi wilayah amatlah penting bagi menangani gerakan militan tanpa sempadan ini. Di Syria, di Iraq, di Yaman, di Ukraine kita dapati pertempuran terjadi kepada mereka dari pelbagai buah negara dan juga latar belakang. Sekarang dunia menyaksikan keganasan bukan lagi di medan peperangan tetapi juga keganasan berlaku di tengah-tengah bandar raya dengan pelbagai aktiviti letupan dan juga sabotaj.

Keganasan bukan lagi di antara negara dengan sebuah negara yang lain malah keganasan melibatkan pelbagai warganegara dengan pelbagai warganegara yang lain. Di fasal 3 rang undang-undang ini menyebut dengan jelas iaitu rakyat Malaysia tidak terkecuali. Semenjak dua tahun yang lepas, diketahui ramai rakyat Malaysia mengangkat senjata pergi berperang di beberapa buah negara yang bergolak. Malah ada di antara mereka yang terkorban dalam peperangan tersebut.

Pergolakan dan peperangan ini bukanlah satu yang biasa-biasa, pertempuran antara dua orang musuh tidak lain ialah aktiviti bunuh-membunuh. Maka di sini para pejuang ini akan didedahkan dengan pelbagai taktik dan teknik peperangan. Mereka didedahkan dengan pelbagai jenis senjata seperti bom pelbagai jenis, kerja-kerja sabotaj dan paling teruk mereka ini akan di *brainwash* mengikut aliran ideologi yang mereka perjuangkan. Tiada lagi diplomasi dan tiada lagi bertolak-ansur.

Perjuangan militan dan keganasan ini memberi kesan kepada mereka apabila mereka kembali ke tanah air, di fasal 4 menyebut perkara ini. Kebimbangan tentang ideologi fanatik mereka ditambah dengan kemahiran teknik dan taktik peperangan boleh menyebabkan negara dalam keadaan bahaya. Saya amat bersetuju supaya mereka ini dihalang atau ditangkap jika mereka pulang ke tanah air, dalam masa yang sama kita halang mereka yang berhasrat untuk menjadi militan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara untuk membantutkan pergerakan militan warga Malaysia ini ialah dengan menggantung dan membatalkan dokumen perjalanan mereka. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini juga mengenai kebimbangan penglibatan kaum wanita dan kanak-kanak dalam gerakan militan dan keganasan ini. Contohnya yang terjadi iaitu kaum wanita menjadi *offered lady*. Manakala kanak-kanak kecil diajar menjadi tentera kecil yang dilatih menjadi pelapis dalam gerakan *military* mereka. Kebimbangan kita juga terhadap pergaulan pelbagai bangsa ini dengan keadaan peperangan yang serba kekurangan akan menyebabkan mereka yang berperang itu terdedah kepada pelbagai jenis penyakit dan senjata biologi.

Kebimbangan kita mengenai doktrin perjuangan mereka yang keras yang tidak sesuai dengan sosiopolitik tanah air. Kebimbangan kita ialah apakah akan terjadi kepada masa hadapan anak-anak militan ini? Maka dengan itu saya amat menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Akhir sekali saya menjemput Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

12.07 tgh.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan dan peluang saat-saat esok hari terakhir mungkin bagi saya dalam Dewan yang mulia ini. Oleh sebab itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan Rang Undang-undang Langkah-langkah Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 bagi membolehkan Malaysia mempunyai rangka perundangan, pambanterasan keganasan terutamanya kegiatan militan *Islamic State*. Langkah Malaysia ini langkah yang tepat dan bertanggungjawab, terutama di peringkat antarabangsa bagi memenuhi tuntutan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menangani ancaman keganasan ini secara bersepadu di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 4(a) dan (b) yang menjelaskan bahawa akta ini akan terpakai kepada orang yang membuat perjalanan ke Malaysia atau perjalanan ke sebuah negara asing. Peruntukan ini akan dapat membendung untuk menjadikan Malaysia sebagai negara ataupun negara transit bagi mereka yang ingin menyertai kumpulan militan dan organisasi pengganas yang tersenarai di negara asing.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan daripada segi risikan dan kerjasama antarabangsa dalam mengenal pasti anggota militan daripada kalangan rakyat negara ini dan pengganas dari luar negara? Saya juga Tuan Yang di-Pertua ingin menyentuh berhubung dengan seksyen 5 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen atas permintaan Ketua Polis Negara untuk menggantung dan membatalkan semua dokumen perjalanan Malaysia yang dikeluarkan kepada rakyat negara ini bagi mencegahnya daripada membuat perjalanan ke luar negara untuk menyertai kumpulan militan atau organisasi pengganas luar negara.

■1210

Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah tindakan dan langkah kerajaan terhadap rakyat negara ini yang dikenal pasti telah berada di luar negara dan telah menyertai kumpulan militan dan pengganas luar negara seperti di Syria?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat mengambil masa yang panjang. Akhirnya, saya ingin berharap peruntukan yang terdapat dalam akta ini akan dapat membuktikan komitmen negara ini dalam menghadapi ancaman pengganas di luar negara dan memastikan tidak ada rakyat negara ini yang terjebak dengan aktiviti pengganas di luar negara. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat-sangat menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Ada satu lagi permohonan untuk membahaskan rang undang-undang ini. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Hamzah.

12.11 tgh.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Dalam Negeri kerana mengambil inisiatif penambahan akta-akta lain yang menentang keganasan dan kegiatan militan ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Malaysia berjuang atas nama agama bukan sesuatu yang baru sebenarnya. Semenjak tercetusnya Perang Afghanistan pada tahun 80-an, malah Perang Arab-Israel 1967 telah ramai anak-anak muda kita yang pergi berjuang di kedua-dua peperangan tersebut. Masalah warga yang pergi berjuang ini meliputi pelbagai bangsa dan pelbagai negara. Masalah militan dan keganasan ini lebih dahsyat dihadapi oleh negara lain seperti Thailand, Indonesia, China, Sri Lanka dan lain-lain lagi.

Merujuk kepada Fasal 4 rang undang-undang ini, saya ingin memohon pihak kementerian dapat menjawab beberapa persoalan ini:

- (i) bagaimanakah kita hendak menguatkuasakan undang-undang ini bagi mereka yang tinggal di luar negara?;
- (ii) bagaimanakah kita hendak menguatkuasakan undang-undang bagi mereka yang mempunyai dua kewarganegaraan?;
- (iii) bagaimana kita hendak mengambil tindakan kepada mereka yang bersuamikan atau beristerikan warga asing yang automatik mendapat visa pasangan ataupun *sponsors visa's* dari negara lain?;
- (iv) apakah terpakai undang-undang ini kepada anak-anak pasangan militan ini yang berada bersama ibu bapa mereka di luar negara?;
- (v) apakah pendekatan mengenal pasti seseorang itu dalam senarai militan?; dan
- (vi) bagaimanakah pula persoalan warga asing yang beribu-ribu keluar masuk ke negara ini? Apakah mekanisme pengawalan menapis mereka yang keluar masuk ke negara ini?

Sekian, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Sekianlah perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 yang telah diambil bahagian oleh enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.14 tgh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab secara khusus, izinkan saya untuk memberi penjelasan berhubung dengan rang undang-undang ini secara *manage structure*nya, ruang lingkup dan tujuan dia. Undang-undang ini dibina berlandaskan apa yang saya sebutkan tadi, digubal berlandaskan apa yang saya sebutkan awal tadi, supaya negara kita mempunyai prasarana undang-undang yang melengkap.

Kita ada mempunyai POTA, undang-undang pencegah *Terrorism Act* itu kita sudah luluskan, sudah ada. Jadi yang tinggalnya ialah untuk menahan passport. Itu sahaja yang sebenarnya di bawah undang-undang ini. Oleh sebabnya semua negara di dunia telah bersetuju undang-undang yang sama. Jadi makna dia, tidak ada negara lain boleh kompelin kepada negara kita kenapa pula kita mengada-ngada membuat satu undang-undang membolehkan pemimpin negara kita khususnya Pengarah Imigresen dan juga Menteri menyita ataupun menahan passport-pasport orang luar negara kita sendiri, yang tidak ada kena-mengena, yang kita tidak ada kuasa sebelum ini.

Jadi oleh sebab persetujuan antarabangsa itu, makanya kita dapat merealisasikan kehendak masyarakat antarabangsa untuk menggubal satu undang-undang yang pertama untuk negara Malaysia untuk merealisasikan apa yang telah ada kuasa pada kita bahawa pasport individu Malaysia itu satu keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan kepada individu anak Malaysia, rakyat Malaysia untuk keluar negara.

Apabila tiba masanya, kalau kerajaan memikirkan supaya dokumen ini ditarik balik supaya dia tidak boleh keluar dari Malaysia, maka dalam undang-undang ini memperuntukkan supaya Ketua Pengarah Imigresen atas permintaan pihak polis yang mempunyai latar belakang orang individu yang tersebut yang mungkin ada hubung kait dengan pengganas dan tersenarai disebut dalam pembentangan saya tadi. Dia meminta dengan Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah boleh menggunakan permohonan polis itu supaya menahankan pasport ataupun *travel document* tersebut. Itu memang sudah ada wujud dalam perundangan kita sebagai hak pemimpin negara atau kerajaan negara ini untuk menahan pasport rakyat Malaysia untuk keluar dan masuk Malaysia.

Keduanya, yang kita tidak mempunyai undang-undang yang khusus tetapi telah dipersetujui di antarabangsa supaya rakyat lain datang ke negara kita yang ada menjadi ahli ataupun terlibat dan menyokong gerakan *terrorist* ini ataupun pengganas ini di luar negara, kita juga diberi hak untuk menahan pasport dia atas persetujuan keseluruhannya, *the community of nation all over the world*, dengan izin. Jadi dengan keadaan yang sedemikian, maka undang-undang ini direalisasikan, dibuat untuk dua sebab itu sahaja.

Jadi yang pertama untuk saya perjelaskan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua bahawa undang-undang ini tidak mengkhususkan kepada pihak IS, *Islamic State* sahaja. Bahkan dia mengena mana-mana orang yang terlibat dengan kegiatan keganasan, tidak kira sama ada *Islamic State* ataupun keganasan kumpulan keganasan yang lain ada tersenarai yang ada pada kita. Jadi dalam keadaan sedemikian, maka ia bukan menjurus kepada *Islamic State* sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, biar saya menjawab persoalan secara khusus yang telah dibangkit oleh Ahli Parlimen tadi bahawa Puan Hajah Mariany, Yang Berhormat bertanya untuk dipanjangkan kuasa ini kepada pihak APMM dan Tentera Laut Malaysia.

Jadi kuasa ini, dia sedikit sahaja sebenarnya. Dia ringkas dan mudah dan *very narrow* dia punya *approach* iaitu membolehkan IGP meminta kepada Ketua Pengarah Imigresen supaya pasport seseorang rakyat Malaysia itu ditahan dan IGP boleh meminta kepada Menteri supaya rakyat asing yang datang ke Malaysia ini, pasportnya ditahan. Kalau rakyat asing, dia ada mempunyai jangka masa tertentu iaitu 14 hari, ditahan untuk IGP membuat penyiasatan dengan rapi. Kalau didapati dia bersalah, tindakan akan diambil berlandaskan undang-undang yang ada.

Jadi, kalau kita hendak panjangkan dia kepada pihak lain, maknanya pihak lain boleh membuat laporan kepada pihak polis bahawa ada seseorang itu terlibat dengan aktiviti keganasan di luar negara yang termasuk dalam senarai. Apabila IGP berpuas hati dengan soalan penglibatan dia berlandaskan siasatan bersama dengan pihak yang melaporkan tadi umpamanya Tentera Laut ataupun APMM, dia akan bermohon juga sistem dia mesti menerusi IGP dan kepada Ketua Pengarah Imigresen dan permohonan itu barulah diambil tindakan di bawah undang-undang ini tersendiri.

■1220

Itu makna kita mengucap terima kasihlah juga kepada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mariany tadi namun berdasarkan peruntukan yang sedia ada ini, dia tidak boleh dipanjangkan kepada mana-mana pihak lain selain kepada berkisar dengan Ketua Polis Negara dan Ketua Pengarah Imigresen saja. Bahkan wakil rakyat pun tidak boleh. Yang Berhormat Menteri sendiri hanya Menteri Dalam Negeri saja. Menteri Dalam Negeri itu diistilahkan di bawah perlembagaan termasuk Timbalan Menteri ataupun *Parliamentary Secretary* dahulunya kalau ada. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian daripada itu.

Daripada Dato' Dr. Johari bin Mat, rakyat Malaysia yang di luar negara terlibat dengan keganasan, kuasa membatalkan kewarganegaraan, ambil tindakan dan sebagainya. Jadi ini soalan yang umum.

Sebenarnya, walaupun kalau seseorang itu terlibat dengan keganasan ini, soalnya lagi soalan pasport juga. Kalau dia mempunyai pasport, kalau difikirkan patut oleh pihak Ketua Polis Negara untuk membatalkan pasportnya berlandaskan 'selidikan', walaupun orang itu telah ditetapkan bahawa dia terlibat dengan satu keganasan di luar negara, maka Ketua Polis Negara boleh memohon juga kepada pihak pegawai Ketua Pengarah Imigresen untuk dokumennya dibatalkan.

Jadi apabila dokumennya dibatalkan, dengan sendirinya di mana saja dia berada, dia menjadi orang *illegal*. Kalau dia *illegal* dan dia juga mempunyai latar belakang dan bukti yang jelas daripada pihak IGP bahawa dia adalah seseorang terlibat dengan pengganasan yang telah disenaraikan, bermakna kita boleh menggunakan proses undang-undang biasa iaitu *extradition* daripada negara tersebut dan untuk dihantar balik ke negara Malaysia dan prosesnya sama. Proses *extradition*. Oleh sebab ada perjanjian antarabangsa dalam sudut ini, dengan sendirinya boleh dipermudahkan untuk membawa kembali orang yang terlibat ini.

Kewarganegaraan, ini adalah satu lagi persoalan. Macam mana kalau dia memang sudah lama duduk di negara lain. Mungkin dia terlibat dengan *business*, bekerja di negara asing tetapi dia masih rakyat Malaysia. Memang banyak rakyat kita di mana-mana pelosok negara bahkan di England, di Amerika dan sebagainya. Banyak warganegara kita yang masih guna pasport kita, masih rakyat Malaysia, masih taat dengan Malaysia dan masih menggunakan dokumen Malaysia. Syaratnya begitu juga tetapi untuk membatalkan kewarganegaraannya itu di bawah perlembagaan. Ada garis panduan-garis panduan yang tertentu untuk membolehkan seseorang itu untuk dibatalkan kewarganegaraannya tetapi *per say*, dengan izinlah, penglibatan dia dengan keganasan belum lagi menunjukkan lagi dia boleh dibatalkan kewarganegaraannya kerana dalam perlembagaan itu khusus, amat khusus.

Dia mesti menunjukkan dia memang tidak ingin lagi duduk di Malaysia. Kedua, dia telah mempunyai pasport lain, bukan negara Malaysia lagi. Sementara ada pasport Malaysia, dia juga mempunyai pasport, umpamanya pasport England ataupun pasport Amerika. Kalau kita tahu dia ada mempunyai pasport Amerika, mempunyai English pasport ataupun *European country*, mana-mana negara di dunia, kita boleh batalkan dia oleh sebab sudah menjadi orang asing ataupun dia sendiri terlibat dengan pilihan raya umpamanya. Melibat diri dengan pilihan raya di negara tersebut di mana dia diam, dengan sendiri kita boleh batalkan kewarganegaraannya. Selain daripada itu, tidak banyak sangat. Kalau dia melakukan kesalahan walaupun jahat macam mana, dia kena dikembalikan dan dibawa dan dihukumkan di negara kita sendiri, dia masih rakyat Malaysia.

Jadi itu diperuntukkan di bawah Perlembagaan. Jadi tindakannya macam saya sebut tadi. Kalau dia melakukan sesuatu kesalahan dan *extradition process* mesti dibuatkan tetapi kalau kesalahan yang dibuat itu pengganasan, saya cukup yakin kita akan berjaya untuk membawa dia balik ke negara Malaysia. Proses *extradition*, proses diplomasi dan permohonan kita menerusi saluran jabatan, diplomasi dan mahkamah kita akan, saya cukup yakin boleh berjaya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi setakat soalan yang ketiga daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari juga berhubung dengan negara asing masuk ke negara. Ini tadi dibolehkan di bawah ini. Apa yang dibuat ialah IGP akan memohon kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri boleh memberi arahan supaya orang asing itu pasportnya ditahan dan pasport orang itu mesti diserahkan kepada pihak polis dan apabila dalam masa 14 hari, polis mesti membuat penyelidikan itu sebab hari, tarikh, jangka masa itu ditetapkan oleh undang-undang.

Dalam masa 14 hari dia mesti mempunyai bukti-bukti yang mencukupi dan apabila perkara ini berlaku, sebabnya polis sebelum dia mohon pun, sebelum IGP mohon pun dia sudah mempunyai bukti sudah, alasan-alasan tertentu untuk Yang Berhormat Menteri membuat keputusan sama ada boleh dibuat ataupun tidak. Jadi Yang Berhormat Menteri pun bukanlah dia *rubber stamping* sahaja. Yang Berhormat Menteri ini akan buat penyelidikan sendiri, bertanya dengan pihak IGP ataupun pegawai yang diarah oleh pihak IGP untuk meminta supaya pasport orang yang ditahan dan dia akan memberi penjelasan kepada pihak Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri setuju ataupun tidak.

Kalau Yang Berhormat Menteri pada peringkat itu bersetuju, makna dia pasport itu boleh ditahankan dan selepas itu orang itu kalau dia ada perhubungan kita dengan negara yang tertentu, *nationality* tertentu, kita hantar dia balik ke negara mereka sendiri untuk diambil tindakan di bawah undang-undang negara mereka sendiri. Itu *arrangement* yang ada pada kita pada masa sekarang ini. Melainkan perkara itu telah berlaku di negara Malaysia, kesalahan berlaku di negara Malaysia dalam soalan lain. Kita akan mempunyai satu pilihan supaya dibicarakan di Malaysia dahulu sebelum menghantar dia balik ke negara masing-masing.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau ada lagi yang tidak dijawab berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tadi bolehlah bangkit tanya saya. Sekarang rupanya kuasa menahan jihad- satu lagi yang akhir tadi, jihad. Istilah jihad ini memang Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan pakar dari sudut agama untuk memberi penjelasan kepada masyarakat umum. Sebagaimana yang saya telah sebutkan dahulu daripada ini, sebelum pembentangan rang undang-undang ini bahawa kita sekarang membuat satu gerakanlah, kita kata gerakan kerajaan untuk memberi maklumat kepada masyarakat umum.

Kita hendak pergi ke sekolah-sekolah, bukan sahaja sekolah-sekolah kebangsaan tetapi juga sekolah di peringkat negeri dan kita mewujudkan kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Semua Menteri-Menteri Besar dan wakil-wakil Menteri Besar yang ada hubung kait dan persekolahan, apa sudut sekalipun, sama ada sekolah ini sekolah agama Islam ataupun sekolah mubaligh ataupun siapa saja. Asalkan persekolahan, kita kena beri penjelasan dan lepas itu kita hendak pergi ke institut-institut pengajian untuk guru-guru umpamanya.

Kita hendak memberi penjelasan kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan untuk disebarkan maklumat-maklumat ini ke bawah supaya mengetahui apa sebenarnya makna jihad dalam Islam yang diterima oleh Islam. Ini kerana sekarang jihad dalam istilah IS ini telah banyak diselewengkan bahkan banyak negara Arab tidak menggunakan istilah jihad ini untuk mendeskripsi pihak pejuang dalam IS ini oleh sebab istilah jihad ini dalam Islam adalah mulia dan murni. Bukannya istilah jihad untuk bunuh dan *violence* kepada masyarakat lain walaupun kepada agama lain. Jadi, dengan itu kita kena memberi penjelasan.

Penjelasan ini akan berterusan dan kita akan memberi pendekatan sedemikian secara menyeluruh untuk memberi penjelasan makna dan tujuan sebenar jihad dalam agama Islam. Kedua ialah Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon. Sebagaimana biasa Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon memang bertanya khusus dengan soalan undang-undang. Saya juga melihat persoalannya ialah kalau kita tuduh orang di bawah kes ini, minta pasport dikeluarkan. Sebuah pasport serah kepada IGP oleh Ketua Pengarah dan satu lagi keputusan daripada Yang Berhormat Menteri untuk serah pasport tetapi sub *paragraph* seksyen 5, dan 6 ini, dia sama bunyi dia kerana kesalahan tujuan dia sama. Jadi, kalau orang buat pasport juga, pasport dia ditahan, jadi dia boleh dapat pasport lain pula, jadi di mana dapat pasport ini, siapakah yang beri? Betul juga soalan ini. Jadi makna dia orang yang membuat pasport sedemikian rupa, apakah kesalahan yang boleh dikenakan dan siapakah boleh dipersalahkan?

■1230

Ini pertanyaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon berhubung dengan hak ini. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya ingat kes orang sedemikian membantu dan menolong atau *hovering* ini boleh di caj di bawah undang-undang *general*, bukan dikhususkan di bawah undang-undang ini. Kalau dia membantu dan memberi orang itu mendapat- di bawah undang-undang pasport ataupun di bawah undang-undang Kanun Keseksaan. Tidak payah diletak di bawah undang-undang ini.

Tuan Chong Sin Woon: Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kalau dilihat dari sudut apa Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon sebut tadi bahawa undang-undang ini patutnya ditambah lagi semula. Jadi kita akan balik semula kepada AG sama ada perlu di bawah ini ataupun memadaai kita boleh tuduhkan orang sedemikian itu di bawah undang-undang pasport ataupun di bawah undang-undang keseksaan.

Tuan Chong Sin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. So kalau kita cuba melihat perenggan-perenggan yang ada dalam akta ini, ia cuma menghukum orang yang mendapat. Jadi, daripada pandangan kerajaan sekiranya akta itu hanya menghukum kepada mereka yang memperoleh dokumen perjalanan sementara tetapi tidak ada klausa yang boleh mengambil hukuman terhadap mereka yang mengeluarkan *the authority who issue*, dia akan dilihat sebagai berat sebelah. Kalau hanya akta ataupun hukuman normal biasa yang boleh diambil untuk mereka yang meng-*issue*-nya, maka saya rasa tidak lengkap dalam akta ini untuk melaksanakan tindakan yang keras supaya Malaysia tidak menjadi *transit point*.

Maka cadangan saya ialah kerajaan patut ada satu perenggan yang khusus, yang membolehkan supaya semua autoriti atau pihak berkuasa tidak boleh mengeluarkan mana-mana atau apa-apa jua dokumen perjalanan sementara ataupun dengan adanya arahan tersebut, kena ada daripada segi pentadbirannya memaklumkan kepada setiap bahagian supaya perkara ini tidak berlaku. Sebab kalau saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau saya yang telah dibatalkan pasport, tetapi dengan bantuan pegawai, saya mendapat perjalanan sementara. Akan tetapi, saya kena dipenjarakan dua tahun walaupun pegawai memberinya kepada saya secara yang rasmi. Saya secara formal mendapatkannya tetapi saya pula yang salah, sebaliknya yang mengeluarkannya tidak salah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, saya memahami apa Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon sebut. Akan tetapi di bawah undang-undang kita memang sudah mempunyai sebenarnya, macam saya sebutkan tadi *abetment of an offence* dan sebagainya itu. Memang kita sudah ada sudah. Kita boleh tuduh dan kesalahannya pun boleh dikenakan sebagaimana orang yang memohon itu juga, *abetment of an offence*.

Jadi dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, buat kali ini, kerajaan belum melihatnya penting khususnya dari sudut pandangan pihak perundangan kerajaan melihatnya penting. Akan tetapi pada masa hadapan, *inshaaAllah* kita akan kaji semula dan lihat sama ada perlu ataupun tidak atau menggunakan peruntukan undang-undang yang ada iaitu *general law* yang ada, dituduh di bawah Kanun Keseksaan sebagai *abetting and helping assisting and abetting the commission of an offence* kerana dia telah melakukan kesalahan. Siapa yang telah membantu dia, *hovering* dia, bantu dia mendapatkan dokumen itu, dia akan juga melakukan kesalahan. Kalau tidak ada hukuman-hukuman yang berlainan ditetapkan oleh undang-undang yang khusus, orang itu juga boleh dikenakan kesalahan sebagaimana yang melakukan kesalahan itu dikenakan hukuman yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada- minta maaf Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman tadi saya tidak sempat. Mungkin saya memikirkan perkara lain apa persoalan yang ditanya tadi. Jadi sebelum itu, kalau saya tidak ada ini saya hendak jawab soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin mengenai soalan kerjasama- seksyen 5, apakah tindakan yang di luar negara?

Jadi soalan-soalan kesalahan luar negara tadi telah saya jawab bersama dengan soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Apa tindakan yang boleh kita ambil bahawa satu, kita batalkan pasport? Dia menjadi pendatang tanpa izin di negara tersebut dan kita kalau ada bukti yang nyata, yang khusus, yang boleh diterima oleh pihak di sana, kita akan tunjuk, minta dia bawa balik. Kalau dia tidak mahu dibawa balik, dia akan bawa kes itu ke mahkamah, dia akan ditahan di sana oleh pihak Imigresen di sana sebab tidak ada dokumen. Oleh sebab ini ada perjanjian antarabangsa, dengan sendirinya kita akan pergi ke mahkamah di sana untuk dia dihantar balik kalau ada protes menerusi proses *extradition* pesalah. Jadi itu yang pertama.

Kedua, berhubung dengan kerjasama kita dengan masyarakat negara asing dan antarabangsa. Sebenarnya, banyak sudah saya sebutkan berhubung dengan perkara ini, bukan untuk menangani soalan pasport sahaja, bukan berhubung dengan dokumen yang dibatalkan sahaja yang mana telah diketahui umum oleh masyarakat antarabangsa ataupun kerajaan dunia antarabangsa bahawa soalan menangani masalah keganasan itu sendiri kita mempunyai perhubungan yang amat erat kepada negara-negara lain, khususnya di negara ASEAN dengan ASEANAPOL dan sebagainya.

Berhubung bilateral kita dan di antara agensi kita seperti jabatan polis dan polis seluruh ASEAN, kita mempunyai jaringan perhubungan maklumat pertukaran maklumat dan sebagainya dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di seluruh ASEAN. Dengan antarabangsa pula kita mempunyai perhubungan, kita mempunyai data maklumat daripada Interpol yang masih diguna oleh pihak agensi Polis Diraja Malaysia sekarang untuk mengenal pasti mereka yang terlibat dengan itu.

Selain daripada itu, sebagaimana senarai yang disebut tadi, kita juga mendapatkan senarai sebagaimana yang saya sebut dahulu daripada ini iaitu daripada *United Nations*, senarai yang kita terima itu dan kita memastikan satu, sama ada orang dikatakan *terrorist* ataupun penganas diklasifikasikan di bawah *United Nations* itu, adakah kita sendiri bersetuju. Sekian dia juga sebagai jenayah. Akan tetapi, saya nafikan di sini bahawa Hamas tidak pernah pun walaupun tidak disebut di sini, Hamas tidak pernah pun disenaraikan oleh pihak *United Nations* sebagai penganas. Ia mungkin diklasifikasikan oleh negara-negara lain tetapi bukan di *United Nations*.

Jadi dengan sendirinya kita juga dari situ, sudah kita melihat senarai, kita juga mempunyai kehendak pembuktian sama ada dia ahli kepada badan-badan yang dikatakan badan penganas ini sebelum kita mengambil tindakan kepada pihak-pihak tersebut. Jadi kerjasama kita Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin adalah amat baik dengan masyarakat antarabangsa dalam sudut kita menangani masalah jenayah antarabangsa ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim bertanya macam mana kita hendak menguatkuasakan undang-undang ini kepada masyarakat antarabangsa. Akan tetapi soalan tadi banyak. Saya tidak dapat semua. Saya minta berdiri lagi sekalilah. Mudah saya ambil. Jadi, persoalan itu banyak.

Untuk kita menguatkuasakan dengan antarabangsa ini, oleh sebab sudah ada rangkuman dengan *United Nations* dan perjanjian yang sama dan di bawah kehendak *United Nations*, kita sudah mengadakan undang-undang kita sendiri oleh sebab perjanjian kita sebagai *multilateral agreement* di *United Nations* itu bukanlah *binding document*. Maknanya, kita tidak akan terikat dengan apa-apa dokumen sedemikian sebagai undang-undang di negara kita. Akan tetapi itulah kenapa kita mengadakan undang-undang ini supaya dia boleh menjadi satu undang-undang *municipal law*. Istilah-istilah yang saya sebut ini adalah dalam rangka istilah pengajian *international law* yang saya ketahui. Jadi *municipal law* supaya kita boleh menguatkuasakan undang-undang ini di negara kita sendiri. Saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim bagi saya apa soalan-soalan tadilah. Terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertamanya adalah bagaimanakah kita hendak menguatkuasakan undang-undang ini bagi mereka yang tinggal di luar negara? Keduanya, bagaimanakah kita hendak menguatkuasakan undang-undang bagi mereka yang mempunyai dua kewarganegaraan?

■1240

Ya, mungkin terdapat sekiranya kita batalkan yang satu, kebarangkalian warganegara Denmark dan sebagainya, ia boleh menukarkan kepada mungkin nikah atau berkahwin dengan warganegara lain, menukar nama dan sebagainya. Bagaimanakah hendak dikenal pasti mereka yang sebegini?

Ketiganya, bagaimanakah kita hendak mengambil tindakan kepada mereka yang bersuamikan atau beristerikan warga asing yang automatik mendapat visa pasangan dari negara lain? Keempatnya, apakah terpakai undang-undang ini kepada anak-anak pasangan militan yang berada bersama ibu mereka di luar negara?

Kelimanya, apa pendekatan mengenal pasti seseorang itu dalam senarai militan dan keenamnya, bagaimanakah pula persoalan warga asing yang beribu-ribu orang keluar masuk ke negara ini? Apakah mekanisme pengawalan menapis mereka yang keluar masuk ke negara ini? Sekian, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, kena berdiri dua kali. Pertama, macam mana kita menguatkuasakan undang-undang ini di luar negara?

Oleh sebab undang-undang ini amat mudah kalau kita lihat, IGP beritahu dengan ketua pengarah bahawa seseorang ini ada terlibat dengan keganasan yang tersenarai dan ketua pengarah akan mengambil proses untuk membatalkan pasport.

Jadi, yang kedua apabila IGP memikirkan ada bukti menunjukkan orang ini melakukan keganasan dan minta menteri menahan pasport orang asing dan selepas itu orang asing itu pasportnya boleh ditahan. Kita sudah ada undang-undang untuk menahan pasport orang asing. Pertama tadi tidak ada masalah oleh sebab memang bukan pun hak mutlak rakyat Malaysia mendapat pasport, hanya satu keistimewaan sahaja.

Kedua, ini kita tidak ada hak di bawah undang-undang. Sebenarnya, untuk tahan pasport asing kerana ia hak kepada kerajaan yang memberi pasport. Jadi, di sini apabila menteri di bawah undang-undang ini nanti telah diluluskan di Dewan yang mulia ini dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, maka jadi undang-undang dan kita akan boleh laksanakan bahawa pasport asing pun kita boleh tahan apabila orang itu datang ke Malaysia. Pasport itu dalam masa 14 hari diserahkan kepada IGP dan 14 hari IGP buat penyelidikan.

Jadi, penguatkuasaan undang-undang ini kesannya ialah kalau pasport ini dibatalkan di sini, orang ini masih berada di luar negara dia sendiri, sebagaimana saya menjawab Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin tadi, semua kesannya akan menjadi *illegal immigrant* di negara di mana dia berada. Kalau dia menjadi *illegal immigrant*, perhubungan kita secara diplomasi, secara *departmental* atau pun secara undang-undang, kita boleh memohon dia dihantar balik ke negara kita oleh sebab melakukan keganasan.

Oleh sebab ada persamaan di antara masyarakat antarabangsa, maka dengan sendirinya ia boleh dibawa balik ke negara kita ini. Jadi, itu yang pertama untuk penguatkuasaan.

Jadi, yang kedua ada masalah sedikit oleh sebab dua *citizenship*, dua pasport, dua *citizenship* ini. Sebenarnya, masyarakat dunia tidak mengiktiraf dua *citizenship* ini di mana-mana, ia satu *either one or the other*. Jadi, dengan izin, kalau berlaku umpamanya seseorang rakyat Malaysia yang telah mendapat pasport Malaysia berada di luar negara dan selepas itu diminta pasport negara asing lagi, kita boleh batalkan *citizenship*nya kalau kita mahu itu. Selepas itu, walaupun dia memaklumkan kepada negara mana yang mendapat pasport yang kedua itu bahawa dia bukan rakyat Malaysia lagi. Kalau dia kata dia tidak pernah buat ini, makna pasport yang diminta di negara yang dia dapat pasport yang kedua itu makna *false declaration*. Kalau *false declaration*, dengan sendirinya dokumen itu secara hakikatnya, prinsipnya ialah dokumen yang tidak sah.

Kalau dokumennya tidak sah, yang sah ialah pasport kita. Kalau kita batal, dengan sendirinya kita laporkan kepada negara tersebut, saya cukup yakin *they are faster than usual* dia akan balik ke Malaysia, dihantar oleh negara tersebut. Oleh sebab satu, menipu negara tersebut, oleh sebab mendapat pasport yang kedua. Jadi, dengan sendirinya penguatkuasaannya memang boleh dibuat dan prosesnya hampir sama.

Kedua iaitu warga asing, macam mana... [*Bentara menghantar maklumat*] Benda yang datang bertaburan. Saya pun tidak ada masa hendak baca, minta maaf pegawai dekat belakang bekerja teruk, saya pun baca tidak dapat. Berkahwin dengan warga asing ini. Apabila berkahwin dengan warga asing dan selepas itu dia mendapatkan *citizenship* di sana. Jadi, pada sayalah, secara logiknya kita tidak kisah sangat kalau dia hendak pindah, kalau dia dapat kewarganegaraan di negara lain ataupun dapat visa untuk ke negara lain tetapi perhitungannya adakah dia masih rakyat Malaysia? Kalau dia rakyat Malaysia, makna undang-undang kita masih boleh diguna pakai. Akan tetapi apabila berlaku lagi perkara ini, kita boleh batalkan kalau dia ada mempunyai pasport, visa dekat luar. Kalau kita batal, dengan sendirinya ia akan berlaku kesannya sama juga bahawa ia tidak lagi menjadi *legal entry* ke negara tersebut, dia menjadi *illegal immigrant*. Prosesnya adalah amat sama, cumanya keempat itu, anak militan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan di sini dan jelaskan di sini. Walaupun isteri, walaupun suami, walaupun anak, kalau tidak terlibat dengan aktiviti *militancy* ini, kerajaan tidak akan berlaku zalim kepada sesiapa pun yang tidak terlibat. Maknanya, kalau si bapa terlibat dengan keganasan dan anak ini oleh sebab dia berbincang si bapa tadi, bukan makna dia seorang pengganas. Kerajaan tidak akan bersifat dan berlaku zalim dan dia tidak akan terkena oleh undang-undang ini.

Dia hanya boleh dikenakan apabila dia terlibat menyokong, membantu, menolong. Kalau dibantu, tidak ada *excuse* bagi dia di bawah undang-undang ini kalau dia bantu bapanya kerana undang-undang tidak memberi peluang tersebut. Lain daripada POTA, yang mana kalau si isteri melindungi suami, suami melindungi isteri, dimaafkan oleh undang-undang tetapi anak tidak ada.

Maknanya, anak kalau dia bantu bapa, mungkin dia kayuh bapa pergi ke seberang sungai oleh sebab bapa hendak lari daripada polis ataupun terkaman kementerian, dia juga akan terkena. Atau pun hendak hantar bapa pergi ke Thailand ataupun ke Filipina, dia juga boleh dibatalkan, di diambil tindakan oleh sebab telah membantu dan menyokong tadi. Jadi, ini di bawah undang-undang itu. Akan tetapi kalau dia tidak terlibat, tidak ada. Malaysia negara kita tidak akan bersikap zalim kepada mana-mana orang.

Macam mana kita hendak mengenal pasti sama ada orang itu benar ahli? Ini yang disebut oleh Yang Berhormat. Memang baik, saya terima kasih kepada soalan ini. Saya sebutkan secara sepintas lalu tadi. Walaupun ada senarai tersebut, ada orang mungkin kata mungkin dia ini terlibat dengan al-Qaeda atau apa dalam senarai tetapi kerajaan juga akan bersikap waspada. Kerajaan akan buat penyelidikan sendiri, kerajaan juga berkehendakkan bukti-bukti yang tertentu untuk sebelum pihak IGP meminta Ketua Pengarah Imigresen ataupun meminta pihak menteri untuk menahan pasport individu-individu tersebut.

Oleh sebab kita tidak mahu undang-undang ini diguna pakai atau disalah gunakan oleh mana-mana pihak. Jadi, di bawah undang-undang ini jelas bahawa kita masih menggunakan norma-norma undang-undang biasa untuk menguatkuasakan rang undang-undang menahan pasport *trouble documents*. Kita mengetahui negara kita sebagai negara pelancong, negara kita sebagai *world trading nation*, kita kena menjaga apa sahaja aktiviti-aktiviti halal yang dikehendaki negara ini kita jalankan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau tidak ada tambahan, sekian sahaja jawapan saya kepada persoalan yang dibangkitkan oleh tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang menyokong rang undang-undang ini. Saya mengucapkan terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1250

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 dan 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (PINDAAN) (No.2) 2015**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.53 tgh.**

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2015 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan Akta Pencegahan Keganasan 2015 diperkasakan seperti mana yang telah dibentangkan pada sesi ini, beberapa pindaan selari terhadap lima rang undang-undang lain turut dibuat termasuk Akta Penjara 1995. Pada masa ini seksyen 7(1A), Akta Penjara 1995 hanya membolehkan orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 boleh dibuat dilokap balai polis ataupun di bangunan mahkamah. Maka pindaan ke atas Akta 537 iaitu Rang Undang-undang Penjara adalah perlu bagi membolehkan Menteri menetapkan lokap di mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat pengurungan orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Rang undang-undang ini memperuntukkan pindaan seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta ini;

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 7(1A) Akta Penjara untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan lokap di mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat bagi pengurungan orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 yang dicadangkan. Pindaan ini akan membolehkan pihak polis menahan orang-orang yang di reman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 selama 60 hari di balai polis ataupun di bangunan mahkamah bagi siasatan dan menjalankan *inquiry*. Sehubungan dengan itu, pindaan ini juga akan dapat memudahkan proses siasatan *inquiry* dan orang untuk menghubungi keluarga dan peguam pilihannya di suatu tempat yang sama di samping untuk memastikan keselamatan orang yang ditahan tersebut terjamin. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Ada siapa-siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Penjara 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kita ada hanya dua orang sahaja yang bagi nama untuk bahas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.

12.57 tgh.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. [Membaca sepotong ayat al-Quran] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana sudi menjemput saya untuk mengambil bahagian.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang dan kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2015. Saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan yang meminda Akta Penjara 1995 [Akta 537] sebagai memastikan Akta Pencegahan Keganasan 2015 diperkasakan. Pindaan seksyen 7(1A) [Akta 537] ini amatlah penting bagi memberikan kuasa kepada Menteri untuk menetapkan lokap dan di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat pengurungan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 selama 60 hari untuk menjalankan penyiasatan awal atau *inquiry*.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ini adalah untuk membolehkan pihak polis membuat tahanan selama 60 hari dan bagi memudahkan siasatan dan memastikan keselamatan terjamin. Pindaan ini boleh memudahkan urusan penyiasatan awal dan membolehkan tahanan yang direman ini menghubungi keluarga dan peguam di suatu tempat yang sama dan saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian apakah langkah-langkah...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, nampaknya masa tidak mengizinkan. Saya cadangkan Yang Berhormat sambung tengah hari nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Mesyuarat sehingga 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: Mengikut catatan yang ada pada saya, sebelah pagi tadi Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin ya. Okey, teruskan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jugalah kerana memberi saya peluang untuk menyambung sedikit sahaja lagi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua bagi saya membahaskan Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2015 ini.

Sukalah saya memulakan sambungan saya dengan mencadangkan yang saya hanya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah-langkah yang bakal diambil kementerian bagi memastikan keselamatan tahanan reman ini memandangkan tahanan ini akan ditempatkan di balai polis dan di bangunan mahkamah. Tambahan pula, tahanan ini sehingga 60 hari dan tahanan ini adalah di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, ini demi kebaikan kakitangan dan juga memudahkanlah petugas-petugas untuk melihat daripada jarak dekatlah pesalah-pesalah yang ditahan dan ini juga merupakan integriti kepada pihak penjara sendiri dan kerana kepentingan itulah bagi kemudahan siasatan dan keselamatan, maka secara ringkasnya saya sesungguhnya sangat menyokong Akta Rang Undang-undang Penjara D.R.5/2015 (Pindaan) (No.2) 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

2.34 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan untuk saya berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Akta Penjara 1995 ertinya sudah 20 tahun berlalu sejak akta itu berkuat kuasa. Selepas begitu panjang, saya telah mengharapkan kerana ada peluangnya, sepatutnya diadakan lebih banyak lagi pindaan terhadap akta ini. Waktu membincangkan dan membahaskan Titah Yang Dipertuan Agong, saya telah menyebut tentang masalah-masalah yang ada dalam penjara. Masalah makan, masalah kesihatan, kebersihan dan sebagainya. Sebenarnya sekarang ini kalau daripada segi makanan, makanan sekarang sudah lebih mahal tetapi peruntukan bagi makanan bagi tiap-tiap orang yang ditahan adalah sama dan saya harap ada peluangnya nanti untuk meminda perkara ini supaya disesuaikan peruntukan untuk makanan bagi tiap-tiap seseorang tahanan dengan keadaan harga barang terkini.

Perkara kedua yang hendak saya syorkan kalau ada pindaan yang hendak dibuat kemudian hari nanti ialah mengenai keadaan dalam penjara. Setelah mengalami tiga ke empat buah penjara dan juga tempat tahanan, saya lihat bahawa keadaan penjara di balai polislah yang paling teruk. Saya ambil satu contoh misalnya Tuan Yang di-Pertua, saya pernah ditahan dalam satu sel bersama dengan 10 orang dan waktu tidur itu tidak boleh baring. Kalau ada yang setengah-setengah baring sebelah menyebelah, yang lain terpaksa tidur duduk ataupun susah hendak tidur.

Kemudian jamban adalah dalam sel itu sendiri dengan tidak ada perlindungan. Kita melepasi di situ, di hadapan sembilan ke-sepuluh orang yang ada dalam sel itu. Bila waktu mandi, sekali sehari kita diberi peluang mandi, jel atau penjara itu di sekelilingnya macam satu bulatan ialah sel-sel. Di tengah, kita mandi dan biasanya kita mandi dengan keadaan bertelanjang lepas seorang ke seorang. Jadi, bukan sahaja keadaannya buruk daripada segi kemanusiaan, saya rasa daripada segi nilai-nilai keagamaan pun sepatutnya tidak boleh berlaku. Berak depan orang ramai dengan tidak ada pintu.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh celah?

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Dato' Lim Nget Yoon: Yang keadaan disebut oleh Yang Berhormat tadi, berapa tahun lalu ya?

Dr. Syed Husin Ali: Ya, memang sudah lama. Akan tetapi itu sebab, tunggulah saya hendak katakan ya. Saya hendak katakan bahawa keadaan ini berlaku dan sejak misalnya wujudnya penjara-penjara itu. Saya umpamanya yang baru-baru itu tidak lama dulu, tiga ke-empat tahun dahulu di penjara dan keadaan teruk. Saya harap keadaan akan diubah dan satu cara untuk mengubah ialah pastikan adanya pindaan undang-undang itu.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mempunyai satu pindaan iaitu pindaan yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan lokap di stesen polis dan juga di mahkamah untuk dijadikan tempat reman. Sekarang ini ada mereka yang direman di penjara-penjara lain misalnya di Jinjang atau sebagainya. Jadi saya ingin tahu misalnya adakah apabila ditentukan penjara di mahkamah dan di balai polis itu sebagai tempat bagi reman tahanan-tahanan, adakah ia tidak boleh digunakan untuk melanjutkan tahanan seseorang di tempat itu selepas tamatnya 59 hari, bukan tamat 60 hari tetapi 59 hari. Itu satu.

Keduanya, adakah Menteri atau pihak berkuasa yang lain akan lepas ini menentukan mana-mana dia penjara yang boleh digunakan sebagai tempat reman sebab pada amalnya saya lihat bahawa ada satu dua buah penjara yang digunakan sebagai tempat reman sekarang ini iaitu di Kuala Lumpur dan Selangor. Jadi bagi seluruh Malaysia, adakah mana-mana sahaja penjara boleh digunakan untuk reman.

■1440

Salah satu alasan yang dibagikan untuk menjadikan balai polis dan mahkamah sebagai tempat reman ialah untuk memungkinkan pemberitahuan kepada orang-orang tahanan. Kalau kita ambil misalnya Akta Pencegahan Keganasan, kita tidak diberitahu misalnya sama ada pihak berkuasa penjara, polis ataupun kementerian akan memberitahu di mana seseorang itu diletakkan atau di mana ia akan dipindahkan. Di sini walaupun disebut tentang keperluan memberitahu, tetapi tidak diberitahu bilakah akan dibagi tahu. Saya mengharapkan di sini bahawa pemberitahuan kepada keluarga yang terdekat di mana seseorang itu diletak dan di mana seseorang itu dipindahkan akan dilakukan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal yang ada kaitan dengan penjara, tetapi ada kaitan dengan badan-badan lain selain daripada penjara. Berhubung dengan reman tadi kita dapati bahawa akhir-akhir ini beberapa orang aktivis dan juga beberapa orang anggota Parlimen dan ADUN telah ditahan reman dan mereka diletakkan di penjara. Tujuan reman adalah untuk memungkinkan penyiasatan dilakukan sebab tidak cukup masa untuk melakukan penyiasatan sebelum reman itu, jadi diminta reman. Akan tetapi apa yang berlaku ialah apabila mereka masuk ke penjara, hari pertama hari kedua tidak ada apa-apa soalan, tidak ada penyiasatan. Pada penghujung hari ketiga kalau mereka dibebaskan barulah diadakan penyiasatan itu.

Satu lagi, mereka yang direman ini mungkin dibawa ke mahkamah atau tempat-tempat yang hendak diselongkar ataupun disiasat dan biasanya ada seolah-olah *double standard*. Ada mereka terutama daripada pihak pembangkang yang dibawa pergi dengan baju penjara tanpa kasut dengan digari. Mungkin ada SOP ini, mungkin ada peraturan-peraturan tentang hal ini. Saya terima kalau ada peraturan yang jelas. Akan tetapi yang tidak menyenangkan ialah mengapa ada perbezaan.

Ada misalnya bekas Menteri Besar yang dituduh rasuah tetapi apabila ke mahkamah tidak digari, boleh pakai pakaian sendiri dan dengan kasut sendiri. Bahkan baru-baru ini misalnya ada seorang abang kepada pegawai polis yang disuruh datang untuk melaporkan diri untuk diperiksa, dia boleh datang dengan kereta mewahnya, tidak perlu direman dan tidak perlu dihinakan. Saya minta kalau ini misalnya kuat kuasa pihak penjara, penjara mestilah berlaku adil dan tidak menunjukkan *double standard*.

Hal ini berkaitan pula dengan soal kuasa untuk meletakkan reman itu. Kuasa memang ada pada polis. Akan tetapi adakah kemungkinannya polis dipengaruhi oleh pihak-pihak yang lebih tinggi? Adakah kerana ini maka misalnya ditahan ataupun dipanggil untuk soalan dan direman, wakil-wakil rakyat sama ada anggota Parlimen ataupun ADUN semasa sidang mereka ditahan, semasa sidang sedang berjalan. Saya rasa seharusnya ada pertimbangan dalam hal ini supaya waktu sidang tidak ditahan reman mereka ini, kerana ada kes-kes di mana yang tidak perlu ditahan reman. Ada juga kes misalnya apabila ditahan reman tidak disoal seperti yang saya katakan tadi. Adakah apa-apa muslihat, apa-apa tujuan hendak menahan mereka waktu sidang sedang berjalan.

Apabila bercakap tentang ini- saya ingin mendapatkan penjelasan tentang itu. Apabila bercakap tentang...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang ingin mencelah.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan secara terperinci, tahanan yang direman tetapi tanpa disoal ada beberapa kes? Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biasanya dalam Dewan ini kita tidak menyebut nama orang, itu mengikut peraturan. Apa yang saya tahu dua kes. Seorang aktivis dan seorang anggota Parlimen. Mereka tidak disiasat satu dan dua hari masa reman. Hari akhir barulah disiasat.

Berkaitan dengan soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa misalnya kes permintaan supaya Ketua Pembangkang dibenarkan ke Parlimen. Apabila permintaan itu dibuat itu adalah sebelum permohonan untuk pengampunan ditolak. Waktu itu juga pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mengumumkan bahawa beliau masih lagi menjadi Ketua Pembangkang dan Ahli Dewan Rakyat. Apabila permohonan dibuat supaya dia dibenarkan oleh bukan sahaja dirinya sendiri tetapi orang lain juga, pihak Menteri tidak mahu membuat keputusan tentang hal ini.

Pihak Speaker yang telah mengakui kedudukan beliau sebagai Ahli Parlimen tidak bersuara dan akhirnya pihak Pesuruhjaya Penjara telah membuat keputusan iaitu tidak boleh pergi ke Parlimen. Saya tidak tahulah daripada segi apa kuat kuasa ini. Akan tetapi yang jelas bagi saya ialah pihak penjara membenarkan si polan yang sama ini untuk pergi menghadiri perbicaraan di mahkamah sama ada sebagai orang yang dituduh atau seorang yang sedang meminta sesesuai itu dibicarakan semula.

Beliau juga ada kalanya tidak kali ini tetapi dahulu misalnya, boleh dibawa keluar untuk pergi ke hospital dan sebagainya. Jadi mengapakah misalnya tidak dibenarkan untuk pergi ke Parlimen untuk menghadiri sidang Parlimen? Adakah pergi ke mahkamah itu lebih penting daripada pergi ke Parlimen? Padahal dia masih anggota Parlimen dan dia masih Ketua Pembangkang. Jadi apa yang saya maksudkan ialah apakah tujuan dan apakah sebalik keputusan pihak penjara untuk tidak membenarkan beliau ke Parlimen.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja perbahasan saya minta kalau dapat pertanyaan-pertanyaan yang saya kemukakan itu dapat dijelaskan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

2.49 ptg.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Penjara 1995.

Sukacita saya ingin merujuk kepada fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 7(1A), Akta 537 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagai tempat pengurangan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya pendek sahaja iaitu kerisauan saya terhadap golongan wanita dan kanak-kanak yang ditahan reman. Persoalan yang saya ingin bangkitkan ini adalah yang pertama jika dia wanita dan mempunyai anak kecil, apakah garis panduan tertentu?

■1450

Kedua, bagaimana wanita yang di bawah umur dan apakah ia termasuk sebagai pesalah juvenil. Ketiga, bagaimana jika wanita yang direman itu terdiri dari warga asing. Adakah disediakan para penterjemah bahasa. Seterusnya yang keempat, adakah orang kena reman itu dipisahkan daripada pesalah-pesalah yang lain. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Agak ringkas, terima kasih. Seterusnya ataupun yang terakhir, Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, dipersilakan Yang Berhormat.

2.50 ptg.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya maklum bahawa kali ini pendek, tidak sebagaimana yang dulu. Juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah pun menyediakan akta ini, tambahan ini. Jadinya saya terus kepada soalan saya iaitu dalam keadaan kita menghadapi pengganas ini, namanya pun Akta Pengganas, sudah pastilah yang bersalah ini terdiri daripada manusia-manusia yang ganas.

Sejadinya, apakah spesifikasi lokap bagi pesalah militan ini? Siapakah yang memantau pesalah tersebut semasa direman tersebut? Perlukah mereka ini dipisahkan daripada pesalah lain? Apakah mereka ini boleh dikunjungi oleh kaum keluarga atau peguam mereka semasa direman? Adakah mereka ini dipantau dengan CCTV atau sebagainya? Sekian, dengan ini saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Diminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, silakan Yang Berhormat Menteri.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, tujuh orang berucap tadi dan bertanya.

Pertama ingin saya menyentuh apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun berhubung dengan soalan langkah-langkah keselamatan. Jadi ingin saya jelaskan sekali lagi berhubung dengan rang undang-undang ini. Ia ringkas peruntukannya iaitu tujuannya untuk meminda subseksyen 7(1A), Akta Penjara iaitu Akta 537 untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan lokap.

Saya jelaskan ini di mana-mana balai polis, satu. Di bangunan mahkamah, dua, sebagai tempat bagi pengurungan orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Sebenarnya itu perkataan kunci dalam rang undang-undang ini. Untuk menahan di tempat lokap dan di tempat di mahkamah, dua buah tempat. Di penjara itu memang dia boleh ditahan di penjara tetapi untuk penahanan di bawah Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan ini, dia mesti di lokap polis ataupun di mahkamah. Masa penahanan di mahkamah mungkin masa meminta reman, masa minta di peringkat reman sebagai undang-undang tersebut, peringkat reman oleh pegawai tahap ini, majistret-majistret, selepas itu *Session Court*, reman *extension*.

Jadi dua peringkat, jadi ini yang dipinta di bawah undang-undang ini. Itu sahaja sebenarnya persoalannya, maknanya untuk lokap dan untuk itu. Orang tahanan ini memang boleh ditahan di penjara Tuan Yang di-Pertua, walaupun dah reman panjang, dia boleh ditahan di penjara. Jadi ini yang dipinta di bawah undang-undang ini. *In shaa-Allah* keselamatan dibuat oleh pihak polis di mana-mana lokap *police station* ataupun di mahkamah itu tetap kita akan jaga. Bukan untuk tahanan sahaja, mungkin ada orang lain akan mengganggu ataupun hendak mengapa-apakan dia, kita jamin keselamatan ini oleh pihak kerajaan.

Bagi pihak dia untuk keluar ataupun lari juga kita jagakan, kalau ada orang-orang tahanan ini di lokap ataupun di mahkamah, kita juga akan beri jaminan bahawa dia tidak melarikan diri ataupun ke mana-mana. Ini dua perkara yang diminta di bawah undang-undang ini. Jadi kembali saya kepada soalan. Kalau ada Yang Berhormat terlepas itu, boleh berdiri tanya saya lagi.

Pindah kepada Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Saya memang mengetahui, saya dah ulas dulu bahawa pengalaman Yang Berhormat alami itu pada masa Yang Berhormat ditahan dulu. Akan tetapi berkemungkinan juga ada perkara yang berlaku pada tahun itu, 70-an dan 80-an itu mungkin ada ciri-cirinya yang masih berlaku sekarang ini. Ini Yang Berhormat itu, saya menerima hakikat perkara ini mungkin masih berlaku.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya maksudkan bukan di tempat tahanan tetapi di penjara, di lokap lima enam tahun yang lalu.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey, okey terima kasih. Jadi satu soalan makanan, minuman, peruntukan yang bersesuaian melihat keadaan kos semasa. Jadi maknanya kalau dulu kosnya RM3 untuk makanan satu hari, sekarang kos makanan ialah kalau tidak salah saya RM8 untuk satu hari berlandaskan tender yang diberi oleh pihak kerajaan.

Kita juga berbincang Yang Berhormat sebenarnya soal makanan ini. Apabila kita menender makanan dari sudut sayur, ikan dan makanan lain yang bersama untuk disajikan kepada pihak banduan ini. Pihak penjara berbincang dengan pihak kesihatan, Kementerian Kesihatan dan dinasihatkan oleh pihak doktor untuk diet yang *balance*, yang seimbang supaya ia tidak mendatangkan kekurangan makanan dari sudut protein dan vitamin lain. Ini diperbincangkan. Akan tetapi walau bagaimanapun saya cukup yakin kita boleh, bahkan saya pernah berbincang dengan Ketua Pengarah Penjara berhubung dengan kos makanan ini.

Persoalan di sini ialah kita kena sama-sama bersetuju. Sejauh manakah kita dan sejenis manakah makanan yang patut kita beri. Di penjara kita mempunyai lima kali makan, pagi, sarapan pagi, lepas itu pukul 10 ada *tea* dan biskut, lepas itu tengah hari makan. Biasanya makan tengah hari itu ada sayur, ikan dan ada nasi dan ada benda-benda lain. Selepas itu pukul tiga ada minuman lagi dengan roti ataupun biskut dan malam makan sekali lagi. Jadi maknanya sarapan, pukul 10, pukul 12, pukul tiga dan pukul enam hingga tujuh petang sebelum maghrib. Jadi makanan ini di antara RM8.50 hingga RM12.50 mengikut negeri. Kalau dia di Sarawak atau Sabah, kemungkinan kosnya tinggi sikit. Kalau di Semenanjung, kosnya kebanyakannya di antara RM8.50 hingga ke RM10, macam itu sahaja kos. Walau bagaimanapun, kita mengambil baik cadangan...

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, sila. Minta maaf tidak nampak.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri, selain daripada aspek keselamatan dan juga nutrisi ataupun makanan yang seimbang diberi kepada tahanan, apakah perhatian yang juga diberi kepada tahanan sekiranya dia seorang yang kurang upaya ataupun dia mengalami masalah kesihatan yang memerlukan rawatan. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menjamin keselesaan dia sewaktu di penjara supaya keadaan dia tidak mudarat ataupun menjadi lebih teruk. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga berterima kasih, soalan ini memang baik kalau dari sudut penjagaan kita di penjara. Selain daripada sudut makanan, minuman dan sebagainya itu, makanan yang berzat dan berimbang, di samping itu, kita juga melihat dari sudut kesihatan.

■1500

Apabila seseorang itu dimasukkan ke dalam penjara Yang Berhormat, kita buat *medical check-up* untuk mengetahui apakah penyakitnya bahkan sekarang kita bertanya dengan pihak banduan, penyakit kronik yang diketahui dan dialami. Daripada itu kita mengetahui apakah jenis perubatan, rawatan dan bimbingan yang kita perlu berikan kepadanya. Jadi kalau ini kita dapati, kita akan meminta nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk membuat *medical check-up* secara terperinci lagi untuk mengetahui secara khusus. Kita juga menerima nasihat daripada doktor, untuk memberitahu kepada kita jenis apakah *exercise* dan sebagainya yang boleh diberikan kepada banduan apabila mengalami sesuatu jenis penyakit.

Walaupun kalau dilihat daripada, saya menggunakan istilah rejim, *regimentation* dalam penjara itu sendiri ada tempat-tempat tahanan lain bahkan di sekolah-sekolah pun dibuat sedemikian rupa. Diadakan *physical exercise* pada waktu pagi daripada masa yang tertentu sebelum sarapan pagi, selepas itu dan sebagainya. Kalau sesiapa yang mempunyai sesuatu penyakit mungkin dia boleh dimaafkan daripada terlibat dengan *exercise* ini dengan syarat doktor telah memberi nasihat kepada pihak kita.

Jadi, kalau seseorang itu mempunyai keperluan yang tertentu, umpamanya dia tidak boleh berbaring di atas lantai yang kurang tebal, kita meminta juga pihak doktor memberikan saranan jenis apakah *mattress* yang boleh dipakai bermakna yang sesuai untuk kesihatannya. Begitulah seterusnya, bukan kita menahan dia sebegitu sahaja dan sebelum kita menjaga dia, kita kena mendapatkan nasihat daripada pihak-pihak yang tertentu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, biar saya berpindah kepada...

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Ada sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Saya ingin bertanya juga, sekiranya banduan itu seorang yang kurang upaya yang menggunakan kerusi roda, adakah penjara menyediakan tempat untuk menahan banduan agar selesa untuk berada di sana dengan kerusi roda? Satu lagi, sekiranya banduan itu seorang yang pekak ataupun seorang yang buta, adakah terdapat kemudahan-kemudahan yang sepatutnya disediakan? Itu pertanyaan saya, terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Pegawai penjara di belakang sana bagi saya jawapan... [*Merujuk kepada pegawai bertugas*] Apa yang saya ketahui ialah di penjara mempunyai banyak. Saya sudah melawat banyak penjara, Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan saya secara umumnya, saya mendapati bahawa bersesuaian dengan apa yang kita perlu dalam sudut institusi kepenjaraan yang ada pada kita sekarang.

Lagipun, dalam sudut yang sama saya ingin menekankan di sini bahawa penjara kita hanya dalam peringkat perjalanan ataupun dalam mentransformasikan institusi kepenjaraan itu menjadi sebuah institusi *correctional* iaitu supaya ia bukan lagi dilihat dari sudut untuk menyeksa, mendatangkan kepayahan, kerumitan kepada pihak komuniti banduan dalam penjara bahkan banyak untuk melatih, membimbing dan untuk tujuan mengembalikan mereka kepada masyarakat.

Jadi, dalam keadaan sedemikian itulah kenapa kita lihat bahawa pelbagai dan macam-macam pengajian yang diajar bahkan saya pernah pergi ke sebuah penjara yang ditunjukkan bahawa penjara yang kurang upaya, kalau kerusi roda, itu yang saya minta dijawab itu... [Merujuk kepada pegawai bertugas]

Kalau soalan itu, buku-buku Braille pun ada ditunjukkan untuk orang yang kurang upaya penglihatan. Jadi, secara keseluruhannya kita mengambil kira semua keperluan mereka ini, bukan hanya bertujuan apa tetapi untuk bertujuan untuk membimbing mereka apabila keluar nanti boleh menjadi golongan masyarakat yang berupaya menjaga diri sendiri atau berdikari.

Saya berpindah kepada soalan yang kedua dibawa oleh Yang Berhormat Senator Syed mengenai keadaan dalam penjara, lokap polis, kisah lama, jamban sel, sama ini. Pada zaman dahulu memang banyak berlaku dan tempat *communal* ini memang masih berlaku untuk mandi dan sebagainya. Akan tetapi konsep ini orang kata berperingkat-peringkat kita hendak gantikan supaya dari sudut nilainya berlainan sedikit sebab konsep nilai penjara dahulu ialah konsep nilai pihak Barat iaitu *communal*. Mandi bersama bukan menjadi satu masalah atau perkara asing bagi mereka bahkan semasa sekolah, siapa yang berpengalaman bersekolah di England zaman saya, dalam sebuah bilik mandi itu 20 hingga 30 orang kita mandi sama, semua. Orang Sarawak kata 'pompom' semua. Itu istilah orang Sarawak, kalau ada orang Sarawak di sini.

Dalam bilik mandi itu memang tidak ada satu masalah pun tetapi dalam sudut penilaian nilai kita mungkin ini boleh dibantah sedikit, walau bagaimanapun apabila penjara-penjara baru kita buat, kita akan cuba melihat supaya perkara-perkara ini dibina dan dibuat kemudahannya berlandaskan nilai-nilai ketimuran dan nilai-nilai keagamaan kita yang ada di Malaysia ini. Akan tetapi ia mestilah secara berperingkat-peringkat Tuan Yang di-Pertua kerana kita melihat daripada sumber kewangan dan kebolehan kerajaan untuk menggantikan semua bangunan lama kepada bangunan serta kemudahan-kemudahan yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya maksudkan tadi bukannya *communal bath* di penjara tetapi ini adalah di lokap iaitu ada kawasan kosong di tengah, ini lima tahun dahululah, saya harap sudah tidak ada lagi di lokap itu. Mereka di tengah, hanya seorang yang mandi bergilir-gilir sebab hanya ada satu paip getah untuk digunakan. Jadi, kalau dia tidak ada kain basahan dia mandi bertelanjang dan diperhatikan oleh semua tahanan lain dalam lokap di sekeliling tempat itu.

Jadi, saya rasa ini yang harus diberi perhatian, selain daripada itu soal jamban dalam sel itu yang tidak ada perlindungan di mana kita membuang air depan 10 atau sembilan orang. Kebetulan waktu itu, saya ditahan bersama ramai aktivis dan ada juga profesor yang waktu itu ditahan dan mereka terpaksa tidur berhimpit-himpit dan terpaksa membuang air besar dan membuang air kecil dalam tempat itu dengan diperhatikan kalau ada yang hendak memerhatikan, oleh mereka yang bersama-sama. Jadi ini dalam lokap polis, terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Apa yang ketahui Tuan Yang di-Pertua, lokap-lokap polis yang saya lawati selama ini dan pengalaman saya sendiri sebagai bekas polis pada pertengahan tahun 60-an hingga akhir tahun 70-an saya menjadi pegawai polis, selepas itu saya pergi ke luar negeri selama empat tahun. Semasa itu saya jarang berjumpa juga dengan tempat buang air ini, apakah istilah yang bagus untuk digunakan ya? Kalau dia hendak buang air besar atau buang air kecil bersama dalam itu- lokap ini untuk dua hingga tiga orang atau empat orang, biasanya tempat itu diasingkan dari sel itu sendiri. Jadi kalau adapun, *inshaaAllah* saya ambil kira dan kita akan menasihatkan supaya lokap-lokap baru kita tidak simpan, memang tidak selesa dan tidak sesuai juga, kalau hendak keluar pun tidak jadi keluar kalau kawan menonton itu. Saya terima hakikat benda macam ini.

Kita ambil kira dan kita akan beritahu dengan pihak polis dan kementerian supaya mengambil kira apabila merancang pembangunan *police station* pada masa akan datang supaya lokap-lokap sedemikian tidak lagi diwujudkan. Keempat iaitu tempat mana-mana penjara direman, ini berlandaskan Menteri lah.

■1510

Kalau diwartakan ia akan jadi macam itulah. Begitulah juga persoalan di bawah undang-undang ini tadi ialah lokap polis, lokap mana dan sel mana dan mahkamah di mana. Ini atas Menteri mengisytiharkan berlandaskan nasihat berdasarkan keperluan oleh pihak polis dan juga pihak penjara.

Makluman kepada keluarga secepat mungkin, saya mengambil baik cadangan ini. Memang betul apabila orang itu ditangkap dan seberapa yang cepat mesti diberi maklumat untuk dibolehkan menghubungkan keluarga mereka dan *inshaaAllah*, ini akan dilaksanakan.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, silakan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Menteri menyebut tentang kemudahan yang diberi kepada tahanan reman untuk memohon menghubungi keluarga, maka saya suka ingin bertanya, setakat manakah kelonggaran amalan yang diberikan kepada tahanan reman ini untuk menghubungi keluarga dan peguam? Adakah Yang Berhormat Menteri, akta ini dibawa oleh sebab pihak yang berwajib didapati mengalami terlalu banyak kesulitan untuk urusan penyiasatan kepada tahanan awam? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya hendak menjawab dalam soalan proses penyiasatan tadi. Sebabnya, memang dalam sudut kita mengambil tindakan apa-apa sahaja di bawah mana-mana undang-undang semasa proses reman itu. Kalau proses reman itu telah diluluskan oleh pihak mahkamah dan beberapa hari proses penyiasatan ini dibenarkan oleh pihak mahkamah atas satu-satu kes, dia akan melihat pihak polis cukup yakin. Pengalaman saya sendiri mengetahui bahawa, kita lihat kalau sesuatu kes ini perlu kita habiskan dalam masa 24 jam, kita kena buat macam itu, kalau reman tidak diluluskan oleh pihak mahkamah.

Kalau mahkamah meluluskan yang satu- kalau empat orang ditangkap, yang ditangkap ini boleh direman sampai tiga hari, yang tiga hari ini dikemudiankan dahulu dengan yang 24 jam. 24 jam itu kena diselesaikan penyiasatannya dahulu. Ini mungkin boleh berlaku dan telah berlaku dan akan terus berlaku. Akan tetapi pokoknya, dia punya penyiasatan mesti lengkap dan siap dalam masa reman telah diluluskan oleh pihak mahkamah.

Contohnya satu lagi, ada lagi dibangkit berhubung dengan pakaian. Sebenarnya, saya menyebutkan perkara SOP, bukan soalan apa yang realitinya berlaku. Kalau realiti ini satu perkara yang tidak ikut SOP, berlandaskan budi bicara pihak-pihak yang tertentu, itu bukan yang hendak saya jawab di sini. Apa yang sudah saya jawab di sini ialah contohnya, kalau orang ditahan di dalam lokap polis, lokap polis itu mempunyai SOP berlainan. Jadi, kalau polis itu mengatakan selipar umpamanya memang tidak boleh pakai. Dia berkaki ayam kalau dalam lokap polis. Akan tetapi kalau orang itu sudah di penjara dan lepas itu dia buat rayuan ataupun kes itu didengar semula di mahkamah, orang itu berlandaskan budi bicara Ketua Pengarah Penjara itu untuk memberikan keputusan apakah SOP di sana membolehkan dia memakai pakaian yang tertentu untuk dia pergi ke mahkamah.

Jadi itu kadang-kadang kita lihat benda ini satu daripada polis, satu daripada pihak penjara. Mungkin SOP ini berlainan sebab yang ditahan di lokap polis ini kebanyakannya orang suspek *first day*, orang yang ditahan di bawah reman dan memang ada reman panjang itu ditahan di penjara juga. Itu di bawah SOP pihak penjara. Jadi, kalau ada kelainan dengan SOP penjara, SOP polis itu, saya akan janji untuk melihat penyelarasan boleh dibuat, macam mana boleh dan saya akan terus berbincang dengan pihak polis dan pihak penjara, macam mana boleh kita menyelaraskan semua SOP berhubung dengan ini.

Bahkan pada tiga minggu lepas perkara yang sama dibangkitkan. Saya sudah berbincang dengan pihak polis dan pihak penjara untuk melihat semula SOP berhubung dengan pakaian. Oleh sebab adanya pada ketika masa dahulu- bukanlah dahulu lama sangat. Dalam tahun 70-an, tahun 80-an yang kita dimaklumkan bahawa apabila seseorang itu diberi sejenis pakaian, dia menggunakan pakaian itu untuk mendatangkan luka dan sakit kepada bukan untuk dia sendiri tetapi juga kepada pihak yang lain. Jadi dalam keadaan yang sedemikian- jadi kita mengambil kira semua perkara.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam, ini yang ingin saya perjelaskan secara panjang lebar. Saya berharap semua pihak mengambil perhatian iaitu berhubung dengan penangkapan Ahli-ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak kata pakar lah tetapi amat mengetahui. Usul dibawa di Dewan Rakyat di bawah seksyen 7(6) mengatakan, "*Apabila persidangan Parlimen, penangkapan tidak boleh dibuat kepada Ahli-ahli Parlimen semasa ketika tersebut*".

Kedua, Ahli-ahli Parlimen yang kena tahan dan kena tangkap, kenapa tidak boleh pergi ke Dewan untuk bersidang dan sebagainya. Jadi, ingin saya menyingkap sejarah. Kenapakah saya menyingkap sejarah Tuan Yang di-Pertua? Sejarahnya bermula pada abad yang ke-13 dahulu iaitu tahun 1340 dahulu, sejarah yang pertama. Apabila Raja England- saya sebut semua ini, nanti tanya saya kenapa Raja England. Apabila Raja England mengeluarkan seorang Ahli Parlimen dari penjara, mengatakan orang ini penasihat saya, pada masa itu Parlimen belum lagi menjadi Parlimen. Parlimen pada ketika itu di England ialah penasihat kepada Raja England. Dia hendak orang di penjara itu dikeluarkan dari penjara supaya tidak boleh dipenjarakan semasa Parlimen, "*Saya bersidang*", katanya, "*Masih beri nasihat kepada saya*".

Daripada itu, bermulalah satu *convention* di Parlimen England, mengatakan bahawa pada masa Raja mendapat nasihat daripada Ahli-ahli Parlimen ini ataupun pada ketika itu disebut nama 'WinSigma', tidak boleh orang itu ditangkap melainkan kalau sudah ditangkap, mesti dikeluarkan. Pada masa itu di England dan perkara ini berterusan selama hampir 100 tahun. Akan tetapi dalam masa yang sama, perbincangan banyak di England sama ada betul ataupun tidak orang tidak boleh ditahan semasa Raja mengadakan persidangan dengan penasihat dia.

Jadi didapati bahawa selepas 200 tahun berbincang, dia buat keputusan hanya kes-kes berhubung dengan *breach of contract*, *breach of sale*, maknanya, kebanyakan dia tidak bayar hutang dan sebagainya, semua berhubung dengan perkara-perkara *civil matters* sahaja dibolehkan. Maknanya, kalau orang yang tangkap oleh sebab melakukan kesalahan jenayah, dia tidak boleh dikeluarkan, Raja tidak boleh mengeluarkan dia. Akhirnya Raja menerima hakikat bahawa orang yang ditangkap di bawah undang-undang pada ketika itu pun pada tahun 1440 tidak boleh dikeluarkan oleh Raja untuk menasihati dia walaupun dia baru ditangkap.

Pada tahun 1883, panjang cerita beratus-ratus tahun, *the fluctuation of what happening during the time* memang sejarahnya berpanjangan, *argument* berterusan. Akhirnya, ditegaskan bahawa *any statutory action* diambil oleh seorang yang berkuasa di bawah undang-undang tersebut, dia tidak boleh dikeluarkan oleh mana-mana pihak untuk hadir ke Parlimen. Itu Parlimen sudah wujud selepas *the Bill of Rights in 1688*.

Terakhir, terkini sekali adalah pada tahun 1983. Apabila Lord Diplock dikehendaki memberi nasihat kepada *The House of Lords* yang mana hakim-hakim terbesar di England hadir memberi nasihat, apakah kedudukan seseorang yang ditangkap di bawah *medical health*? Bolehkah atau tidak dia dikeluarkan kalau sudah ditahan di bawah *medical health act*, dikeluarkan daripada tahanan untuk menghadiri Parlimen, *House of Commons*?

■1520

Jadi, nasihat *The Lord Diplock* kepada *The House of Lord* mengatakan dia *validating* undang-undang yang diamalkan selama empat, lima, enam ratus tahun mengatakan "*exercising of statutory powers*" kata dia, tidak boleh dikeluarkan. Dia terpaksa duduk dalam penjara walaupun Parlimen bersidang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kenapakah saya *refer* benda-benda macam itu? Oleh sebabnya, di bawah *The Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952* Malaysia yang digubal pada tahun 1952, apabila Malaysia merdeka pada tahun 1957, undang-undang ini tidak dimansuhkan tetapi kekal menjadi undang-undang Parlimen.

Jadi, masih dikuatkuasakan hingga sekarang ini. Di bawah seksyen 32 undang-undang ini berkata, "*Save as otherwise expressly provided by this Act, the House and the Members thereof respectively shall hold, enjoy and exercise such and the like privileges and immunities, and powers relating thereto as are held, enjoyed and exercised by the Commons House of the Parliament of the United Kingdom and by the Members thereof and also such privileges, immunities and powers as are from time to time defined by any law of Malaysia*".

Jadi, dengan sendiri apa yang diamalkan oleh *House of Commons England, the privileges and powers right of the House of Commons England applicable* dengan *The Members of Parliament of Malaysia* berlandaskan undang-undang ini.

Jadi, apabila dimohon Dato' Seri Anwar Ibrahim keluar untuk menghadiri Parlimen, penahanan Dato' Seri Anwar Ibrahim ialah di bawah undang-undang, arahan mahkamah. Jadi, kenapakah Ketua Penjara? Baca saya punya- dalam surat khabar, saya yang keluar. Yang Berhormat Menteri saya dan saya kata, Ketua Penjara yang buat keputusan. Oleh sebabnya, *the exercising power* dalam penjara ialah Ketua Pengarah Penjara ataupun *The Commissioner General* Penjara. Jadi, berlandaskan kuasa itu, selaras dengan seksyen 32, *Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952, revised 1988*, penggunaan kuasa Pengarah Penjara itu, Ketua Pengarah Penjara adalah betul selari dengan amalan hak Parlimen di England. Jadi, saya sebut kenapa Parlimen itu pula? Padahal tadi sebut bahawa di bawah Artikel 48 mengatakan bahawa dia masih Ahli Parlimen. Ya betul, sebelum *Pardon Board* buat keputusan, dia masih Ahli Parlimen. Hak dia masuk Parlimen ini soalan lain. *These are two things* Yang Berhormat kena tahu.

Apabila seseorang itu- saya minta dengar betul-betul ini. Apabila seseorang itu bertanding dalam satu pilihan raya, apabila dia dipilih dalam satu pilihan raya, dia belum lagi Ahli Parlimen. *He is Member of Parliaments elect until* dia angkat sumpah, dia kata, "*I am now Members of Parliaments*", baru dia jadi Ahli Parlimen, *not before*. Parlimen berhak mengatakan, *you* jangan duduk. *Don't take the seat*. Amalan ini dibuat di *Senate America* dan berapa banyak Ahli *Senate* yang diluluskan sudah terus pilihan raya, sudah dapat menang di pilihan raya tetapi *directed* oleh *Senate*. Tidak boleh masuk dalam *Senate*, pilihan raya baru.

Kes di England, Bradlaugh punya kes lima kali *stand for election...* [*Mengeja nama*] Lima kali *stand for election*. Masuk sekali, dia angkat sumpah, dia tidak hendak sebab di England mesti mengangkat sumpah menggunakan *Bible*. Dia kata, "*I am Atheist. I don't believe in Bible*". Saya tidak hendak guna *Bible*, *directed House of Parliament*, dia tidak boleh masuk. Akhirnya, dia bertanding lagi sampai lima kali, *only the fifth times* baru *private bill* diluluskan di Parlimen mengatakan tidak payah angkat sumpah menggunakan *Bible*, boleh masuk angkat *affirmation* sahaja. Barulah Bradlaugh dibenarkan masuk dalam Parlimen menjadi Ahli Parlimen. Di sinilah letaknya kuasa ini walaupun dia Ahli. *It doesn't mean he has the rights to go in. Rights* dia terbatas oleh sebab ini. Perlembagaan kata, *statutory provision Federal Law* boleh menghadkan mana-mana hak yang disebut dalam perlembagaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, panjang cerita penjelasan saya berhubung dengan hak Ahli-ahli Parlimen. Oleh itu kenapa usul...

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Yang Berhormat Lim Kit Siang di Dewan Rakyat menyebut seksyen 6 dan 7 dalam undang-undang ini, saya tolak, saya sains surat berlandaskan semua perkara ini, bahawa Ahli Parlimen boleh ditangkap. *IGP spoken to me about arrest of MPs*. Tidak ada masalah kalau MP buat kesalahan, saya kata MP boleh ditangkap walaupun dia tidak tanya siapa ditangkap. Akan tetapi sebab undang-undang dia, mana-mana MP buat kesalahan sama ada dia pembangkang, kerajaan, buat kesalahan, dia boleh ditangkap. Dia boleh masuk jel, boleh direman, boleh masuk dalam lokap. Tidak ada halangan berlandaskan dia sebagai Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara. Oleh sebab nasihat Lord Diplock kepada Ahli Dewan *House of Lords*. Jadi, sila Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab panjang lebar. Untuk pemahaman saya, apabila mereka dijatuhkan hukuman, dipenjarakan dan adakah mereka layak untuk mengundi? Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Itu sudah lain cerita Yang Berhormat. Sebenarnya, memang tidak boleh pun. Dalam Perlembagaan ada menetapkan bahawa seseorang yang dalam penjara itu tidak boleh mengundi lagi Yang Berhormat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, semua perkara ini yang soalan dia kenapa dia boleh hadir di mahkamah, oleh mahkamah itu, dia perlu ada kepentingan-kepentingan yang tertentu.

Mahkamah tidak ada mempunyai perundangan dan syarat-syarat dan tidak ada *convention practice and usage* seperti Dewan. Parlimen ini *different*. Dia punya *rule comprehensive, it lasted thousands of years* Tuan Yang di-Pertua. Saya pengkaji *the privilege of Parliament*. Jadi, saya mengetahuilah sedikit, bukan banyak, sedikit tetapi banyak juga, kalau tulis jadi buku.

Jadi, bahawa Parlimen ini unik, ia ada peraturan sendiri. Peraturan itu mesti diikuti dan peraturan itu mesti kita patuhi kerana *the separation of powers* tidak ada orang lain pun boleh *interfere* dengan urusan Parlimen itu selain daripada Parlimen itu sendiri. Apa yang berlaku di dalam Parlimen ini *is up to the Speaker to define* peraturan kita *and it's up to Parliament to accept* ataupun tidak *accept*. Jadi, apa benda yang ada kesalahan sedikit, cacat cela daripada pengikutnya daripada perlembagaan dan juga peraturan, Parlimen itu *remedy* secara sendiri, *what Parliament decided inside*, mahkamah pun tidak boleh menilai.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan hadir hospital, kalau kita biarkan banduan tidak boleh hadir hospital, payahlah sikit kita. Banyak yang sakit, banyak yang mati. Yang Berhormat pun banyak yang akan *complaint*. Oleh sebab kita boleh bawa doktor ke penjara tetapi kita tidak boleh bawa semua *equipments* pergi ke penjara. Dia punya *X-ray machine, scanning machine, ECG, EPG*, apa benda lagi pun memang tidak boleh kita bawa. Dengan itulah kenapa dibolehkan dia keluar atas budi bicara Ketua Pengarah Penjara. Begitulah juga hadir, bahkan Dato Seri Anwar dibenarkan jumpa dengan keluarga semasa meninggal, siapa dia?... *[Disampuk]* Abang dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Bapa dia.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Bapa dia, dibenarkan atas budi bicara Ketua Penjara. Ini dibolehkan, semua dibolehkan tetapi Parlimen ini bukan budi bicara Ketua Penjara. Ini undang-undang yang telah termaktub dalam amalan budaya kerana Parlimen ini adalah *is the convention usage and practice by itself*.

■1530

Jadi Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman saya tadi minta maaf tertinggal soalan yang ditanya. Jadi Yang Berhormat Datuk Hamzah bertanya pasal dipisahkan ataupun tidak dengan masyarakat lain dalam penjara itu orang-orang yang direman. Ya, orang yang di reman dengan orang tahanan penjara dan banduan memang dipisahkan dan tidak disamakan tempatnya kerana kita memang tidak mahu mereka bersama. Jadi Tuan Yang di-Pertua sekian sahaja ulasan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2015**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.33 ptg.**

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan rangka perundangan pembanterasannya keganasan Malaysia diperkasakan dengan sewajarnya, antara lain untuk menangani ancaman *Islamic State*. Pada masa ini pindaan kepada lima rang undang-undang yang turut dicadangkan termasuk Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, salah satu rang undang-undang selari tersebut ialah Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 telah ditangguhkan untuk membolehkan kajian lanjut dilakukan. Sekiranya tidak ada halangan rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan semula pada sesi Parlimen yang akan datang.

Pindaan kepada Kanun Keseksaan yang dibentangkan pada sesi ini adalah bertujuan untuk mewujudkan beberapa kesalahan khususnya yang baru, yang disasarkan kepada aktiviti dan kaedah operasi semasa kumpulan pengganas yang amat kreatif dan bersandarkan teknologi terkini untuk menarik dan menjerat golongan muda yang mudah terpengaruh.

Antara kesalahan baru ialah kesalahan menerima latihan dan tunjuk ajar daripada kumpulan pengganas dan orang yang melakukan perbuatan keganasan. Sebagai tambahan, kehadiran mana-mana orang di sebuah tempat yang diguna bagi latihan keganasan juga akan dijadikan satu kesalahan jika seorang itu mengetahui tempat itu digunakan bagi tujuan latihan tersebut. Kesalahan itu telah digubal dengan merujuk kepada kesalahan yang seumpamanya di bawah seksyen 6 dan 8 *United Kingdom Terrorism Act 2006, section 2339D Title 18th United States Code* dan *section 119.4 Australian Criminal Code* seperti yang dipinda oleh *Counter-Terrorism Legislation Amendment (Foreign Fighters) Act*.

Selain itu, pindaan dalam rang undang-undang ini juga akan menjejaskan perbuatan sokongan yang terangkum dalam kesalahan memberi sokongan kepada kumpulan pengganas. Dengan pindaan ini, siapa yang menggunakan media sosial atau kaedah lain untuk menggalakkan atau mempromosikan kumpulan pengganas atau sokongan bagi kumpulan pengganas atau perlakuan perbuatan keganasan serta sesiapa yang menggalakkan seseorang untuk meninggalkan Malaysia untuk menganjurkan aktiviti kumpulan pengganas atau untuk melakukan perbuatan keganasan adalah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup atau pemenjaraan selama tidak melebihi 30 tahun atau denda dan mana-mana harta yang telah diguna atau ditunjuk untuk diguna untuk melakukan kesalahan itu juga boleh dilucutkan.

Peruntukkan tersebut selaras dengan kesedaran bahawa media sosial sedang dieksploitasi oleh pihak seperti IS untuk merekrut dan menyebarkan ideologi untuk mendapatkan penyokong di serata dunia. Selanjutnya, peruntukkan baru yang dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan untuk menangani kaedah operasi yang dikesan di mana sesuatu negara ketiga seperti Malaysia, dijadikan negara transit oleh orang yang bertujuan meneruskan perjalanan ke kawasan konflik. Perjalanan melalui negara ketiga dan alasan seperti melancong dan melanjutkan pendidikan digunakan untuk menyembunyikan destinasi akhir yang sebenar. Maka, peruntukkan dibuat untuk menjadikannya kesalahan khusus untuk membuat perjalanan ke, menerusi atau dari Malaysia untuk melakukan perbuatan keganasan di sesuatu negara asing atau mana-mana bahagian sesuatu negara asing.

Ini selaras dengan tekad kerajaan untuk menghindari Malaysia menjadi sumber atau hab transit bagi mana-mana kumpulan pengganas. Kesalahan khusus juga diwujudkan berhubung pemunyaan barang yang berkaitan dengan kumpulan pengganas dan perbuatan keganasan, membina atau selainnya. Menyediakan pengangkutan bagi tujuan perbuatan keganasan serta membuat apa-apa persediaan bagi melakukan perbuatan keganasan.

Peruntukan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015, elemen-elemen utama di dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta ini;

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu 130FA dan 130FB ke dalam Akta 574. Seksyen 130FA mengadakan peruntukan bagi kesalahan menerima latihan dan tunjuk ajar daripada kumpulan pengganas dan orang yang melakukan perbuatan keganasan. Seksyen 130FB menjadikan kehadiran di suatu tempat yang diguna bagi latihan keganasan suatu kesalahan;

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 130J(2), Akta 574 untuk meluaskan kategori *support* yang dilarang oleh seksyen itu; dan

■ 1540

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru, seksyen 130JA, 130JB, 130JC dan 130JD ke dalam Akta 574. Seksyen 130JA mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat perjalanan ke, menerusi atau dari Malaysia untuk melakukan perbuatan keganasan di negara asing atau mana-mana bahagian negara asing.

Seksyen 130JB memperuntukkan bahawa menjadi satu kesalahan bagi seorang yang mempunyai dalam milik, jagaan atau kawalannya apa-apa barang yang dikaitkan dengan mana-mana kumpulan pengganas atau perlakuan sesuatu perbuatan keganasan. Kesalahan itu juga merangkumi perbuatan mengadakan, mempamerkan, mengagih atau menjual barang-barang itu.

Seksyen 130JC memperkatakan kesalahan membina, melengkapkan atau menghantar mana-mana kenderaan atau mengeluarkan atau menghantar serahkan apa-apa tempahan bagi mana-mana kenderaan dengan niat atau pengetahuan atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenderaan itu akan diguna dalam atau oleh sesuatu kumpulan pengganas untuk memajukan aktiviti sesuatu kumpulan pengganas atau untuk melakukan sesuatu perbuatan keganasan.

Seksyen 130JD dijadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang melibatkan diri dalam apa-apa kelakuan sebagai persediaan bagi melakukan sesuatu perbuatan keganasan atau untuk membantu seseorang yang lain untuk melakukan suatu perbuatan keganasan;

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 130TA, ke dalam Akta 574. Seksyen 130TA memperuntukkan bahawa Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954, dan seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai bagi kesalahan di bawah Bab IVA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Menurut senarai yang terpapar di hadapan saya sekarang nampaknya hanya seorang sahaja yang hendak membahaskan rang undang-undang ini. Saya rasa yang lain itu agak berpuas hatilah atas pindaan ini. Oleh yang demikian saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

3.43 ptg.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kerana memberi saya peluang bersama-sama berbahas dalam Akta meminda Kanun Keseksaan Akta 574 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pergerakan militan pada waktu ketika ini amatlah berbeza daripada bentuk pergerakan militan pada masa dahulu. Ia bukan lagi pergerakan gerila ia sekarang merupakan satu pergerakan tersusun dan terancang. Pergerakan militan kini telah mempunyai sistem pengurusan yang lebih *well organized* sistem pentadbiran komunikasinya yang serba moden, senjata yang lebih canggih, sistem pengurusan sumber yang lebih efisien.

Salah satu aspek penting dalam gerakan militan ini ialah manusia dan juga peralatan. Manusia dan peralatan yang serba canggih ini memerlukan pendedahan dan latihan. Saya mengikut perkembangan pergolakan di Timur Tengah ini dengan penuh minat. Saya semakin memahami bahawa pergerakan militan ini bukanlah sekadar tangkap muat sahaja. Malah CIA melalui satu laporan perisikan menyatakan bahawa pergerakan ISIS telah dirancang begitu lama. Ia meliputi pelbagai aspek penerangan yang begitu kompleks. Peperangan memerlukan peralatan, peralatan memerlukan manusia mengendalikannya. Manusia memerlukan latihan, latihan memerlukan modul, modul memerlukan kepakaran dan kemahiran, menghasilkan dan semua ini memerlukan sumber kewangan yang besar bagi menggerakkannya.

Merujuk kepada seksyen baru 130FA dan 130FB yang merujuk kepada latihan *military*. Jika disabit kesalahan akan didenda dan dipenjarakan sehingga 30 tahun. Saya menyokong usaha kerajaan untuk membendung usaha pengganas untuk merekrut dan memberi latihan militan ini. Usaha ini sedikit sebanyak menunjukkan kerajaan semakin serius menangani isu Malaysia sebagai sebuah penghasilan militan oleh pihak Barat.

Sungguhpun begitu pengrekrutan dan juga latihan tidak semestinya hadir secara fizikal. Cabaran yang paling hebat penggunaan media masa ataupun media maya untuk memberi ilmu pengetahuan dan juga memberi latihan. Sekarang ini boleh kita lihat banyak *website-website* yang memaparkan kaedah-kaedah membuat bom, membaiki senjata, menggunakan senjata, kaedah serangan dalam peperangan. Malah sudah ada kumpulan-kumpulan rangkaian di seluruh dunia menceritakan suasana perang serta berkongsi pengalaman teknik dan taktik peperangan.

Apa yang saya bimbang di sebalik aktiviti riadah, di sebalik kegiatan *outdoor* masyarakat kita para militan ini berselindung di dalam senyap. Latihan *military* sekarang tidak semestinya perlu hadir dan tidak perlu dalam berkumpulan. Latihan *military* sekarang boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan boleh dilaksanakan secara individu tanpa pengetahuan sesiapa. Saya pasti selepas ini kaedah pengrekrutan dan juga latihan para militan akan berubah dan semakin tidak dapat dikesan dengan secara mudah. Saya percaya pihak berkuasa sekarang giat menghidu aktiviti mereka baik yang ada dalam negara dan juga di luar negara.

Menurut *Al-Jazeera* pada tahun lepas sahaja beribu-ribu militan tiba di Syria dan di Iraq. Dari seluruh dunia mereka akan dipecah-pecahkan mengikut kepakaran dan latar belakang mereka. Sekarang di Syria sudah ada satu brigid militan ISIS yang terdiri daripada orang Malaysia dan orang Indonesia. Mereka ini diberi latihan oleh beberapa orang pakar dalam bidang peperangan sebelum dihantar berjuang di medan pertempuran. Dalam peperangan yang besar sebegini bukan sahaja latihan senjata yang menjadi keutamaan. Ada di antara mereka ini diberi latihan mengendalikan perubatan dan juga hospital, mengendalikan stok makanan dan ada juga diberi peranan sebagai tenaga pengajar kepada anak-anak militan. Maka di sini kita perlu juga melihat sesungguhnya latihan bukan militan juga tidak perlu dipandang remeh.

Ini terbukti dengan sekumpulan pemuda dari Malaysia baru-baru ini mengaku menjalani asas *military* tetapi latar belakang mereka terdiri daripada mereka yang mengetahui mengenai sistem telekomunikasi dan juga komputer. Bagaimanakah kita hendak membuat justifikasi terhadap latihan sebegini? Bagaimana jika seseorang itu menjalani latihan kemahiran, rawatan kecemasan dan mengendalikan pelbagai ubat-ubatan? Bagaimanakah pula jika seseorang itu menjalani latihan membaiki kenderaan dan membaiki peralatan komputer? Bagaimanakah pula jika seseorang itu menjalani latihan pembinaan pembangunan? Mungkin mereka ini tugasnya nanti sebagai pembantu perubatan di hospital ISIS. Mungkin mereka ini menjadi jurubaik peralatan telekomunikasi ISIS atau mereka ini juga akan menjadi jurubina ataupun *banker* perlindungan senjata ISIS.

Sungguhpun begitu saya pasti pihak berkaitan mempunyai kaedah untuk mengenal pasti aktiviti latihan para militan ini yang tersembunyi. Dengan keadaan mencabar ini maka saya menyokong pihak kerajaan untuk memperketatkan lagi Kanun Keseksaan ini kepada penyediaan tempat latihan dan juga tempat perlindungan para militan ini. Sesungguhnya saya amat bersetuju dengan pindaan ini. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan perbahasan Yang Berhormat itu tadi maka, selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

3.49 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua saya tidak dengar ada soalan pun, jadi ucapan itu hanya ucapan untuk menyokong saya ucapkan terima kasih banyak-banyak dengan Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah tiga kali sudah bangun. Bila saya kata tiga kali pun dia tidak faham apa yang saya cakap, saya pun tidak faham *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tidak, dia tidak soalan. Kalau hendak soalan tanya soalan saya, saya boleh duduk. Minta soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Pegawai tidak ada soalan ya? Okey saya rasa betullah itu Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya iaitu bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa.**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.]

■1550

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa iaitu Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan Akta Pencegahan Keganasan 2015 diperkasakan seperti mana yang telah dibentangkan pada sesi ini beberapa pindaan selari terhadap lima rang undang-undang lain turut dibuat termasuk Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297]. Walau bagaimanapun, salah satu rang undang-undang selari tersebut iaitu Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 telah ditangguhkan untuk membolehkan kajian lanjut dilakukan. Sekiranya tiada halangan rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan semula pada sesi Parlimen akan datang.

Pindaan yang dibentangkan pada sesi ini adalah untuk menyelaraskan peruntukan di dalam Akta Pencegahan Keganasan 2015 supaya selari dengan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pencegahan Jenayah 1959. Malah penambahbaikan kepada peruntukan sedia ada juga dibuat bagi memperkasakan Akta 297 ini.

Akta ini pada mulanya diperuntukkan dalam tajuk panjang untuk menangani “*secret societies*” dan juga, “*organized crime*”. Dengan pindaan ini, takrifan “*terrorist*” telah dimasukkan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Kanun Keseksaan yang membolehkan mana-mana penganas tempatan diambil tindakan. Selain itu, akta ini juga tidak boleh digunakan untuk membuat tangkapan kepada mana-mana orang lain atas alasan kepercayaan dan kegiatan politiknya. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu merasa bimbang kerana akta ini tidak akan digunakan untuk menangkap mana-mana ahli-ahli politik kecuali jika mereka merupakan seorang penganas yang termasuk di bawah takrifan yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

Pindaan kali ini juga adalah bertujuan untuk menyelaraskan Lembaga Pencegahan Jenayah supaya ia menjadi konsisten seperti Lembaga Pencegahan Keganasan di mana Lembaga akan dianggotai oleh seorang Pengerusi yang mempunyai kelayakan undang-undang dengan pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun dalam bidang undang-undang dan dibantu oleh Timbalan Pengerusi berserta dengan Ahli-ahli juga yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang keselamatan dan ketenteraman serta mempunyai integriti yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat awam.

Pindaan ini juga memperuntukkan penggantian terhadap seksyen 19E iaitu laporan tahunan yang mana seksyen 19E yang baru memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mengarahkan pemindahan orang tahanan dari suatu tempat tahanan ke suatu tempat tahanan yang lain yang mana semasa pemindahan orang tahanan tersebut disifatkan berada di bawah jagaan yang sah.

Manakala seksyen 19F yang lama iaitu berkaitan *sunset clause* terhadap Bab IVA perintah tahanan digantikan dengan seksyen 19F yang baru iaitu peruntukan kuasa kepada Komisioner Jeneral Penjara atau Ketua Polis Negara di mana bersesuaian untuk pengemukaan orang tahanan ke mahkamah atau apa-apa jua dikehendaki demi kepentingan keadilan, atau bagi maksud apa-apa siasatan awam atau siasatan lain atau demi kepentingan negara, atau demi kepentingan orang yang ditahan yang berada dalam jagaan mana-mana pihak yang berkenaan.

Peruntukan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti yang berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 297 untuk memperjelaskan bahawa Akta 297 terpakai bagi penganas. Dalam hal ini Akta Pencegahan Keganasan 2015 akan memperkatakan secara khusus mengenai pencegahan perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi penganas tersenarai sebagaimana yang ditakrifkan di dalam akta itu di suatu negara asing atau di mana-mana bahagian suatu negara asing serta kawalan terhadap orang yang terlibat dalam perbuatan sedemikian.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 297 untuk memasukkan subseksyen baru (1A) untuk mengehendaki pegawai polis merujuk kes orang yang ditangkap kepada pendakwa raya untuk mendapatkan arahan tidak lewat daripada 7 hari daripada tarikh penangkapan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 297 untuk memasukkan subseksyen baru (2A), (4), (5).

Subseksyen (2A) mengadakan perlindungan bahawa tidak seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen 4 semata-mata kerana kepercayaan politik atau aktiviti politiknya.

Fasal 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 7B, Akta 297, untuk mengadakan kesamaan antara Lembaga Pencegahan Jenayah dengan Lembaga Pencegahan Keganasan yang ditubuhkan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 yang dicadangkan. Lembaga Pencegahan Jenayah akan terus bersidang sebagai satu Lembaga dengan kuorum persidangannya seramai tiga orang anggota. Pindaan ini bertujuan untuk memudahkan persidangan Lembaga Pencegahan Jenayah.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 9, Akta 297 untuk memasukkan subseksyen baru (7) untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan elaun yang kena dibayar kepada saksi yang dipanggil melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 297.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 15A(2), Akta 297 untuk memperjelaskan bahawa kajian semula kehakiman termasuk prosiding yang dimulakan melalui writ *habeas corpus*.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 19A, Akta 297 untuk mengelak sebarang keraguan tentang pemakaian Perkara 151, Perlembagaan Persekutuan bagi perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah seksyen 19.

■1600

Fasal 12 bertujuan untuk meminda Akta 297 dengan menggantikan seksyen 19E dan 19F. Dengan ini, kehendak bagi Menteri Dalam Negeri mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen mengenai semua aktiviti di bawah Bahagian IVA dikaji semula tiap-tiap lima tahun oleh Parlimen akan dikeluarkan. Sebagai gantinya, seksyen baru 19E seperti Lembaga untuk mengarahkan pemindahan orang yang ditahan dari mana-mana tempat tahanan ke tempat tahanan yang lain sementara seksyen 19F memberi Komisioner Jeneral Penjara atau Ketua Polis Negara kuasa untuk mengarahkan kehadiran orang yang ditahan bagi maksud siasatan awam atau siasatan lain, atau demi kepentingan negara, atau demi kepentingan orang yang ditahan, berada dalam jagaan atau dikurung.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda Akta 297 dengan memasukkan seksyen baru 19G. Ia memperuntukkan bahawa penahanan mana-mana orang di bawah Bahagian IVA, Akta 297 adalah tanpa menjejaskan pengambilan apa-apa prosiding jenayah terhadap orang itu, sama ada semasa atau selepas tempoh tahanannya.

Fasal 14 adalah bertujuan untuk membatalkan kuasa Pendaftar untuk memusnahkan gambar foto dan cap jari jika tiada permohonan dibuat untuk gambar foto dan cap jari itu oleh orang yang gambar foto dan cap jarinya telah diambil di bawah seksyen 21.

Fasal 15 memperuntukkan bahawa peraturan-peraturan boleh dibuat oleh Menteri bagi mentadbir dan pengurusan Lembaga, termasuk peruntukan mengenai latihan bagi anggota Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Timbalan Menteri Kesihatan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan **Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2015 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Akta Pencegahan Keganasan 2015 diperkasakan beberapa pindaan selari terhadap lima rang undang-undang turut dibuat termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [Akta 747]. Walau bagaimanapun salah satu daripada rang undang-undang selari tersebut iaitu Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah 2015 telah ditangguhkan untuk membolehkan kajian lanjut dilakukan. Sekiranya tidak ada halangan, rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan semula pada sesi Parlimen akan datang.

Pindaan yang dibentangkan pada sesi ini adalah untuk memperluaskan pemakaian akta ini dengan memasukkan Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 di dalam Jadual Pertama akta ini. Malah akta ini juga dipinda untuk melindungi identiti saksi yang boleh dibuat secara lisan oleh pendakwa raya di mana mahkamah hendaklah membuat keputusan dalam tempoh tujuh hari berhubung permohonan tersebut dan keputusan tersebut mestilah dimaklumkan kepada pihak pendakwaan. Jika permohonan tersebut ditolak oleh mahkamah, pendakwa bolehlah merayu terhadap keputusan tersebut.

Selain itu pindaan yang dibuat membolehkan kenyataan tertuduh yang dibuat sama ada secara lisan atau bertulis dan juga komunikasi semasa perkahwinan yang dibuat oleh seseorang suami ataupun isteri boleh diguna pakai sebagai keterangan di mahkamah. Bagi kesalahan keselamatan, pindaan ini juga membolehkan kebolehterimaan komunikasi yang dipintas dan maklumat pemantauan, penjejakan atau pengawasan diterima sebagai keterangan semasa perbicaraan bagi sesuatu kesalahan keselamatan.

Menurut yang diterima melalui komunikasi yang dipintas sama ada dalam bentuk naratif atau kata demi kata sama ada dalam bahasa asal atau sebahagian terjemahan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris juga boleh diterima pakai sebagai keterangan di mana dengan adanya pindaan ini. Pendakwa raya boleh membenarkan mana-mana orang lain selain daripada pihak polis untuk membuat pintasan tersebut.

Peruntukan Rang Undang-undang Pencegah Jenayah 2015. Elemen-elemen utama dalam Rang Undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukkan bagi permulaan berkuat kuasa akta ini.

Fasal 4 dan fasal 10 masing-masing bertujuan untuk membenarkan akta ini terpakai bagi Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan Luar Negara 2015.

Fasal 5 bertujuan untuk menjelaskan kewajipan mahkamah untuk memberitahu pihak pendakwaan mengenai keputusan berhubung dengan permohonan pihak pendakwaan untuk melindungi identiti saksi dalam masa tujuh hari daripada siasatan. Selain itu juga ialah memperuntukkan bagi rayuan oleh pihak pendakwaan jika mahkamah menolak permohonan itu.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa bagi kes kesalahan keselamatan. Pernyataan seseorang tertuduh yang dibuat pada bila-bila masa hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

■1610

Selain itu juga ia memperuntukkan bahawa seorang suami atau isteri terpaksa menzahirkan apa-apa komunikasi yang dibuat kepadanya semasa perkahwinan atau mana-mana orang yang masih atau pernah dikahwininya.

Fasal 7 dan 8 memperuntukkan kebolehterimaan dokumen atau benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperoleh sama ada sebelum atau selepas orang itu telah dipertuduh atas sesuatu kesalahan keselamatan dan kebolehterimaan senarai pengeledahan dokumen dan benda itu.

Fasal 9 bertujuan untuk meluaskan peruntukan mengenai kebolehterimaan komunikasi yang dipintas dan maklumat pemantauan, penjejakan dan pengawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya tidak menerima nama-nama untuk membahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan semula kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG HASUTAN (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan 1948 pada asalnya digubal untuk mengekang aktiviti komunis di Tanah Melayu khususnya daripada segi penyebaran propaganda yang dilakukan oleh pihak pengganas komunis melalui penyebaran risalah-risalah yang menghasut rakyat pada ketika itu supaya menyertai perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM). Selain daripada itu akta ini juga turut dipinda selepas insiden 13 Mei 1969 dengan membuat penambahbaikan terhadap seksyen 3, Akta Hasutan dengan memasukkan peruntukkan berhubung dengan hak, status, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan dan prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia bertujuan untuk memastikan keamanan dan keharmonian kaum pada ketika itu terus terpelihara. Pindaan terakhir yang dibuat terhadap akta tersebut adalah pada tahun 1975 iaitu 40 tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, sudah sampai masanya kerajaan melihat kembali akan kesesuaian akta ini mengikut perkembangan semasa di negara kita ketika ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kajian terhadap akta ini telah pun mula dijalankan semenjak tahun 2012, selari dengan agenda Program Transformasi Politik kerajaan. Beberapa siri perbincangan yang melibatkan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Polis Diraja Malaysia yang telah diadakan.

Hasil daripada beberapa perbincangan tersebut, maka kata sepakat telah dicapai iaitu supaya pindaan baru yang bakal dibuat kelak tidak akan mengubah perkara yang berkaitan dengan hak, status, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif sebagaimana yang diperuntukkan dan dilindungi di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- (i) Bahagian III berkaitan dengan perkara kewarganegaraan;
- (ii) Perkara 152 berkaitan dengan perkara bahasa kebangsaan;
- (iii) Perkara 153 berkaitan dengan perkara perizaban kuota berkenaan dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu dan anak negeri antara mana-mana negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (iv) Perkara 181 berkaitan dengan kekecualian bagi kedaulatan dan sebagainya Raja-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengekalkan perkara-perkara yang berkenaan adalah bagi menyahut semangat atau spirit semasa Akta Hasutan 1948 dipinda pada 1970 selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Ini adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara.

Berdasarkan perkembangan terkini didapati bahawa terdapat peningkatan kes hasutan yang semakin berleluasa yang boleh menjejaskan keharmonian dan keamanan yang sedang dinikmati di kalangan rakyat Malaysia. Antara isu yang menjadi kebimbangan ialah lontaran komen, penyebaran maklumat dan penerbitan yang memudaratkan dan berniat jahat yang menjadi-jadi yang menggugat ciri-ciri negara Malaysia yang paling bernilai atau bertoleransi dan keharmonian kaum dan agama di kalangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya.

■1620

Maka berdasarkan ini, saya percaya semua pihak sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 November 2014 yang lalu telah pun mengumumkan pendirian kerajaan untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dan membuat beberapa pindaan yang perlu. Antara lainnya dengan memasukkan ke peruntukan untuk melindungi kesucian agama yang dianuti oleh rakyat berbilang bangsa dan agama daripada dihina.

Bagi maksud ini, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat tertinggi bagi membantu dalam proses hala tuju pindaan Akta Hasutan 1948 sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri. Rentetan daripada beberapa perbincangan yang telah diadakan, jawatankuasa tersebut telah bersetuju selain perkara-perkara yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beberapa perkara lagi telah dicadangkan oleh jawatankuasa tersebut sebagai tambahan terhadap pindaan yang akan dibuat ke atas Akta Hasutan 1948 seperti yang berikut:

- (a) mengadakan peruntukan yang bertujuan untuk menangani perbuatan hasutan yang dibuat melalui media sosial atau sebarang platform ke dalam akta;
- (b) memotong peruntukan yang melarang kritikan terhadap kerajaan;
- (c) mencadangkan untuk memasukkan hukuman penalti minimum dan maksimum bagi kesalahan di bawah akta ini; dan,
- (d) mencadangkan untuk menetapkan kesalahan dan hukuman lebih tinggi bagi perbuatan menghasut, mengakibatkan kecederaan kepada tubuh badan dan kerosakan kepada harta benda.

Peruntukan Rang Undang-Undang Hasutan (Pindaan) 2015. Rang undang-undang ini seperti yang telah dipinda di Dewan Rakyat mengandungi peruntukan yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan takrif baru '*by electronic means*' berbangkit daripada kemasukan peruntukan baru yang menggunakan ungkapan itu;

Fasal 3 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 3 seperti yang berikut:

- (i) dalam subfasal (a)(i), perbuatan mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada kerajaan, tidak lagi menjadi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Pindaan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan suatu pentadbiran yang lebih telus dan *accountable* kepada rakyat Malaysia demi manfaat negara dan rakyat. Walau bagaimanapun, kritikan terhadap kerajaan yang melampaui batas sehingga ia terjumlah kepada perbuatan fitnah terhadap kerajaan atau perbuatan yang memudaratkan demokrasi berparlimen masih merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan;
- (ii) dalam subfasal (a)(iii) dengan memotongkan perenggan 3(1)(c) Akta Hasutan 1948 berhubung dengan perbuatan yang mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap pentadbiran keadilan. Dengan pemotongan ini, apa-apa perbuatan mengembangkan kebencian atau kehinaan atau untuk membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia tidak lagi dianggap sebagai suatu perbuatan menghasut dan oleh itu tidak akan ditangani sebagai satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948;

- (iii) dalam subfasal (a)(v) dengan memasukkan perenggan baru 3(1)(ea) bagi menjadikan kesalahan untuk mana-mana orang membangkitkan perasaan niat jahat, permusuhan atau kebencian atas alasan keagamaan. Ini adalah selaras dengan niat kerajaan untuk melindungi kesucian pelbagai agama yang dianuti oleh pelbagai kaum di Malaysia atau golongan penduduk dan menghindari penghinaan agama; dan,
- (iv) dalam subfasal (c) dengan memasukkan perkataan '*caused to be published*' dalam subseksyen 3(iii) Akta Hasutan 1948 untuk memperluaskan liputan akta ini bagi menangani percetakan secara tidak langsung yang mengandungi kecenderungan menghasut.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) dengan menggantikan penalti yang sedia ada bagi kesalahan di bawah subseksyen 4(1) dengan penalti minimum iaitu penjara tiga tahun dan maksimum tujuh tahun. Selain menaikkan penalti di bawah subseksyen 4(1), fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen 4(1A) bagi mengadakan kesalahan menghasut dan menyebabkan kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda dan mengenakan penalti yang lebih tinggi bagi kesalahan ini iaitu hukuman minimum pemenjaraan bagi tempoh tiga tahun sehingga tempoh maksimum 20 tahun;

Fasal 5 bertujuan untuk mewujudkan seksyen baru 5A bagi memberi mahkamah kuasa untuk mengeluarkan suatu perintah kepada orang dituduh di bawah seksyen 4 yang telah dilepaskan dengan ikat jamin supaya menyerahkan pasport atau dokumen perjalanan antarabangsa yang lain. Bagi orang yang dituduh di bawah seksyen 4 yang tidak mempunyai pasport atau dokumen perjalanan yang lain, suatu perintah boleh dikeluarkan oleh mahkamah terhadap Ketua Pengarah Imigresen untuk tidak mengeluarkan apa-apa dokumen perjalanan hinggalah semua prosiding berkaitan pertuduhan terhadap orang itu selesai;

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta Hasutan 1948. Dengan pindaan itu, mahkamah hendaklah menggunakan hukuman keterangan biasa berkenaan dengan kebolehpercayaan saksi dalam kes hasutan;

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 6A bagi menjelaskan bahawa seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] tidak terpakai bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 4(1A). Seksyen 173A Kanun Tatacara Jenayah adalah mengenai kuasa mahkamah untuk melepaskan mana-mana orang dituduh dengan syarat tanpa rekod sabitan kesalahan tertakluk kepada kehendak yang disenaraikan di bawah seksyen 173A(2) manakala seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan pertama boleh dilepaskan dengan satu bon berkelakuan baik haruslah ditekankan bahawa ketidakpakaian peruntukan yang berkenaan hanya bagi kesalahan di bawah subseksyen 4(1A) iaitu kesalahan menghasut yang menyebabkan kecederaan tubuh badan dan kerosakan harta benda sahaja;

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 10 bagi memberi mahkamah kuasa untuk mengeluarkan suatu perintah untuk menyekat edaran lanjut dan menghapuskan mana-mana penerbitan yang dibuat secara elektronik yang berkecenderungan menghasut seperti di internet sebagaimana yang dilarang di bawah seksyen 10(1); dan

Fasal 9, memasukkan seksyen baru 10A untuk memberi mahkamah kuasa untuk mengeluarkan perintah terhadap pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk menghalang capaian (*prevent access*) kepada penerbitan yang dibuat secara elektronik yang mengandungi kecenderungan menghasut oleh orang yang tidak dapat dikenal pasti.

Kerajaan telah bertindak tepat apabila menyatakan pendirian yang jelas untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan membuat penambahbaikan tertentu itu kerana Akta Hasutan 1948 ini telah sekian lama digunakan semenjak ia dikuatkuasakan dan di bukti bahawa ia masih relevan bagi alat yang paling berkesan untuk menangani isu-isu berbau hasutan dalam memastikan keamanan yang dicapai selama ini akan terus terpelihara.

■1630

Langkah mengekalkan Akta Hasutan 1948 ini juga bukan bermakna kerajaan melangkah ke belakang daripada aku janji untuk melakukan pembaharuan. Sebaliknya apa yang dilakukan itu demi melindungi kepentingan rakyat tanpa mengira kaum dan agama bagi mencegah suatu yang buruk daripada berlaku di negara ini.

Sepuluh, oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak mengetepikan fahaman politik, kepentingan diri masing-masing bagi membuat penilaian rasional demi kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Kita boleh berbeza pendapat tetapi dalam soalan keamanan dan ketenteraman awam serta keselamatan negara, jangan ada pertelingkahan sesama kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hasutan 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, tadi ada dua rang undang-undang saya rasa teknikal, tak ramai dan tak ada pun nak dibahaskan. Akan tetapi pindaan rang undang-undang ini saya rasa menarik perhatian ramai. Oleh itu saya mohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, sila kemukakan nama-nama siapa yang ingin berbahas dalam akta ini dalam masa yang waktu jam saya ada di sini, beri nama secepat mungkin untuk senang saya nak mencatur masa. Saya beri peluang kepada semua Yang Berhormat berbahas tetapi jaga peraturan dan jaga adab dan juga peraturan-peraturan Dewan, mana yang boleh dan mana yang tidak boleh.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

4.32 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan Negara yang saya hormati sekalian. Pertama sekali, saya nak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang bagi meminda Akta Hasutan 1948 yang dipinda untuk tahun 2015.

Pertamanya, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana melakukan pindaan kepada rang undang-undang yang saya rasa amat mustahak untuk kita laksanakan. Dalam suasana masyarakat kita yang sudah berbeza dan berubah dari zaman ke zaman, apatah lagi ancaman-ancaman dan juga cabaran-cabaran yang kita lalui hari ini dan hadapi hari ini amat begitu meresahkan kita. Apatah lagi dalam kerangka Malaysia yang begitu unik, sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang agama yang dibangunkan dan diasaskan dengan sebuah perlembagaan yang diwujudkan untuk memastikan setiap rakyat, setiap warga di atas muka bumi yang bernama Malaysia ini benar-benar mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap bumi yang tercinta ini.

Dalam konteks ini, saya kira perkara-perkara yang telah disebut dalam rang undang-undang ini dan juga pindaan-pindaan yang dicadangkan amat relevan sekali. Terutamanya dalam konteks nak memperkasakan perkara-perkara yang mendasar bagi memastikan kesejahteraan dan kestabilan serta kerukunan negara kita dalam konteks rakyat yang berbilang kaum dan berbilang agama. Isu yang menjadi perkara-perkara pokok dalam rang undang-undang ini seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Soal memastikan perkara-perkara yang boleh mencetuskan huru-hara ataupun boleh menimbulkan kemudaratan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Sudah tentulah isu-isu yang berkaitan dengan agama umpamanya, isu yang berkaitan dengan hak dan keistimewaan Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, soal-soal yang melibatkan memastikan kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu yang sudah pun terpahat kukuh dalam Perlembagaan ini tidak digoncangkan ataupun tidak dijadikan satu isu yang boleh mencetuskan huru-hara dan ketidakstabilan dalam negara kita.

Dalam konteks ini, saya kira ramai di kalangan mereka yang mengkritik Akta Hasutan ini kadangkala mereka lupa hakikat antara kepentingan individu dan kepentingan awam, yang mana yang lebih mustahak. Antara keamanan dan kestabilan yang kita ingin kekalkan sepanjang 57 tahun kita merdeka ini dengan hak-hak individu yang pada hakikatnya seperti mana yang kita bincangkan dalam banyak akta yang bersifat pencegahan, yang banyak bersifat fatamorgana.

Apa yang saya maksudkan dengan fatamorgana ialah kadangkala kita melihat hak itu memang wajar diberikan kepada individu. Akan tetapi apabila hak itu tidak digunakan dan tidak dimanfaatkan dengan penuh rasa tanggungjawab dengan memastikan bahawa hak masyarakat awam itu yang lebih utama dalam nak mengekalkan soal kestabilan dan keamanan, maka inilah yang sering dijadikan ataupun diwujudkan satu polemik.

Saya kira dalam hal inilah Tuan Yang di-Pertua, kita harus fahami bahawa apa yang kita ada dalam konteks Akta Hasutan dan cadangan pindaan ini bukanlah suatu yang baru. Negara-negara jiran umpamanya, seperti mana Thailand, mereka mempunyai akta yang begitu lebih keras daripada segi hukumannya apabila menyentuh soal-soal asas yang membina kerukunan negara mereka. Contohnya, dalam konteks kedaulatan Raja ataupun institusi Raja Thailand.

Kita dapat lihat berapa banyak kes yang bukan sahaja melibatkan warganegara Thailand itu sendiri tetapi juga warga negara asing yang dikenakan dengan pelbagai tindakan. Contohnya, pada 2007 seorang yang bernama Oliver Jufer dari Switzerland, telah dipenjarakan selama sepuluh tahun kerana hanya menconteng poster yang menunjukkan gambar Raja Siam ataupun Raja Thailand. Hanya dengan menconteng sahaja dikenakan sepuluh tahun penjara. Di Malaysia umpamanya, kalau kita tengok hari ini, sepanjang minggu ini *diviralkan* gambar-gambar Yang Dipertuan Agong, termasuklah Raja Permaisuri diperkotak-katikkan dengan lakaran yang begitu biadab dan tidak berakhlak sama sekali. Akan tetapi hakikatnya tidak ada apa-apa tindakan yang mampu dilakukan. Seolah-olah tidak ada sedikit pun kegerunan di kalangan rakyat kita untuk melakukan sesuatu yang hakikatnya menggoncang struktur asas negara kita.

Kenapakah saya kata menggoncang struktur asas? Ini kerana institusi Raja dalam Perlembagaan itu institusi yang memelihara kerukunan dan kestabilan negara, institusi yang memelihara agama Islam itu sendiri sebagai Agama Persekutuan umpamanya. Ini sebagai institusi. Kita bukan bercakap soal individu Raja, kita bercakap soal institusi Raja yang diberikan tempat yang begitu penting di dalam Perlembagaan seperti mana dalam Perkara 181 umpamanya.

Saya kira ini perkara yang harus kita ambil iktibar daripada negara-negara lain. Sebab itulah saya amat tidak bersetuju kalau ada pihak yang mengatakan kita negara Malaysia perlu menghormati hak asasi ataupun hak kebebasan bersuara individu yang mahu bersuara seperti mana yang disebut dalam banyak deklarasi di peringkat antarabangsa. Dalam konteks ini, kita harus kekal berprinsip bahawa walaupun kita mengiktiraf hak individu tetapi hak individu itu mesti ada batasannya dan ia bukan bersifat mutlak.

Kalau sekiranya dia melanggar perkara-perkara asas yang boleh menggoncang dan boleh meruntuhkan asas-asas dan struktur negara, kita harus kekang. Inilah yang pernah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, prinsip yang telah pun disebut dalam konteks kerangka Islam itu sendiri. Apabila berlakunya konflik antara kepentingan individu dan kepentingan awam, kepentingan awam itulah harus diutamakan. Bahkan, kalau ada kemaslahatan ataupun kebaikan walaupun sedikit untuk menjamin hak individu, kalau hak individu itu tidak diuruskan dengan baik sehingga boleh menjejaskan hak orang awam, sehingga boleh memudaratkan masyarakat awam seperti kestabilan dan keamanan, maka kita harus tolak.

■1640

Ini yang disebut *dar'ul mafasid muqaddam 'ala jalbil mashalih*, menolak kemudaratannya itu harus diberikan keutamaan berbanding dengan mengambil kebaikan. Dalam konteks ini, mengambil kebaikan dalam konteks menjaga hak asasi individu itu umpamanya. Kalau hak individu itu sehingga boleh menjejaskan kemudaratannya orang awam, maka kita harus menolak kemudaratannya ini.

Oleh sebab itulah saya dalam konteks ini ingin menyokong rang undang-undang ini tetapi juga kita ingin bertanya kepada pihak kementerian. Ini kerana sudah terlalu banyak sudah rang undang-undang kita bantangkan di Dewan yang mulia, tetapi aspek yang paling harus diberikan penekanan ialah penguatkuasaan, Tuan Yang di-Pertua. Kita takut kita ada rang undang-undang tetapi penguatkuasaannya longgar. Banyak perkara yang saya kira mungkin tidak cocok untuk saya bincangkan dalam masa yang terbatas ini tetapi jaminan-jaminan yang diberikan oleh kerajaan akhirnya apabila berlaku dalam konteks pelaksanaan, dia tidak berlaku secara sempurna yang menyebabkan menjadi satu fitnah pula kepada rakyat dan negara ini. Oleh sebab itulah kita hendak tahu bagaimanakah konteks penguatkuasaan ini. Apakah jaminan daripada segi penguatkuasaan?

Kedua, saya hendak menyentuh soal fasal 5 rang undang-undang yang memasukkan seksyen baru 5A dan 5B ke dalam Akta 15 yang mana dalam seksyen baru 5B umpamanya memberikan mahkamah kuasa untuk menghalang seseorang yang dipertuduh di bawah seksyen 4 yang dilepaskan dengan jaminan daripada meninggalkan Malaysia. Ini termasuklah memerintahkan orang yang dipertuduh itu menyerahkan dokumen perjalanannya. Dalam hal keadaan seseorang yang dipertuduh yang tidak memiliki apa-apa dokumen perjalanan, mahkamah boleh memerintahkan Ketua Pengarah Imigresen untuk tidak mengeluarkan apa-apa dokumen perjalanan kepada orang itu.

Kita mengakui bahawa memang sebelum ini pun banyak berlaku dalam konteks kita hendak mengekang pesalah-pesalah itu daripada keluar negara. Kita merampas dokumen perjalanannya seperti pasport. Akan tetapi persoalannya, dalam keadaan kita cuba untuk mengetatkan lagi undang-undang seperti ini, tetapi hakikatnya kawalan sempadan seolah-olah nampak seperti begitu longgar. Begitu ramai orang-orang yang terlibat dalam menghasut dalam pelbagai aspek. Contohnya dalam konteks Alvin Tan umpamanya. Mereka boleh sewenang-wenangnya melakukan hasutan bukan sahaja dalam konteks institusi raja.

Kalau hendak kirakan Alvin Tan itu bukan sahaja menghasut rakyat tetapi mengganggu gugat struktur-struktur asas. Menghina Raja, menghina agama, menghina bangsa-bangsa tertentu dan sebagainya tetapi akhirnya walaupun dokumennya boleh dirampas ataupun ditarik balik tetapi begitu mudah untuk keluar daripada sempadan. Ini perkara yang saya ingin tahu daripada kementerian, daripada pihak kerajaan. Bagaimanakah soal pengawalan sempadan ini yang seolah-olah kalau kita adapun peruntukan ini tetapi kalau kawalan sempadan kita longgar, maka tidak ada apa-apa makna terhadap apa juga rang undang-undang yang kita hendak bantangkan.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua... Ya, silakan.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan Yang Berhormat, adakah sekiranya seorang rakyat Malaysia yang berada di luar negara tetapi telah memburuk dan membusukkan nama pemimpin-pemimpin, Yang di-Pertuan Agong, adakah perlu mereka ini dilucutkan kewarganegaraan dan tidak dibenarkan kembali balik ke negara kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Senator Shahanim yang bertanya ataupun meminta penjelasan daripada saya. Saya kira penjelasan itu saya hendak masukkan ke dalam soalan saya supaya pihak kementerian boleh jawab. Ini kerana saya kira itu adalah penting. Saya juga ingin bertanya juga status sebegini kerana mereka ini seolah-olah tidak merasakan apa-apa kesalahan untuk melakukan penghinaan yang begitu rupa di luar sana.

Kalau sekadar mengkritik pemimpin, bagi saya tidak ada masalahnya bahkan saya mengalu-alukan tindakan kerajaan yang mengeluarkan sub fasal yang mana tindakan ataupun perbuatan mengkritik kepimpinan ataupun membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan itu.

Ini menunjukkan bahawa rang undang-undang ini mengambil kira soal hak dalam konteks Demokrasi Berparlimen kita. Akan tetapi dalam konteks ini, kita kena tahu batasan juga. Bukan kita bercakap soal mengkritik pemimpin tetapi hari ini kita jangan menyentuh soal-soal yang merupakan perkara-perkara yang boleh mencetuskan suasana yang boleh memudaratkan negara kita terutamanya yang menyentuh soal institusi Raja, yang menyentuh soal agama. *Alhamdulillah* kalau kita lihat dalam rang undang-undang hari ini pun, bukan sahaja agama Islam jangan disentuh tetapi juga agama-agama lain. Kita harus menghormati. Selama 57 tahun kita merdeka, ramai orang bertanya. Saya ingat lagi tahun lepas apabila isu yang dibangkitkan seolah-olah Malaysia ini melakukan pendiskriminasian terhadap agama-agama lain.

Saya ditanya oleh media asing pada waktu itu apabila wujud satu kelompok yang dipanggil Comango, pergi ke Eropah, ke Geneva, membentangkan memorandum seolah-olah Malaysia ini melakukan pendiskriminasian yang begitu hebat kepada agama-agama lain. Saya cuma bertanya balik kepada wartawan tersebut dua perkara, sama ada dia sudah pun pernah berada di Malaysia, melihat suasana Malaysia?

Kedua, adakah dia sedar bahawa apa yang berlaku di Malaysia hari ini, contohnya dalam konteks kita satu-satunya negara yang meraikan agama-agama lain sebagai 'cuti-cuti Malaysia'.

Tidak ada negara di Eropah umpamanya yang mendabik dada sebagai pelopor kepada hak kebebasan beragama yang memberikan cuti kepada pelbagai agama. Kita bukan sahaja memberikan cuti dan meraikan secara bersama sebagai satu komponen rakyat Malaysia dalam konteks meraikan perayaan agama Islam sebagai Agama Persekutuan sahaja. Contohnya Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji sahaja tetapi kita memberikan 'cuti-cuti Malaysia' kepada semua agama yang diraikan secara bersama. Tidak kira Thaipusam, Deepavali, Hari Wesak, Krismas dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia begitu mengiktiraf hal kepelbagaian agama yang ada. Bukan itu sahaja, saya meminta wartawan ini datang ke negeri saya, Kelantan. Kita boleh lihat Yang Berhormat Boon, Malaysia mempunyai patung Buddha yang paling besar bukan sahaja di Kelantan, bukan sahaja di Malaysia bahkan di Asia, yang paling besar duduk, yang paling besar berdiri dan yang paling besar tidur.

Jadi apakah ini tidak membuktikan lagi bahawa Malaysia ini tidak melakukan diskriminasi kepada agama-agama lain? Bukan sahaja Buddha, Hindu umpamanya. Di Batu Caves, waktu saya menjadi pensyarah di UIA dulu, berulang daripada Petaling Jaya. Akhirnya nampak patung besar di depan Batu Caves dan tidak ada pernah pun saya lihat ada masyarakat yang melakukan demonstrasi di hadapan kuil di Batu Caves ataupun di Wat-wat di Kelantan kerana masyarakat ini, di Malaysia hari ini selama 57 tahun kita membina negara kita, kita menghormati kepelbagaian agama, tidak ada masalah. Cumanya apabila...

Tuan Chong Sin Woon: Minta mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Tuan Chong Sin Woon: Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf mengenai pembinaan patung Buddha yang paling tinggi, duduk, baring dan banyak lagi. Akan tetapi ini perkara-perkara yang lama, sudah dibina tahun 80-an ataupun 70-an. Akan tetapi masa kini, apa yang saya lihat ialah trend masa kini, apa-apa pembinaan kepada patung Buddha atau Kuan Yin atau apa ini, mendapat kekangan atau sekatan daripada pihak kerajaan. Contohnya di Sabah. Pembinaan patung Kuan Yin kalau tidak silap di Kudat tidak dibenarkan kerana dikatakan besar sangat atau tinggi sangat. Pembinaan patung Kuan Yin di Pulau Pinang juga tidak dibenarkan kerana terlalu besar. So apakah pandangan sama ada- sebelum ini praktisnya memang bebas. Kita tidak menghalang pembinaan ataupun untuk agama-agama lain tetapi kini trendnya berlainan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak tahulah apa sebabnya sebab kita kena tahulah. Ini kerana kadangkala maklumat-maklumat yang dapat itu mungkin ada sebab lain kenapa tidak didirikan atau tidak dibenarkan.

■1650

Akan tetapi pokoknya sekarang ini saya rasa kita kena buang nilai-nilai hendak bersaing antara agama ini yang mana lebih besar yang mana lebih tinggi. Hari ini yang paling penting yang paling utama mewujudkan rasa hormat dan rasa bertimbang rasa daripada semua agama yang ada kerana kita telah membina 57 tahun Tuan Yang di-Pertua, suasana masyarakat melalui sistem pendidikan kita bahawa meraikan kepelbagaian itu. Akan tetapi kalau kita macam contoh perkara yang berlaku di Taman Medan umpamanya. Kita hanya mendapat maklumat seolah-olah pendemonstrasi-pendemonstrasi ini tidak setuju dengan gereja ataupun tanda salib umpamanya. Akan tetapi, rupa-rupanya ada cerita lain selain daripada itu, soal tidak mendapatkan lesen dan sebagainya.

Saya kira ini perkara-perkara yang mudah sangat dibangkitkan dalam konteks untuk mewujudkan rasa tidak puas hati antara satu kaum dengan kaum yang lain, antara satu agama dengan agama yang lain. Sebab itulah pokok pangkalnya Tuan Yang di-Pertua adalah bagaimana kita hendak mewujudkan generasi baru di kalangan anak-anak kita yang hakikatnya terdedah dengan pelbagai ancaman dan cabaran media sosial yang memberikan maklumat-maklumat yang kadang-kadang, dengan izin, *half truth* separuh benar sahaja. Akan tetapi kita memberikan pelbagai persepsi-persepsi yang akhirnya meruntuhkan rasa hormat yang selama ini telah kita binakan. Sebab itulah bagi saya bukan itu...

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sekejap. Bukan isu perlambangan agama yang harus kita bersaing. Maknanya kita harus ada lebih banyak lagi perlambangan-perlambangan yang besar-besar umpamanya. Akan tetapi yang paling mustahak dan utama dan yang harus kita utamakan adalah bagaimana hendak mencanai dalam diri setiap warga setiap penganut, setiap generasi muda nilai hormat dan timbang rasa, tolak ansur, terhadap pelbagai agama yang ada seperti mana yang kita telah buktikan selama 57 tahun kita merdeka. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Asyraf. Sebenarnya bagi masyarakat Siam kita komuniti Watt Siam kita diri pun ramai orang Melayu di keliling, tidak pernah pun orang Melayu menyoalkan Watt Siam di situ, ramai orang Siam di situ. Walaupun orang Siam sedikit, ramai orang Melayu tetapi tidak ada pun suara-suara yang sumbang yang menyatakan bahawa orang Islam tidak boleh mendirikan Watt Siam, malah papan tanda yang menunjukkan Watt Siam pun ada tertulis Watt Siam. Tidak ada masalah. Inilah hasutan, kerana politiklah menggunakan kuasa hasutan ini untuk memecahbelahkan sejak akhir-akhir ini politik kerana kita- tidak ada sekarang ini Barisan Nasional, kerana pihak sebelah sana yang selalunya mengguna sahaja *cyber war* apa sahaja untuk memecahbelahkan masyarakat kita sehingga kita rasa tidak selamat sekarang ini kedudukannya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat, Sebab itulah Rang Undang-undang ini memang kalau dengan izin, *timely* memang amat relevan dengan suasana sekarang.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Boleh mencelah sekejap? Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin mengulas sedikit fasal apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chong mengenai pembinaan kuil di Sabah yang dibantah. Kuil itu dibatalkan pembinaannya kerana mahkamah mendapati yayasan yang membina kuil itu tidak mempunyai apa-apa *legal entity*, ia tidak ditubuhkan di bawah apa-apa pertubuhan. *It is an illegal foundation*, so mahkamah membatalkan pembinaannya. Bukan atas sebab apa-apa bantahan yang lain.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat itu contoh, apa yang saya katakan tadi. Kita hanya mendapat maklumat mungkin separuh masak, tetapi hakikatnya ada isu lain yang tidak ada kaitan pun dengan isu-isu yang bagi tanggapan kita yang awal tadi yang menyentuh soal sensitiviti agama dan sebagainya. Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini ialah kita sebagai pemimpin rakyat, kita harus ada nilai tanggungjawab. Kita harus berjiwa besar dan kita kena ubah pemikiran kita supaya meletakkan kepentingan negara melebihi daripada kepentingan peribadi.

Kepentingan yang utamanya memastikan kestabilan dan ketenteraman ini boleh diteruskan dan adanya kesinambungan. Bukan hanya memikirkan soal seperti mana Yang Berhormat Boon Som sebutkan tadi soal kerana kuasa kita sanggup mempengaruhi isu-isu yang boleh menyebabkan berlakunya keruntuhan struktur yang telah membina negara ini.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong hal ini bahkan isu-isu tadi yang Yang Berhormat menyebutkan mungkin Yang Berhormat boleh tanyakan kepada kementerian apakah kementerian bekerjasama dengan pelbagai agensi-agensi lain di samping untuk menguatkuasakan akta ataupun rang undang-undang yang bakal dipinda dan diluluskan ini. Adakah tindakan ataupun pendekatan, adakah di sana ada mekanisme hendak memastikan bahawa kita menyedari hakikat bahawa hari ini anak-anak muda kita seolah-olah tidak rasa sensitif terhadap perkara-perkara asas yang dibangkitkan. Soal institusi Raja, soal agama, soal hak keistimewaan yang sudah pun termaktub di dalam Perlembagaan.

Bagaimanakah kita hendak tangani perkara ini? Apakah kita ada satu pelan tindakan mekanisme yang komprehensif dan holistik yang bukan hanya bersifat *silo* maknanya Kementerian Dalam Negeri hanya bersifat untuk menguatkuasakan Akta ini tetapi dari segi pendidikan hendak memastikan bahawa tidak wujudnya usaha-usaha yang boleh ataupun usaha-usaha menyeleweng yang boleh meniupkan rasa tidak puas hati secara berpanjangan ini. Oleh sebab hari ini seperti mana yang saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, kalau dahulu tidak ada sensitif pun soal pembinaan kuil, pembinaan watt, pembinaan patung dan sebagainya.

Akan tetapi hari ini soal laungan azan pun boleh menjadi satu isu umpamanya. Adakah selama 57 tahun ini seolah-olah kita tidak pernah mendengar laungan azan ini ataupun selama 57 tahun kita merdeka ini ia adalah satu isu yang telah menyebabkan berlakunya haru-biru dalam masyarakat kita tetapi hari ini dibangkitkan. Inilah perkara-perkara yang saya kira amat mustahak untuk kita bukan sahaja menggubal atau meminda Akta ini supaya memberikan suatu kuasa yang lebih besar kepada pihak penguat kuasa untuk melaksanakan tanggungjawabnya tetapi lebih besar lagi ialah bagaimana kita hendak mendidik dan mencanai kesefahaman yang lebih mendasar di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya tunggu noktah tadi berhenti supaya saya boleh menyambung takut-takut *mood* Yang Berhormat Dr. pergi ke lain. Saya hendak kembali sedikit kepada ada pihak NGO daripada negara kita ini yang telah membawa hal-hal yang telah disebutkan tadi, tidak puas hati atau minta di peringkat antarabangsa seperti kejantinaan dan banyak lagi. Jadi pada pendapat Yang Berhormat Dato' Asyraf, adakah perkara-perkara ini juga kelak nanti dijadikan sebagai isu-isu yang ditimbulkan yang boleh membawa seseorang itu di bawah Akta Hasutan yang sedang digubal ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa pertama sekali kita kena faham bahawa Akta ini dibina di atas beberapa asas penting. Asas penting itu asas yang sebenarnya mencerminkan keunikan negara kita yang mana kita mempunyai Perlembagaan. Kita mempunyai struktur negara yang begitu unik sekali dengan kepelbagaian agama dan bangsa yang ada kita memastikan bahawa struktur-struktur asas seperti kedudukan agama, Perkara 3 dalam Perlembagaan umpamanya Islam sebagai agama Persekutuan dan agama-agam selain bebas untuk diamalkan.

Seperti yang selalu Tuan Yang di-Pertua ingatkan kepada kita, jangan kita hanya terhenti dengan mengatakan Islam sebagai agama Persekutuan, tetapi realiti dalam konteks negara kita, apa yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan, kita mengiktiraf Islam sebagai agama negara. Akan tetapi pada masa yang sama agama-agama lain juga diiktiraf sebagai agama yang bebas untuk diamalkan.

Jadi dalam konteks inilah contoh tadi saya sebutkan bahawa Akta Hasutan ini yang dipinda harus mengiktiraf dan *alhamdulillah* memang diberikan keutamaan oleh kerajaan hari ini bukan sahaja unsur-unsur hasutan yang boleh memperlekehkan ataupun memperkotak-katikkan satu-satu agama seperti Islam sahaja.

Akan tetapi semua agama hari ini diberikan kedudukan yang penting. Oleh sebab itulah yang lebih mustahak bagi apa yang saya hendak sebutkan kepada Yang Berhormat Dr. Johari ialah NGO-NGO ataupun mana-mana individu mereka mesti tahu batas-batasnya dalam menyuarakan satu-satu pandangan. Mereka boleh mengkritik tidak ada masalah, mereka boleh mengkritik pemimpin kerajaan, tetapi jangan sentuh tiang-tiang seri negara. Tiang-tiang seri ini soal kedudukan bahasa, kedudukan agama, kedudukan institusi Raja dan juga keistimewaan yang telah pun termaktub di dalam Perlembagaan.

■1700

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat agaknya boleh berbahas kemudian, kalau terlalu ramai nanti tidak ada masa. Saya bagi dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya juga ingin pihak kementerian boleh bawakan kepada sidang Dewan ini kerana terlalu banyak kritikan-kritikan di luar sana seolah-olah Akta Hasutan ini hanya melibatkan ataupun melakukan tindakan penguatkuasaan secara terpilih. Mungkin pihak kementerian boleh keluarkan statistik untuk menunjukkan hakikat siapakah yang sebenarnya telah pun dikenakan tindakan Akta Hasutan. Apakah hanya golongan-golongan yang dianggap sebagai pembangkang sahaja ataupun siapa? Kita pun hendak tahu mekanisme untuk memastikan perkara-perkara ini tidak akan berbangkit selepas ini. Ini yang kita perlukan jaminan dan mungkin pihak kementerian sudah ada statistik itu untuk mendapat satu gambaran awal bagaimana pentingnya akta ini untuk kita perkasakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin bercakap dengan lebih panjang lagi kerana saya kira asas-asas penting yang membina rang undang-undang ini ataupun pindaan kepada Akta Hasutan ini telah pun saya sentuh. Apa yang paling mustahak seperti mana saya sebutkan tadi ialah kita hendak melihat bahawa negara kita Malaysia ini harus kekal utuh, harus kekal aman, damai dan kita untuk memastikan perkara ini berterusan, kita tidak boleh bersifat *apologetic*, dengan izin. Kita tidak boleh berasa bersalah. Kalaupun ada orang mengkritik dengan adanya Akta Hasutan seperti ini, maka orang mengatakan bahawa Malaysia tidak mengamalkan hak asasi manusia, melanggar doktrin-doktrin yang dipersetujui di peringkat antarabangsa, saya kira sebagai rakyat Malaysia yang lebih mementingkan soal keamanan, kestabilan dan kerukunan kehidupan rakyat yang berbilang kaum dan berbilang bangsa ini harus kita pertahankan kerana keunikannya tidak sama dengan negara-negara lain.

Dengan itu, saya dengan ini ingin turut menyokong rang undang-undang ataupun akta untuk meminda Akta Hasutan 1948. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Sekarang saya ada satu usul untuk dikemukakan. Yang Berhormat, silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.03 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 28 April 2015.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman semua Yang Berhormat, saya dapati masa kebelakangan ini dah ramai yang ingin berbahas. Saya dah cakap dari awal minta tolong kalau boleh kemukakan nama cepat untuk senang saya hendak buat percaturan masa. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat akan diberi peluang untuk berbahas, esok hari terakhir, kalau sekiranya tidak habis, sampai malam pun tidak mengapa. Akan tetapi saya hendak Yang Berhormat bertanggungjawab kalau boleh jangan terlalu panjang. Kalau sekiranya ada Ahli-ahli yang telah menyentuh perkara itu, jangan diulang-ulang lagi untuk menjimatkan masa. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Yahya.

5.04 ptg.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan rang undang-undang untuk meminda Akta Hasutan 1948 ini, cuma saya ingin penjelasan dan rasional daripada kementerian. Adakah keperluannya dalam seksyen 3 subseksyen (1), ilustrasinya secara spesifik dikatakan dengan izin, *"A excites a person or a group of persons to demand for the secession of State B from Malaysia. Such act is seditious"*

Dengan ilustrasi begini, implikasinya ada dua bagi saya. Satu, akta ini secara tidak langsung khusus ditujukan kepada rakyat Sabah dan Sarawak. Kedua, ilustrasi ini juga menunjukkan bahawa keadaan Persekutuan Malaysia ini adalah sangat rapuh dan sedang bergerak untuk perpecahan. Ini memberi gambaran yang amat salah. Kedudukan untuk keluar dari Malaysia ini tidak pernah berlaku secara dituntut oleh mana-mana negeri. Singapura keluar bukan kerana menuntut keluar dari Malaysia. Singapura diberi kata dua untuk kekal atau keluar jika tidak mempersetujui beberapa perkara dan akhirnya mereka diundi untuk keluar bukan atas kehendak dia.

Setelah 52 tahun Malaysia terbentuk, mengapa baru sekarang kita merasa ada keperluan dan kepentingan, keputusan untuk membuat akta yang seakan-akan mengkhususkan kepada rakyat dari dua buah negeri ini? Sedangkan kalaupun ada suara-suara, komplot-komplot yang dibuat, itu pergerakan-pergerakan daripada sekumpulan yang cuba mengambil kesempatan mendapat *political mileage* dengan izin, ataupun untuk mencari sebab bagi mereka didengar.

Jadi bagi saya, ilustrasi sedemikian, apa beza dengan ilustrasi kalau orang berteriak kita lawan, itu juga menghasut. Jadi mengapa ilustrasi untuk keluar secara ini dikhususkan sebagai ilustrasi? Ini akan menjadi satu perkara yang tetap dalam mana-mana juga percetakan buku-buku akta dan sekurang-kurangnya ia akan menjadi satu panduan kepada perkara-perkara yang dikatakan sebagai hasutan. Kalau kita hendak mengekang kerja-kerja sekumpulan atau komplot-komplot untuk keluar Malaysia ini, saya rasa dia tidak perlu ditetapkan sebagai ilustrasi sedemikian sebab saya harap perkataan umum pun dia boleh dikategorikan sebagai menghasut. Membuat ilustrasi yang sangat spesifik begini, bagi saya sangat menyentuh hati rakyat Sabah dan Sarawak yang amat setia dengan Kerajaan Malaysia.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya beri penjelasan sebelum kita panjang sangat cerita hal ilustrasi itu. Sebenarnya telah dipinda di Dewan Rakyat, jadi tidak bangkit lagi di sini Yang Berhormat. Saya bukan larang untuk dibincangkan kerana tidak ada lagi hendak dibincangkan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Yang Berhormat juga, kalau Yang Berhormat semua tolong tengok sikit ada lampiran yang mana beberapa pindaan telah dibuat di peringkat Dewan Rakyat. Perkara ini pun telah disedari di peringkat Dewan Rakyat maka beberapa pindaan telah dibuat. Saya harap Yang Berhormat baca juga pindaan-pindaan yang telah dibuat supaya masalah ini telah pun disedari di peringkat itu. Kalau sekiranya itu telah pun dipinda, kalau boleh jangan dipanjangkan, kalau sekiranya ada terbabit dengan perkara-perkara yang telah pun pindaan dibuat. Saya rasa itu maksud Menteri tadi bukan?

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Masalahnya saya tiada terima...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh, saya harap Yang Berhormat semua ada pindaan di belakang yang putih itu.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Saya tidak ada terima Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak saya tidak akan bangkit. Oleh yang demikian saya rasa saya mohon menyokong sajalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya lupa untuk maklumkan tadi kerana saya fikir semua telah terima lampiran itu.

■1710

Perkara ini memang disedari itulah sebabnya nanti saya akan ulas di akhir nanti bahawa perkara ini apabila dibentangkan banyak kelemahan-kelemahan yang telah didapati. Maka perkara itu pun telah di atas di peringkat Dewan Rakyat. Harap maklum ya, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

5.10 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk berbahas dalam rang undang-undang ini iaitu Akta Hasutan (Pindaan) 2015.

Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Najib kerana memberi pandangan yang begitu jauh ke arah mana keharmonian dalam negara ini diteruskan. Pada saya, parti saya daripada UPKO amat menyambut baik dan menyokong pengumuman yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Hari Malaysia 2011 dan diulangi oleh beliau pada bulan Julai 2012, agar Akta Hasutan dimansuhkan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan kemudiannya mengumumkan bahawa Akta Hasutan ini diperbaiki, diperkukuhkan dengan cadangan pindaan-pindaan terhadap langkah-langkah dan hukuman di dalam Akta Hasutan itu sendiri.

Saya juga memahami sebab-sebab mengapa Akta Hasutan ini tidak jadi dimansuhkan. Dalam dunia globalisasi hari ini, yang semakin mencabar dan kemudahan-kemudahan serta maklumat yang terkandung dalam media-media elektronik sedikit sebanyak mempengaruhi bagaimana seseorang individu itu melihat dan menerima maklumat yang disebarkan. Bagi sebuah negara majmuk seperti Malaysia, perhubungan yang baik dan aman di antara kaum adalah amat penting bagi memberikan dan mewujudkan suatu pentadbiran yang telus, bertanggungjawab di Malaysia bagi merealisasikan misi pembangunan negara.

Walaupun kita menghormati hak-hak kebebasan seseorang individu sebagai rakyat Malaysia, terdapat unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab dalam mengganggu dan mengapi-apikan hubungan baik dan aman yang sedia ada di antara kaum di negara kita. Unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab ini telah terbukti berjaya mempengaruhi segelintir kecil masyarakat kita. Seperti contoh ancaman-ancaman IS, yang mana terdapat segelintir kecil rakyat kita yang terlibat serta dengan perang saudara di Syria dan tuntutan agar Sabah dan Sarawak juga didengari. Ancaman-ancaman ini bukan sahaja dihadapi oleh negara kita tetapi juga oleh negara-negara lain. Oleh yang demikian, saya berpendapat agar satu pendekatan atau strategi baru dikenal pasti menangani ancaman-ancaman ini dan berdasarkan kepada ancaman-ancaman yang wujud dan yang berpotensi untuk menjadi suatu ancaman yang lebih besar maka keputusan kerajaan dalam mengekalkan Akta Hasutan adalah amat difahami.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Ya, silakan.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kementerian atas cadangan pindaan ini, adakah ia terpakai di dalam suatu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang ini Yang Berhormat itu dalam membahaskan, minta penjelasan daripada dia?

Tuan Ramli bin Shariff: Ya, minta penjelasan daripada pembahas Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Adakah ia terpakai untuk dalam sistem ataupun *structured* dan juga kelompok terancang sepatutnya kumpulan? Ataupun adakah ia merujuk kepada dengan izin, *one-off incidents* ataupun insiden-insiden individu? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Akta ini juga ada kaitan-kaitan dengan insiden-insiden yang merujuk kepada membangkitkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian kaum dalam negara ini.

Izinkan saya untuk meneruskan hujah saya Tuan Yang di-Pertua. Ada satu perkara iaitu mengenai kebencian dan penghinaan kepada agama Islam dan mana-mana agama yang lain. Pada saya amat menyokong cadangan pindaan terhadap perkara ini. Namun dicadangkan perkataan agama Islam tidak dimasukkan dalam perkataan pindaan oleh sebab saya berpendapat ia akan dapat memperlihatkan kesamarataan terhadap semua agama di Malaysia dalam menangani perkara ini dan ia dapat menunjukkan tindakan menghina mana-mana agama adalah suatu perkara yang serius dan perlu dihalang tanpa menunjukkan terdapat *preferential treatment*, dengan izin, untuk satu agama berbanding dengan agama yang lain. Agama Islam sudah termaktub sebagai agama rasmi di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perbuatan mengapi-apikan mana-mana orang atau kumpulan untuk menuntut pemisahan mana-mana negeri dari Malaysia dianggap perbuatan yang menghasut.

Satu yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua iaitu dalam media-media sosial. Bagaimana kita menangani media-media sosial kepada orang-orang yang menulis dalam *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Jadi ini yang kita hendak syorkan kepada kementerian dalam SKMM umpamanya, bagaimanakah menangani masalah ini? Oleh sebab daripada unsur-unsur orang-orang yang menghasut dalam media sosial ini menyebabkan ketegangan kaum ini boleh berlaku. Umpamanya dalam alam maya ini kita dapat lihat seperti yang disuarakan oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim, kumpulan SSKM kita atau Sabah Sarawak Keluar Malaysia ini. Cuma ini terdapat dalam alam-alam maya, dalam laman-laman sosial. Akan tetapi bagaimana kita menanganinya? Jadi inilah perlu kita ada satu Akta untuk menangani masalah ini.

Seterusnya lagi Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat hari ini masyarakat kita yang penuh dengan hidup aman damai, penuh harmoni, perpaduan yang baik, kukuh di kalangan kaum kita dan kita tidak mahu perkara ini akan berterabur dalam negara ini. Kita tidak mahu ada Akta ini untuk menyekat masyarakat ataupun badan-badan ataupun kumpulan-kumpulan yang merosakkan perpaduan dalam negara ini seperti mana yang tergaris dalam Rukun Negara kita. Jadi kita juga mahu kepada kementerian untuk menguatkuasakan undang-undang ini sama ada kumpulan-kumpulan yang subversif, kumpulan-kumpulan yang ada keinginan merosakkan keharmonian dalam negara ini dan kita minta agar Akta ini dikuatkuasakan.

Berkenaan dengan pindaan terhadap seksyen 4, Akta Hasutan, amat kurang bersetuju dengan cadangan pindaan menggantikan hukuman pemenjaraan di antara minimum tiga tahun sehingga maksimum tujuh tahun. Cadangan pemenjaraan ini suatu tempoh yang amat tinggi berbanding dengan hukuman yang sedia ada. Bagi hukuman yang sedia ada dalam Akta itu, hukuman bagi kesalahan pertama di bawah seksyen 4 denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi pesalah berulang, hukuman penjara tidak melebihi lima tahun. Jelas sekali pindaan hukuman yang dicadangkan adalah tinggi berbanding dengan hukuman sebelum ini. Mungkin mesej yang ingin disampaikan oleh pihak kerajaan adalah bahawa kesalahan-kesalahan di bawah Akta Hasutan ini sesuatu yang amat serius.

■1720

Walau bagaimanapun, janganlah pula daripada pindaan-pindaan ini dilihat sebagai suatu tindakan daripada pihak kerajaan untuk mengugut hak-hak kebebasan bersuara rakyat dan kebebasan untuk menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap tindakan dan polisi-polisi kerajaan. Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap seksyen 5, Akta Hasutan iaitu kurang bersetuju dengan cadangan pindaan ini kerana hak jaminan seorang yang dituduh di bawah akta ini bergantung sama ada pihak pendakwa raya mengemukakan sijil yang hanya mengatakan bahawa jaminan tidak perlu diberikan kepada tertuduh kerana ia adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Jelas sekali cadangan pindaan ini memberikan kuasa kepada pendakwa raya untuk memutuskan sama ada seorang tertuduh di bawah akta ini perlu diberi jaminan ataupun tidak. Kuasa memberi jaminan budi bicara dan perlu dikekalkan sedemikian. Andaian atau, dengan izin, *presumption* bahawa seorang tertuduh adalah tidak bersalah sehingga disabitkan bersalah, dengan izin, *a person is presumed innocent until proven guilty* oleh mahkamah perlulah dihormati.

Dalam cadangan pindaan terhadap seksyen 5, juga ada menyebut syarat-syarat di mana seseorang tertuduh perlulah menyerahkan pasport dan bagi pihak imigresen tidak memberikan dokumen perjalanan adalah tidak perlu kerana pada masa ini syarat-syarat seperti ini boleh diberikan oleh pihak mahkamah. Selepas mendengar hujah dan bukti-bukti yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dengan memasukkan syarat-syarat ini dalam cadangan pindaan secara langsung mengambil alih kuasa dan budi bicara pihak mahkamah dalam memutuskan permohonan-permohonan seperti ini.

Dengan izin, prinsip *Separation of Power* mesti dihormati dan pihak mahkamah perlulah diberi ruang untuk memutuskan dan melaksanakan kuasa dan budi bicaranya berdasarkan kepada amalan dan lunas undang-undang yang sedia ada. Jika cadangan ini dibenarkan ia seakan-akan memberikan kuasa mutlak kepada pihak pendakwa raya tanpa memberikan ruang kepada pihak mahkamah untuk memutuskan sama ada permohonan-permohonan sedemikian perlu diberikan atau tidak berdasarkan kepada amalan dan lunas undang-undang yang sedia ada.

Mengenai pindaan terhadap seksyen 6, saya amat kurang bersetuju kerana cadangan pindaan yang diberikan adalah juga memberikan kuasa mutlak kepada pihak pendakwa raya dan mengekang budi bicara mahkamah dalam mempertimbangkan dan memberikan perintah di bawah seksyen 173A, seksyen 293 dan seksyen 294, *the Criminal Procedure Code*, dengan izin. Perlu dinyatakan tujuan seksyen 173A, seksyen 293, dan seksyen 294 memberikan satu perintah bon berkelakuan baik dengan syarat terhadap mereka yang telah pun disabitkan bersalah oleh mahkamah. Menjadi amalan bagi pihak mahkamah selama ini dalam memberikan perintah-perintah bon dengan syarat ia berdasarkan dan bergantung kepada fakta bagi setiap kes dan kesesuaian hukuman yang diperuntukkan sama ada seorang pesalah itu perlu didenda atau dimasukkan dalam penjara.

Contohnya, berdasarkan kepada umur seorang pesalah dan jenis kesalahan yang dilakukan. Kuasa dan budi bicara pihak mahkamah ini dalam memberikan perintah di bawah seksyen 173A, seksyen 293, dan seksyen 294 perlulah dikekalkan dan dihormati. Mengenai cadangan bagi menangani masalah isu SSKM. Pertama, kerajaan perlu mencari punca atau sebab yang mendorong tuntutan-tuntutan agar Sabah dan Sarawak keluar Malaysia. Ceritanya ini perlulah diberi perhatian oleh kerajaan kita dan membuat dialog dan perbincangan secara rasional dengan untuk mendengar pandangan dan pendapat daripada kumpulan-kumpulan ini dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai selepas mendengar dan memahami sebab-sebab utama yang mendorong mereka membuat tuntutan sedemikian.

Menghentikan tangkapan dan tuduhan terhadap kumpulan ini kerana ia hanya akan menaikkan kemarahan rakyat dan mendorong rasa simpati rakyat terhadap kumpulan ini. Ini akan mengakibatkan sokongan terhadap tuntutan dan kumpulan ini akan meningkat. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin memberi cadangan mengenai pelampau-pelampau agama dalam negara kita. Jadi, kita memastikan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa terhadap mereka yang melakukan kesalahan ini adalah adil, sama rata dan tidak dilihat wujudnya pilih kasih bagi sesuatu kumpulan.

Memandangkan isu-isu agama adalah amat sensitif, tindakan seperti penangkapan dan pertuduhan di mahkamah perlulah diambil berdasarkan wujudnya bukti yang kukuh. Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang demikian, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin.

5.26 ptg.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Hasutan ini. Jika kita rujuk kepada sejarah jelas bagi kita bahawa Akta Hasutan digubal oleh penjajah Inggeris pada tahun 1948, pada masa pengisytiharan *Federation of Malaya Agreement* untuk menggantikan *Malayan Union*. Penjajah Inggeris memperkenalkan Akta Hasutan ini untuk menyekat tentangan terhadap pemerintahan kolonial Inggeris oleh orang Melayu dan juga bukan Melayu yang ingin menuntut kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Di samping itu, pihak Inggeris juga berharap bahawa kelompok komunis pun dapat disekat supaya tidak dapat menghasut orang ramai menentang Inggeris dan menuntut kemerdekaan. Akan tetapi kalau kita rujuk kepada dokumen-dokumen sejarah, siapa yang diberkas dan dihadapkan ke mahkamah semasa penjajahan Inggeris dan kemudian didenda dengan denda yang berat. Dua orang individu iaitu satu Ahmad Boestamam yang menulis tentang *Testament Politik API*, yang kedua Samad Ismail yang diberkas.

Kedua-dua mereka adalah nasionalis Melayu yang menolak bulat-bulat penjajahan Inggeris terhadap Tanah Melayu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik ialah antara tahun 1948 sehingga 1957 iaitu tahun kemerdekaan Tanah Melayu hanya Ahmad Boestamam dan Samad Ismail sahaja dihukum di bawah Akta Hasutan 1948 jika saya tidak salah. Akan tetapi selepas kita sudah merdeka dan berdaulat dan lebih lagi selepas Malaysia ditubuhkan, jumlah warga negara yang cuba merealisasikan hak mereka untuk bersuara seperti yang dijamin dalam Perlembagaan Negara telah dihukum dan jumlah mereka ini sudah hampir 100 orang.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan konflik dan juga masalah sosial dan agama dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Itu lah sebabnya Parlimen telah membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1971 di mana Fasal 152, Fasal 153, Fasal 181 dan juga seksyen 3, Perlembagaan Malaysia diubah dan dipinda. Ada beberapa kes yang lepas di mana Akta Hasutan telah digunakan untuk menghadapkan mereka yang menghasut ke mahkamah.

Saya hendak sentuh dua kes. Kes tentang seorang politikus Sabah yang menuntut supaya sekolah Cina dan Tamil ditutup merupakan satu kes. Satu kes lagi melibatkan seorang bekas ahli politik UMNO baru yang menuduh tanpa bukti bahawa orang Melayu yang memulakan rusuhan Mei 2013. Mereka dihadapkan ke mahkamah. Ini kes-kes yang begitu jelas. Tidak boleh dipersoalkan.

Akan tetapi sejak kebelakangan ini, Akta Hasutan 1948 tidak lagi digunakan untuk menghukum individu-individu yang benar-benar terlibat dalam kes menghasut tetapi malangnya Akta Hasutan digunakan dengan tujuan menyekat kritikan-kritikan yang sah, komen-komen serta tulisan kartun dan lukisan yang digunakan untuk mencerminkan kegelisahan rakyat tentang keadaan yang tidak elok di negara ini.

■1730

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Adakah pindaan yang dicadangkan ini bertujuan menjaga keharmonian dan kesejahteraan negara ataupun digunakan untuk menyekat rakyat dan wakil rakyat dalam dan di luar Parlimen yang mempersoalkan dasar pemerintah tentang isu-isu yang menimbulkan kontroversi seperti 1MDB dan banyak lagi kes-kes yang sedang dibincangkan? Sebelum Pilihan Raya 2013, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji untuk menghapuskan Akta Hasutan yang merupakan suatu rang undang-undang zaman kolonial yang tidak diguna pakai di England sekarang.

Negara-negara yang telah memansuhkan Akta Hasutan, mereka sedar bahawa akta ini mempunyai hanya satu tujuan iaitu melindungi individu-individu tertentu ataupun kelompok-kelompok tertentu supaya mereka ini bebas daripada disoal siasat tentang cara mereka ini mengendalikan hal urusan negara.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Minta laluan boleh...

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Itu sebabnya...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: ...Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah salah seorang Perdana Menteri, mendengar suara rintihan rakyat majoriti untuk mengekalkan Akta Hasutan, akhirnya, dia akur kepada rakyat majoriti? Apakah suara majoriti rakyat yang harus diikut ataupun suara hati yang mungkin betul mungkin tidak?

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat atas pencelahan itu tetapi tentang soal majoriti itu saya tidak pertikaikanlah. Ini mungkin dapat dibuktikan dalam suatu masa nanti. Saya tidak bersetuju bahawa ramai atau majoriti yang bersetuju dengan mengekalkan Akta Hasutan.

itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, Akta Hasutan memang sesuai. Sesuai dalam suatu sistem politik yang mana pemerintah mempunyai kuasa mutlak atau sistem pemerintahan yang tidak berdiri atas prinsip demokrasi. Akan tetapi negara ini mengamalkan demokrasi yang mana yang berdaulat itu rakyat dan kuasa pemerintah adalah daripada rakyat yang telah memilih melalui undi siapa yang harus memerintah negara ini. Oleh sebab itu, Akta Hasutan merupakan suatu halangan dan juga rintangan terhadap rakyat untuk menyoal dan mengkritik dasar pemerintah yang bercanggah dengan hasrat rakyat. Maka, wakil-wakil rakyat serta aktivis sosial berhak mempersoalkan dan juga mengkritik pemerintah. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, takrifan menghasut itu mestilah diterangkan dengan jelas supaya tidak timbul sebarang masalah dalam pelaksanaan akta ini.

Misalnya, dalam kes peristiwa Taman Medan baru-baru ini. Adakah kelompok yang terlibat dalam tunjuk perasaan menentang salib di gereja itu telah menghasut? Kalau kita merujuk kepada Ketua Polis Negara, beliau menafikan mereka terlibat dalam menghasut, walhal Menteri Dalam Negeri telah menuduh mereka melanggar Akta Hasutan. Yang manakah boleh diterima? Jika seorang pensyarah yang pakar dalam bidang undang-undang mengeluarkan...

Tuan Chong Sin Woon: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Silakan.

Tuan Chong Sin Woon: Boleh ya? Cuma saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat membaca bahawa dalam fasal 3 rang undang-undang, subfasal (a)(i), yang mengatakan bahawa mana-mana orang untuk mengembangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan tidak akan lagi menjadi kesalahan di bawah akta ini. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Ya, tetapi adakah kerajaan berpegang kepada ini? Ini yang penting. Yang manakah kita boleh terima? Misalnya, kes yang saya hendak bincang sekarang, jika seorang pensyarah yang pakar dalam bidang undang-undang mengeluarkan satu komen tentang cara undang-undang dilaksanakan ataupun ditafsirkan oleh kerajaan, adakah ini bermakna beliau telah melakukan hasutan? Bagaimanakah dengan kes Azmi Sharom? Setakat ini, undang-undang hasutan digunakan untuk memberkas wartawan, pensyarah, aktivis sosial, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen, peguam, pelajar dan sekarang kartunis.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat, saya hendak bertanya, mencelah boleh? Dalam kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Azmi Sharom, adakah mahkamah sudah menjatuhkan kesalahan bagi dia ataupun hanya baru di peringkat pertuduhan?

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Masih berjalan tetapi kalau kita menggunakan *common sense, logic*, kenapa pula dia diheret dan dikenakan, diheret ke mahkamah untuk dibicarakan? Ini kerana kebebasan mestilah dihormati. Dia ini pakar dalam bidang undang-undang. Apakah salahnya kalau dia buat komen? Oleh sebab itulah maka, definisi tentang penghasutan itu terlalu luas dan tidak membezakan kenyataan yang dikeluarkan dengan tujuan yang dimaksudkan. *This is a problem*, dengan izin, yang kita mesti atasi.

Oleh sebab itu, maka saya berpendapat bahawa untuk Akta Hasutan ini terdiri atas prinsip yang teguh, dapat diterima...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Saya hendak habis- yang diterima oleh orang ramai.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Sedikit, sedikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit sahaja.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Biar saya habiskan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta izin sedikit.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Ini hanya satu kenyataan sahaja.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Tidak, saya hendak ulang apa Yang Berhormat cakap tadi. Yang Berhormat cakap tidak betul. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ulang, kalau tidak silap saya dengar tadi, Yang Berhormat kata Peristiwa 13 Mei 1969 dimulakan oleh orang Melayu. Betul Yang Berhormat cakap itu tadi?

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: [*Bangun*]

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Kalau betul, saya minta Yang Berhormat tarik. Ini salah, ini tidak betul. Fakta itu salah, fakta itu tidak betul.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Sebenarnya, saya mempersoalkan kenyataan itu. Saya sudah berterus terang mengatakan itu tidak benar. Tidak ada bukti. Maka saya hairan kenapa Yang Berhormat ini menimbulkan soalan di sini.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya dengar Yang Berhormat kata Peristiwa 13 Mei dilakukan, dimulakan oleh orang Melayu. Oleh sebab itu saya mempersoalkannya. Kalau tidak betul tidak apalah.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Saya tidak membuat kenyataan sebegitu. Akan tetapi yang saya bincang di sini ialah kes bekas seorang ahli UMNO yang telah masuk parti lain, yang menuduh orang Melayu yang menimbulkan Peristiwa 13 Mei tanpa sebarang bukti. Itu yang saya telah kata.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Orang Melayu itu siapa?

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Saya fikir tidak payahlah hendak sebut nama di sini kerana orang yang tahu tentang politik di negara ini...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Tidak. Yang Berhormat ini selalunya cakap lari daripada fakta sebenarnya. Yang Berhormat juga selalu cakap kalau kita desak, desak minta Yang Berhormat kata, "*Saya ada bukti, saya ada bukti*".

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu Yang Berhormat. Saya rasa cukuplah sebab ini ruang dia, biarkan dia habiskan ucapan dia. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Terima kasih. Maka oleh sebab itu, saya hendak mendesak kerajaan supaya memberi suatu takrifan apakah itu sebenarnya hasut supaya tidak timbul masalah dalam cara kita membuat interpretasi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, kita beralih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Silakan Yang Berhormat.

7.38 mlm.

Tuan Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk memberikan sedikit pandangan tentang pindaan Akta Hasutan 1948 ini. Saya berpendapat bahawa adalah tepat masanya untuk kita menyemak semula keperluan dan mengemasi kini undang-undang ini supaya dapat bergerak mengikut masa dan peredaran zaman. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah mendengar suara hati rakyat dan membuat undang-undang yang tepat dalam memastikan keharmonian dan ketenteraman negara kita dapat berkekalan.

Tadi, ramai Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh tentang pindaan-pindaan tersebut. Saya secara prinsipnya memang menyokong dan suka hati kerana kerajaan dalam pindaan seksyen 3 telah memotong perkataan 'kerajaan' yang mana boleh ditakrifkan sebagai satu perubahan besar yang mana mengkritik pihak kerajaan dan pentadbiran kerajaan bukan lagi merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan.

■1740

Kita sedia maklum bahawa bukan semua kritikan itu berniat jahat, ada juga kritikan-kritikan yang membina yang dapat membawa negara kita maju ke depan. Walau bagaimanapun, seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf, kita juga bimbang kalau berlakunya atau terdapatnya kritikan-kritikan yang tidak membina ataupun tohmahan-tohmahan yang berniat jahat. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan? Terutama oleh Kementerian Dalam Negeri, untuk mengekang ataupun mengelakkan berlakunya niat jahat itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan terhadap pindaan seksyen 3, penambahan skop yang mempunyai elemen menghasut adalah orang yang melakukan perbuatan benci, bermusuhan atau kebencian atas alasan agama. Penambahan skop agama ini bagi saya adalah tepat pada masanya untuk mengawal keharmonian setempat dan mengurangkan kes pergaduhan dan pertelingkahan hanya kerana perbezaan dalam kepercayaan terhadap agama masing-masing. Saya setuju dengan cadangan penambahan skop ini kerana ia dapat memastikan semua rakyat dalam negara ini hidup aman dan harmoni serta saling menghormati atas dasar kebebasan mengamalkan agama masing-masing.

Hakikatnya, kita tidak mahu lihat rakyat berkelakuan ekstrem yang semata-mata untuk menunjukkan keagungan agama masing-masing. Dalam hubungan ini, kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri baru-baru ini yang meminta pihak polis menjalankan siasatan ke atas kumpulan protes di Taman Medan adalah amat tepat dan menjadi contoh yang boleh didakwa atas Akta Hasutan. Rakyat mestilah sentiasa mematuhi undang-undang negara dan menghormati amalan beragama seperti yang telah termaktub dalam perlembagaan.

Saya juga mengambil peluang ini ingin memuji seorang wartawan Melayu yang bernama Jannatul yang pada ketika itu memberi bantuan kepada wartawan *The Star*, Nicholas semasa protes tersebut di Taman Medan. Sekiranya tidak, mungkin berlakunya keadaan yang tidak terkawal atau tidak diingini ke atas wartawan *The Star*, Nicholas itu.

Dalam konteks ini, seperti yang Dato' Dr. Asyraf kata, mungkin ada cerita yang sebaliknya. Akan tetapi bagi saya, walaupun apa alasannya, saya berpendapat protes tersebut, cara atau pendekatan yang diambil oleh mereka adalah salah dari sisi undang-undang. Kalau sama ada mereka mempunyai kebenaran untuk menggantung *the cross* di atas bangunan tersebut, itu merupakan kuasa PBT. Sekiranya sesiapa yang meraguiinya, patutlah merujuk kepada PBT dan tidak sepatutnya untuk memprotes sebegini.

Dalam satu hal pula, sebagai seorang bukan Muslim, saya ingin mengutuk sekeras-kerasnya Alvin Tan. Kelakuan beliau bagi saya memang begitu memalukan kami. Beliau telah banyak kali menghina dan mempersendakan agama Islam. Kalau beliau berada di negara kita, memang patutlah dibawa atau dihadapkan ke muka mahkamah untuk didakwa dengan Akta Hasutan. Kita tidak dapat menampung sampah seperti Alvin Tan ini di negara kita. Akan tetapi apa yang boleh kita buat, kecuali *we leave it*, dengan izin, kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan yang selanjutnya ke atas Alvin Tan sebab POTA pun tidak boleh.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh saya mencelah? Tentang Alvin Tan. Setujukah pandangan saya, Yang Berhormat, tentang kalau Alvin Tan *discharged* bawah Akta Hasutan, tidaklah timbul keadaan seperti ini. Dia lari diri, dia *challenge* kerajaan, *catch me if you can*. Baru-baru ini mainkan organ yang sebagainya. Jadi, ini memanglah satu kejadian yang kita memang tidak boleh *tolerate*. Jadi, saya di sini mintalah kerajaan *do something about him, whatever we take*. Thank you [Tepuk]

Tuan Koh Chin Han: Memanglah saya setuju. Itu yang sebabnya saya menganggap beliau serupa dengan sampahlah untuk kita rakyat di negara Malaysia. Saya juga mengutuk sekeras-kerasnya ke atas perbuatan beliau. Sekiranya beliau berada di Malaysia, maka tanpa *think twice*, dengan izin, teragak-agak, maka tindakan perlu diambil. Tuan Yang di-Pertua,...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Boleh mencelah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat cuba sampaikan. Pada kami satu ucapan yang cukup baik. Yang Berhormat telah bercakap atas fakta kebenaran. Cuma adakah Yang Berhormat bersetuju, tadi saya hendak merujuk kepada rakan kita yang bercakap soal Akta Hasutan ini. Saya rasa Yang Berhormat telah membaca dengan begitu teliti dan Yang Berhormat *know your case better*, dengan izin.

Dalam akta ini adakah Yang Berhormat bersetuju, tadi disebut oleh Yang Berhormat Dr. Ariffin. Kononnya akta ini hendak dikenakan kepada orang-orang politik yang kritik kerajaan. Saya kadang-kadang hairan dengan pembangkang ini. Saya fikir dia orang ini pun tidak baca pindaan ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju, dalam pindaan ini sudah tulis dengan jelas sudah, di bawah subfasal (a)(i), perbuatan mana-mana orang yang mengembangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan kepuasan hati terhadap kerajaan tidak akan lagi menjadi kesalahan di bawah Akta 15. Dalam pindaan sudah sebut sudah.

Maknanya, selepas ini kalau Yang Berhormat pembangkang hendak kritik kerajaan, kritiknya, yang hendak takut lagi fasal apa? Dituduh pula sebut sekali lagi fasal 13 Mei dan segala-galanya. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju kadang-kadang pembangkang ini dia tidak baca, Yang Berhormat pula baca lagi elok lagi. Lebih jelas Yang Berhormat menyebut terperinci ayat-ayatnya, sedangkan mereka tidak faham apa yang mereka cakap. Walhal pindaan ini ucap tahniah kepada KDN, sudah sebut dengan jelas, tidak akan ada mana-mana mereka yang mengkritik kerajaan akan dikenakan di bawah akta ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Koh Chin Han: Apa yang dikatakan oleh Dr. Ariffin tadi lebih kepada sejarahlah, sudah lepas. Kita pandang ke depan dan kita mengalu-alukanlah, sambut baik dengan tindakan kerajaan yang memotong perkataan 'kerajaan' tersebutlah. Maka, yang untuk masa depan, mengkritik kerajaan bukan lagi merupakan satu kesalahan yang boleh dihadapi ke mahkamah melalui Akta Hasutan. Akan tetapi kita khuatir juga kalau kritikan itu tidak berasas, dengan niat jahat, kita khuatir macam dahulu PRU yang lepas, dikritik atau banyak juga tuduhan yang katakan terdapat 40,000 Bangla ini dan itu. Padahal itu merupakan tohmahanlah. Muslihat yang jahat, kita minta Kementerian Dalam Negeri kalau boleh kena kaji. Kalau akta ini tidak boleh tetapi akta mana yang boleh mengekang segala yang tidak membina ini.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan seksyen 10A yang membolehkan Hakim Mahkamah Sesyen untuk mengarahkan pegawai berkuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk menyekat akses terhadap laman elektronik yang mempunyai penerbitan yang berunsur menghasut.

■1750

Dalam sidang yang lepas kalau saya pernahlah meminta kerjasama pihak media supaya lebih bertanggungjawab dan supaya tidak lagi memainkan terlalu banyakkah cerita-cerita ataupun berita-berita yang boleh menaikkan sentimen perkauman. Saya berpendapat bahawa penambahan seksyen ini adalah tepat pada masanya kerana sekian lama laman elektronik tidak dipantau oleh mana-mana pihak. Sering kali berlaku insiden pengedaran penerbitan *Blog* dan *Facebook* yang tidak berasas dan malah dipenuhi dengan unsur menghasut. Saya sekali lagi ambil peluang memohon pada pengguna laman elektronik untuk mengamalkan sikap bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat dalam penerbitan yang akan dikongsi kepada rakan serta ahli keluarga.

Penularan maklumat palsu dan menghasut ini perlulah dikekang kalau boleh dihapuskan dalam ruang elektronik negara kita.

Dengan adanya penguatkuasaan terhadap ruang dan tiada batasan ini saya percaya bahawa rakyat negara kita tidak akan dipengaruhi atau terpedaya dengan sebarang tindakan membenci atau bermusuh dengan mana-mana kepercayaan agama. Saya yakin bahawa pihak penguat kuasa juga dibekalkan dengan teknologi dan kuasa untuk menyekat sebarang maklumat yang disyaki boleh memudaratkan rakyat negara kita. Maka itu sekian sahaja ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin. Silakan Yang Berhormat.

5.52 ptg.

Tuan Zali bin Mat Yasin: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pindaan Akta Hasutan 1948 ini. Pertama sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya selaku orang muda mengucapkan terima kasih yang teramat kepada Kerajaan Malaysia kerana masih lagi mengekalkan Akta Hasutan 1948. Saya yakin dan percaya bahawa inilah dia satu akta ataupun undang-undang yang dapat membendung rakyat negara kita daripada terus berkonflik dan juga konfrontasi di antara kita. Saya yakin dan percaya bahawa Rang Undang-undang Akta Hasutan 1948 dengan pindaan ini ia akan terus relevan dalam memastikan kesatuan dalam kepelbagaian di negara kita ini dapat terus diteruskan.

Kita sedia maklum bahawa di negara kita, kita mempunyai pelbagai budaya, pelbagai bangsa, keturunan, adat dan sebagainya. Kita ibarat duduk di sebuah negara yang boleh diibaratkan seperti telur di hujung tanduk. Kalau kita tidak berhati-hati dalam menangani pelbagai isu dan cabaran, saya amat khuatir bahawa perkara ini tidak dapat ditangani. Jadi kita telah pun meninggalkan Akta ISA, yang kita tinggal hari ini ialah Akta Hasutan 1948.

Dalam pindaan ini saya amat menyokong sekali apabila kerajaan memasukkan fasal 3, rang undang-undang di bawah subfasal (a)(i), "*Perbuatan mana-mana orang untuk mengemukakan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan tidak puas hati terhadap kerajaan tidak akan lagi menjadi kesalahan di bawah Akta 15.*" Ini menunjukkan bahawa keterbukaan kerajaan sebenarnya untuk memperlihatkan bahawa kerajaan tidak mempunyai kepentingan dalam hal ini dan membuka sifat yang terbuka kepada rakyat khususnya parti-parti politik yang ada untuk mengkritik kepimpinan kerajaan hari ini.

Cuma seperti yang saya kata tadilah seperti rakan-rakan saya maklumkan bahawa saya amat risau dan khuatir. Sekiranya kritikan atau penghinaan yang berterusan dilakukan oleh pihak individu tertentu, organisasi ataupun parti politik yang ada di negara ini akan membangkitkan rasa ketidakpuasan pula kumpulan yang lain. Jadi kerana itulah saya setuju rakan saya dari Melaka tadi bahawa perlu kerajaan mengguna pakai undang-undang peraturan yang lain untuk menghukum individu, persatuan ataupun ahli-ahli politik ini yang sentiasa dari semasa ke semasa akan menimbulkan kebencian yang teramat kepada kerajaan.

Kita sedia maklum bahawa bukan mudah untuk memimpin negara sedangkan rakan-rakan kita di pihak pembangkang yang minoriti yang hari ini mentadbir beberapa buah negeri pembangkang. Mereka juga menghadapi masalah yang sama dalam memastikan kesatuan dan penyatuan rakyat di negeri tersebut. Inikan pula apabila memerintah sebuah negara. Jadi saya minta supaya kementerian dapat menjelaskan dan menerangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah dia undang-undang yang boleh diguna pakai oleh pihak kerajaan, pihak kementerian dapat membendung kebencian dan penghinaan terhadap kerajaan yang ada hari ini.

Kemudian yang kedua, saya bersetuju dimasukkan subfasal (a)(ii) yang mana hukuman ataupun undang-undang ini boleh diguna pakai terhadap mana-mana orang ataupun individu yang masih lagi menyoalkan tentang negeri Sabah dan Sarawak di dalam Malaysia yang cuba dibawa keluar dan sebagainya.

Saya amat setuju kerana tidak timbul lagi soal sebenarnya Sabah dan Sarawak itu terasing daripada negara kita yang mana kita sudah pun mencapai kemerdekaan hampir 58 tahun. Di dalam subfasal (a)(i) juga yang mana subfasal (a)(iii) bertujuan untuk memotong perenggan berhubung dengan pentadbiran keadilan. Maksudnya selepas ini undang-undang akta ini boleh mereka boleh mengkritik ataupun membangkitkan ketidakpuasan hati terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia. Maksudnya selepas ini mereka individu tertentu atau mana-mana badan bukan kerajaan parti politik boleh mengkritik hakim dan juga mahkamah kita.

Saya minta pihak kementerian supaya dapat menerang dan menjelaskan kepada Dewan bagaimanakah undang-undang dan akta yang boleh menghalang mereka ini. Kalau tidak hari ini rakyat di bawah akan mengatakan bahawa ketidakadilan mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap seseorang individu ataupun mahkamah tidak hadir, ataupun seorang hakim ini dituduh berat sebelah dan sebagainya. Jadi kita amat khawatir bahawa hakim yang kita rasa telah pun diangkat dengan sifat *accountability* yang tinggi dan juga berintegriti.

Jadi mereka ini dipersoalkan dari semasa ke semasa sehingga mempengaruhi rakyat di bawah. Jadi seharusnya pihak kementerian melihat semula. Kita setuju tetapi dalam masa yang sama pihak kerajaan, pihak kementerian seharusnya melihat perkara ini dan apakah undang-undang lain yang boleh menghalang mereka ini daripada berterusan mengkritik.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya amat bersetuju apabila dalam pindaan Akta Undang-undang Hasutan ini dimasukkan frasa yang mengatakan bahawa tidak boleh diwujudkan rasa kebencian antara mana-mana orang ataupun kumpulan orang atas alasan agama. Jadi bukan sahaja agama Islam tetapi termasuk agama-agama lain.

Jadi saya amat bersetuju dengan pindaan Rang Undang-undang Akta Hasutan 1948. Saya mengharapkan supaya kita bahawa sebenarnya terdapat suatu keistimewaan yang mungkin kita tidak dapat lihat pada masa sekarang tetapi mungkin pada masa akan datang kita mengakui bahawa Akta Hasutan 1948 ini masih terus relevan. Apabila berlakunya pindaan ini saya yakin dan percaya ia akan dapat dipersetujui oleh rakyat sekalian khususnya rakyat di negara kita. Jadi saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua, menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Hasutan 1948. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Silakan Yang Berhormat.

5.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk turut sama bangun dan mengambil bahagian berbahas dalam rang undang-undang ini. Ucapan saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Pertama saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia yang sanggup membenteng Akta Hasutan yang kita sedang berbincang pada ketika ini.

■1800

Ini kehendak rakyat. Apa yang keputusan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kehendak rakyat. Kita bimbang kalau Akta Hasutan ini tidak diteruskan, apakah yang akan berlaku di bawah ini Tuan Yang di-Pertua? Kita balikkan kepada Akta ISA. Apabila ISA ditarik, apakah yang berlaku? Habis penjenayah-penjenayah yang mana kita tahan di Sungai Renggam dilepaskan. Sebenarnya kita *lost control*.

Semacam yang ini, kalau Akta Hasutan ini tidak ada, macam-macam yang akan berlaku. Kita lihat apa yang berlaku baru-baru ini, kes Alvin Tan yang mana kawan saya dari Melaka bangkitkan. Memang betul, ini masih lagi ada Akta Hasutan.

Saya juga ingin menyentuh sahabat saya daripada kaum Siam, Dato' Boon yang beliau sebut tadi. Perkara yang disebut ini memang betul. Kami ini di Perlis Tuan Yang di-Pertua, kami duduk dalam keadaan harmoni. Orang Siam di Perlis ada lebih kurang dalam 8,000.

Kalau orang Siam buat kenduri Tuan Yang di-Pertua, dia panggil orang-orang Islam ini, orang-orang Melayu ini. Dipanggil *caterer* pun *caterer* orang Melayu. Duduk jamu orang Melayu. Hari ini dia buat khas untuk orang Melayu. Esok dia buat untuk orang Siam. Okey Dato' Boon? Ini harmoni yang kita ada. Dengan ada Akta Hasutan ini, saya ingat kita ini cukup okey. Bila kerajaan buat pindaan ini, saya orang pertama yang sokong 100 peratus. Patut diluluskan.

Yang ketiga, saya ingin sentuh pada pihak kerajaan, sebab kita di bahagian penguat kuasa ini lemah, lemah daripada segi mengambil tindakan. Saya bandingkan kita ini dengan Kerajaan Thai. Kerajaan Thai ini, kalau kita menderhaka kepada Raja atau pun kita mencerca Raja-Raja, terus ditangkap, hukum. Tidak tunggu lama-lama.

Kita ini saya lihat di sini, kita macam-macam undang-undang yang kita buat. Satu per satu tetapi tindakan kita cukup *slow*. Minta maaflah. Jadi saya mintalah pihak yang berkuasa kena serius. Bila kita buat satu-satu undang-undang, kita hendak perketatkan undang-undang, kita kena bertindak. Jangan kita sambil lewa. Satu lagi, saya hendak sebut, dua perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, satu berkenaan dengan NGO iaitu berjuang dengan LGBT ini. Mereka ini memang niat tidak elok. Dia pergi ke luar negara, mencercakan kita. Mereka ada tujuan..

Dato' Boon Som A/L Inong: Yang Berhormat, boleh saya mencelah? Tadi Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Akan tetapi bila Yang Berhormat menyebut pasal Raja, Raja Thai, bukan Raja Siam. Jadi jangan pandang saya, saya ini rakyat Malaysia keturunan Siam. Terima kasih [*Ketawa*]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya pun nampak macam Raja Siam sahaja [*Ketawa*] Inilah kumpulan-kumpulan yang selesa keluar mencerca dekat kita. Akan tetapi kerajaan ini nampak macam tidak ada apa-apa sahaja, biasa sahaja. Jadi saya minta pihak penguat kuasa kena bertindak orang-orang macam ini, memburuk-burukkan nama-nama kita di luar negara.

Yang satu lagi ini *Bar Council*. Saya kena tegurlah *Bar Council* ini. Pada satu ketika dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya di antara orang yang cukup menghormati *Bar Council*. Sebuah badan yang kita cukup hormati. Kita boleh buat satu rujukan. Kalau tahun 60-an, 70-an, 80-an, kalau apa-apa kita rujuk, oh, ini *Bar Council*.

Sekarang ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, kalau *bar council* ini, mereka hendak jadi orang politik. Saya ingin cabar pihak *bar council*, turun mari kita berpolitik. Sekarang ini digunakan dalam badan sebagai badan peguam. *They are untouchable*, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. *So they want to say, they are*, oh, ini orang yang penggubal undang-undang, hang pa kena dengar cakap kami sedangkan kita yang buat undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita cabar geng *Bar Council* ini, mari turun, mari kita berpolitik. Masuk kawasan mana dia orang hendak bertanding. Macam Dato' Arifin kata oh, *in shaa-Allah* ke depan, kita pun *in shaa-Allah* kita akan bertahan. Jadi, *Bar Council* ini satu badan yang saya lihat, mereka di antara badan yang menentang Akta Hasutan. Saya hendak *quote* apa yang dia orang bercakap dalam persidangan baru-baru ini telah ada Mesyuarat Agung Badan Peguam. Mereka telah meluluskan usul bagi mendesak kerajaan memansuhkan Akta Hasutan. Apakah dia kata? "*Ini bukan satu isu baru yang diperjuangkan oleh Majlis Peguam kerana kami telah menjalankan kempen berterusan agar Akta Hasutan ini dimansuhkan.*" kata Presiden Peguam yang baru, Steven Tiu.

Tuan Yang di-Pertua, peguam-peguam ini banyak, sekarang ini dia orang ada lebih kurang 15,500 orang peguam. Kita ada anak-anak muda. Sekarang ini kita lihat Majlis Peguam ini, dia pula buat *roadshow*. Berarak daripada *Bar Council* sampai ke Parlimen. So, ini bukan kerja *Bar Council*. Itu bagi lah geng-geng pembangkang yang buat, itu kerja mereka sahaja. Macam sahabat saya kata, To' Megat kata itu apa, mana, di mana To' Megat, SOGO? Ha, di SOGO, pergilah buat di SOGO. Ini sampai ke Parlimen.

Jadi saya ingat kepada *Bar Council*, berhentilah. Berhentilah, bagi kerjasama dengan pihak kerajaan, bincang. Macam Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri siasat, bentang satu undang-undang, kita bincang elok-elok. Apa you orang buat, ini tak boleh, itu cara dia. *That is what the Bar Council for*. Ini tidak, mereka mencabar pula kerajaan. Jadi dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Chandra Mohan.

6.08 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Hasutan. Saya cuma akan menyentuh dua atau tiga perkara secara khusus tetapi sebelum itu saya ada satu isu secara am daripada segi masa untuk membahaskan. Setiap kali / melihat sekarang ini kita, satu, kita menenghadkan masa. Pada saya, pendapat saya, rang undang-undang yang penting kita tidak boleh menenghadkan, jangan menenghadkan masa. Saya faham isu kesuntukan masa dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita tidak ada menenghadkan masa.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Hari ini tidak ada, hari ini tidak ada. Isu yang kedua ini, kita lanjutkan sampai malam. Pada saya, kalau kita selalu lanjutkan malam ataupun lewat malam, daripada segi *quality debate* ini, / rasa dia akan kurang. So cadangan saya mungkin disokong oleh rakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini tidak berlaku di Dewan Negara Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: *No*, kalau boleh kita jangan lanjut sampai malam tetapi tambah bilangan hari. Pada saya lebih elok pasal daripada segi *quality debate*. Tuan Yang di-Pertua, saya balik...

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah teruskan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Saya balik kepada topik ini, topik ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Akan tetapi itu tadi tidak ada kaitan dengan Akta Hasutan bukan Yang Berhormat?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tidak, tidak, itu yang / cakap secara am tetapi berkaitan dengan perbahasan fasal masa sudah lanjut.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah teruskan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Ini / pergi kepada *point* yang pertama daripada segi tafsiran perkataan *seditionous tendency*. Banyak kita telah dengar tafsiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini mengenai tafsiran. Akan tetapi isu saya, kalau kita tengok tafsiran, perkataan *seditionous tendency* ini, sekarang hanya terdapat di seksyen 3, *mother act* itu ada di dalam seksyen 3 itu ada dan seperti Ahli-ahli yang pernah sebut sebelum ini, kalau kita lihat 3(a), sudah dipinda, (c) telah dimansuhkan. Seperti Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi cakap itu (ea) sudah tambah lagi satu baru. (ef) lebih kurang boleh faham jelas, tetapi kerisauan saya kalau kita lihat perenggan 3(1)(b) dengan (d). Pada saya, cadangan saya kepada kementerian ialah (b) dengan (d) pada saya kena *improve* sedikit daripada segi tafsiran supaya tidak kekeliruan. Secara spesifik, / cuma sentuh (b) dengan (d).

■1810

Pada pendapat saya buat masa kini kurang jelas supaya saya hendak dia kalau boleh lebih jelas supaya tidak esok pelbagai tuduhan. Isu tafsiran juga Ahli pernah cakap kita ambil contoh Yang Berhormat Dr. Ariffin kena ambil contoh Taman Medan di mana satu pihak cakap bukan *seditionous*, satu pihak lagi cakap *seditionous*. / ingat Taman Medan juga disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi dan sebagainya. Saya cuma sentuh Taman Medan ini untuk tunjuk daripada segi tafsiran. Macam mana tafsiran boleh berlari.

Itu mengenai isu *seditionous tendency*. Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah isu penghapusan budi bicara kehakiman, kalau kita tengok pindaan kepada seksyen 4.

Kalau kita tengok pindaan kepada seksyen 4, pada saya, saya ada dua isu di dalam pindaan kepada seksyen 4. Satu daripada segi hukuman denda. Kalau sekarang kita tengok dengan pindaan ini, tidak ada lagi hukuman denda. Kena wajib penjara walaupun pesalah *first time offender*. Kalau dulu kita tengok sebelum pindaan ini, hakim ada kuasa untuk kesalahan pertama, hanya untuk kesalahan pertama. Kalau dia hendak *bound over* pun, boleh *bound over* tetapi dengan pindaan ini hakim tidak ada lagi kuasa walaupun kesalahan pertama.

Cuma I tidak faham ada sedikit tadi masa Yang Berhormat Menteri menjelaskan, I ingat (f) kah (g), itu saya tidak berapa *clear* tapi kefahaman saya pada masa ini hakim tidak ada kuasa untuk mengenakan denda atau bon. Itu *first* isu mengenai budi bicara kehakiman. Isu yang kedua mengenai budi bicara kehakiman ialah penggunaan hukuman minima. Dulu kalau kita tengok perkataan yang ada dalam akta itu dipakai tidak boleh melebihi. Akan tetapi sekarang sudah tukar dengan *not less than* dan nampak sekarang kalau kita tengok akta sekarang atau pindaan yang dicadangkan sekurang-kurangnya minimum tiga tahun. Pada saya seolah-olah macam dia *target politician* tetapi pada saya kalau kita pakai konsep *minimum sentence* dan kalau *minimum sentence* tiga tahun, dia seolah-olah macam kita *casting the neck two wide*. Sampai *first offenders* pun akan kena tiga tahun, *youthful offenders* akan kena tiga tahun.

So pada saya, kalau dulu kalau kita tengok dari segi *bound over* itu, hakim boleh *consider* fasal dalam prinsip hukuman, prinsip setimpal, hukuman itu mesti setimpal dengan kesalahan. Akan tetapi lagi satu fakta yang hakim biasa akan *consider* ialah isu *mitigating factors*. Kalau kita kenakan *minimum sentence*, maka *mitigating factors* tidak boleh diambil timbang lagi. Dia terus kena *sentence* minimum tiga tahun. Lagi satu yang I hendak sentuh tadi ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai jaminan yang diberi oleh Perdana Menteri. Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul ada sentuh mengenai jaminan Perdana Menteri menjelang Hari Malaysia kalau tidak salah 16 September 2011 dan kemudiannya pada bulan Julai 2012.

Cuma pendapat saya berbeza dengan pendapat Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul, di mana Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul terima pendirian kerajaan untuk balik untuk mengekal Akta Hasutan ini. Saya berbeza sedikit pandangan saya. Sebelum saya cakap kenapa saya beza atas cadangan saya, saya terima pendapat yang diberi oleh Yang Berhormat Dr. Dato' Dr. Asyraf. Kita kena usaha untuk kekalkan keharmonian, ketenteraman awam, hubungan antara kaum. Ini semua I terima.

Kita rasa dalam Dewan ini, kita terima. Kita hendak bersama-sama berusaha untuk mengekalkan toleransi kaum, hubungan antara kaum dan sebagainya. Cuma saya hendak ambil kesempatan ini hendak cakap saya sokong segala usaha kerajaan untuk memperkukuhkan lagi hubungan antara kaum dan ketenteraman awam. Akan tetapi saya tidak setuju dengan pindaan ini fasal pada pendapat saya ada undang-undang yang lain yang kita boleh pakai untuk tujuan ini. Maka cadangan saya kepada kerajaan untuk menyeru atau untuk mengkaji semula keputusan untuk kekalkan akta ini dan kalau boleh cadangan saya ikut jaminan yang diberi pada satu masa dulu bahawa akta itu akan dimansuhkan dan akan dengan digantikan dengan *National Harmony Act*. Itu cadangan saya, dua cadangan spesifik. Perbahasan saya, saya akan *end* saya punya perbahasan dengan satu seruan yang juga dibuat oleh *Inter Parliamentary Union* (IPU). Dengan ini saya mohon kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua untuk *quote* dalam bahasa Inggeris ya artikel ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Seruan dari IPU ya. "*IPU urges the Malaysian Senate to not lose this critical moment to force a rethink on the issue as the country for democratic progress and human rights*". Okey, ini satu permintaan dari IPU. Ini bukan *universal standard* dan sebagainya. Kalau kita baca *statement* dari IPU itu, dia bukan cakap dia menggalakkan *one term act* dan sebagainya, cuma kita kena kekalkan beberapa hak asasi. Itu dia punya isu. Okey. Pada saya, saya rasa ada lain-lain akta yang kita boleh pakai.

Cuma satu saja sebelum saya duduk ini, Dato' Dr. Asyraf tidak ada, sudah keluar. Isu dia berkenaan dengan Taman Medan. Kalau kita tengok Taman Medan dan lain-lain insiden macam di Sabah dan sebagainya, saya terima pandangan bahawa kadang-kadang apa yang kita tengok itu bukan sebenarnya.

Mungkin ada lain-lain sebab kenapa sesuatu itu tidak diluluskan. Begitu juga di Taman Medan. Akan tetapi isu di Taman Medan kalau betul macam yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf, kalau betul isu dia, isu tidak ada permit bangunan dan sebagainya, pada saya pihak yang hendak protes itu kena bawa kepada perhatian agensi-agensi berkenaan. Kalau tidak kalau kita amalkan sistem yang dibuat pada hari itu, maka kita akan menggalakkan *mob rule*. Sekian saja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon. Silakan Yang Berhormat.

6.18 ptg.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk turut berbahas Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015. Sebelum saya melanjutkan perbahasan saya, ingin saya berkongsi maklumat kepada Yang Berhormat sekalian di dalam Dewan ini bahawa Akta Hasutan ini bukanlah satu akta yang istimewa untuk Malaysia, tetapi negara jiran kita negara Singapura turut masih mempunyai lagi Akta Hasutan.

Izinkan saya baca sedikit tentang Akta Hasutan di Singapura di mana *sedition tendency which is define in Section 3, (1) and (2), a seditious tendency is a tendency to bring to hatred or contempt or to excel this affection against the government*. Sampai hari ini di Singapura sekiranya kita menghasut atau mengkritik kerajaan masih lagi di bawah Akta Hasutan. Kalau berbanding dengan kerajaan sekarang, kita mengambil keluar bahagian ini di mana sekarang rakyat bebas untuk mengkritik kerajaan tanpa risau dan takut, bimbang akan didakwa di bawah Akta Hasutan.

Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan masyarakat Malaysia lebih *lenient*, lebih terbuka, lebih demokratik kalau berbanding dengan Singapura yang di mana, kenapa saya hendak membangkitkan isu ini kerana ramai rakyat Malaysia khususnya daripada golongan muda sering membandingkan Singapura dengan Malaysia yang mengatakan bahawa Singapura jauh lebih baik dari Malaysia.

■1820

Segala-gala yang dilakukan oleh Singapura lebih baik daripada di Malaysia tetapi apabila kita melihat cara pentadbiran kerajaan kedua-dua negara ini daripada aspek ini melihatkan bahawa Malaysia sebenarnya ada di perspektif yang lain lebih terbuka, lebih baik *governancenya* kalau berbanding dengan Singapura. Akan tetapi pada masa yang sama selain daripada kebaikan untuk kita mengeluarkan bahagian ini terdapat juga beberapa bahagian yang ingin saya membahaskan dan meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu pada hemat saya tidak ramai rakyat Malaysia yang ingin melihat negara Malaysia yang pelbagai kaum, pelbagai agama, pelbagai bahasa ini menjadi sebuah masyarakat yang kucar-kacir atau saling benci-membenci.

Setiap rakyat Malaysia berbilang kaum ini mahu negara ini menjadi sebuah negara yang harmoni. Dengan Akta ini yang sepatutnya memberikan kerajaan kuasa untuk menjaga supaya perkara-perkara yang sensitif yang termaktub dalam Perlembagaan tidak dibincangkan secara terbuka kerana ini akan menyakitkan hati sesetengah pihak yang pada akhirnya mungkin menimbulkan perasaan benci dan membawa kepada kucar-kacirnya masyarakat berbilang kaum Malaysia. Akan tetapi kenapa apabila dibandingkan Malaysia dengan Singapura walaupun kita sekarang nampaknya lebih demokratik, lebih liberal masalah yang sering dibawa oleh rakyat Malaysia ataupun NGO yang tidak setuju dengan Akta ini adalah bila pelaksanaannya berlakunya *double standard*. Ini isu yang perlu ditangani oleh kerajaan khususnya KDN. Dengan senang kita boleh melihat beberapa contoh. Dua contoh yang boleh saya ketengahkan sekarang pada September 2008 setelah pilihan raya umum.

Ada pemimpin yang mengatakan bahawa orang-orang Cina dan India pendatang atau penumpang. Maka tidak ada tindakan diambil terhadap mereka yang mengatakan ini tetapi tangkapan dilakukan terhadap wartawan *Sin Chew* yang melaporkan ungkapan kenyataan tersebut. Tangkapan itu mendapat bantahan yang besar yang kuat bukan sahaja daripada pembangkang tetapi dari parti-parti kerajaan termasuk MCA dan Gerakan kerana Akta Hasutan tidak patut digunakan untuk menangkap wartawan yang melaporkan berita.

Dia hanya melakukan laporan yang diungkapkan oleh seorang pemimpin. Akan tetapi yang menyatakan kenyataan itu tidak diambil tindakan, yang membuat laporan wartawan itu ditangkap dan dibawa ke lokap. Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab pada masa itu menjawab memberi alasan bahawa tangkapan itu adalah untuk menjaga keselamatan wartawan. Kita berharap jangan berlaku perkara seperti ini lagi pada masa hadapan kerana kalau inilah alasan yang diberikan ia menjadi bahan lawak. *It's laughing stock for the country and for others*, dengan izin.

Perkara yang kedua yang ingin saya bawa ialah kes baru-baru ini tidak lama dari Datuk Ibrahim Ali yang mengatakan bahawa saya baru baca dari Awani sebelum ini dia kata orang PAS dan bakar *Bible* dan itu tidak menjadi *seditionous* kerana IGP berkata bahawa dalam konteks AG pula berkata dalam konteks Datuk Ibrahim Ali mengatakan itu tidaklah menghasut kerana dia cuma menjawab perkara di mana ada orang menyebarkan *Bible* kepada pelajar-pelajar sekolah.

Sekiranya kerajaan terus bertindak seperti ini apabila berurusan dengan perkara-perkara seperti ini maka rakyat tidak yakin bahawa Akta Hasutan ini adalah untuk memelihara keharmonian masyarakat Malaysia. Sekiranya terus apabila adanya yang bersabit dengan perkara-perkara agama Islam tindakannya sangat cepat. Tangkap dan mendakwa.

Kalau bersabit dengan perkara-perkara bukan Islam dia banyak lagi alasan yang diberikan penjelasan sebelum penangkapan, penjelasan sebelum pendakwaan. Belum lagi sampai ke peringkat mahkamah sudah AG membantu untuk menjelaskan atau ada Yang Berhormat Menteri yang bantu memperjelaskan. Jadi rakyat tidak yakin sekiranya macam ini kita nampak ada *double standard*. Kita sokong bahawa sekiranya Akta ini digunakan dengan sebaiknya *color blind*...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat kalau boleh bagilah contoh-contoh beberapa kes yang berlaku hanya kes agama Islam sahaja yang diambil tindakan. Yang bukan agama Islam tidak ambil tindakan. Jangan jadikan forum ini untuk kita pula hendak cari fasal antara Islam dengan bukan Islam kerana pada pandangan saya ada juga kes-kes yang Islam yang belum ada tindakan. Kita tidak mahu. Kita jangan timbulkan perkara-perkara ini. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bukannya berhasrat hendak menimbulkan apa-apa perasaan. Saya cuma hendak memberikan satu pandangan di mana masyarakat mempunyai persepsi seperti ini. Boleh kita terus menyokong segala Akta yang ingin dibincangkan tetapi forum ini forum yang sangat penting untuk kita mendengar suara-suara yang berlainan. Saya dari MCA boleh terus menyokong kerajaan tetapi bagilah peluang untuk kita mendengar suara-suara yang tidak sampai lagi ke Dewan yang mulia ini.

Tidak ada saya di sini kita minta nanti dalam penggulungan mungkin Menteri ada fakta, ada *figure* untuk memperjelaskan bahawa ini tidak benar. Memang ada kes yang melibatkan Islam juga diambil tindakan, yang tidak Islam juga tidak mengambil tindakan. Bagus kalau ada penjelasan supaya lebih ramai rakyat jelas bahawa Akta ini memang digunakan secara adil. Cuma saya minta sekiranya pelaksanaan ini secara adil dan telus maka saya rasa tidak ada orang akan mempertikaikan kepentingan adanya Akta Hasutan khususnya di dalam negara kita yang pelbagai agama dan pelbagai bangsa ini.

Saya akan terus menyentuh satu perkara. Tadi saya ada menulis nota kecil hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab kalau ini benar maka saya akan terus membahaskan isu ini. Kalau tidak benar tidak payah saya buang masa iaitu di bawah sini yang sudah dibatalkan bahawa menuntut pemisahan mana-mana negeri dari Malaysia. Adakah ia masih ada lagi atau tidak. Kalau memang tidak ada di dalam Akta Hasutan maka tidak perlu saya membahaskan tentang peringkat ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma tanya penjelasan sama ada ia masih lagi dalam Akta Hasutan atau tidak.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya ingat bahas sahaja.

Tuan Chong Sin Woon: Okey, kalau tidak ada dalam isu ini maka tidak perlu saya menimbulkan isu ini.

Apa yang ingin saya tanya ialah, dalam fasal 5 rang undang-undang bertujuan memasukkan seksyen baru 5A dan 5B di dalam Akta 15 iaitu memperuntukkan jika seseorang dipertuduh atas kesalahan di bawah subseksyen 4(1)(a) dan terdapat perakuan secara bertulis pendakwa raya yang menyatakan bahawa jaminan tidak boleh diberikan kepada orang yang dipertuduh demi kepentingan awam orang itu tidak boleh dilepaskan dengan jaminan.

Soalan saya ialah kenapa pendakwa raya yang mempunyai kuasa untuk tidak memberikan jaminan dan biasanya kuasa ini adalah di bawah kuasa seseorang hakim di dalam *Session Court* ataupun *High Court*. Kenapa di sini pendakwa raya yang menentukan sama ada seseorang itu boleh dijamin atau tidak. Dalam fasal 8, saya amat menyokong fasal 8 rang undang-undang yang bertujuan meminda seksyen 10, Akta 15 bagi memberi Mahkamah kuasa untuk mengeluarkan perintah bagi penghapusan penerbitan menghasut yang dibuat secara elektronik seperti penerbitan dalam talian.

■1830

Kita tahu bahawa selepas ledakan teknologi maklumat yang membolehkan individu menyatakan segala yang dia ingini di dalam *Facebook* ataupun mana-mana talian web sehinggakan perkara-perkara yang sangat sensitif ataupun gambar-gambar yang menghina Yang di-Pertua Agong atau yang menghina mana-mana agama mudah didapatkan di laman-laman web.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Banyak laporan dan aduan termasuk daripada saya sendiri ke dalam MCMC supaya tindakan diambil tetapi mungkin kerana tidak adanya kuasa yang diberikan maka tidak ada tindakan yang dilakukan terhadap laman-laman web ataupun apa-apa artikel ataupun gambar-gambar yang menghina Yang di-Pertua Agong ataupun agama-agama lain. Maka saya menyokong sangat dengan adanya kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini supaya kerajaan boleh mengambil tindakan yang cepat terhadap mereka yang terus menggunakan laman web ataupun *Facebook* dan segala untuk menghasut ataupun menimbulkan perkara-perkara yang tidak senang di antara rakyat Malaysia.

Perkara ini sudah banyak dibahaskan. Saya tidak mahu tambah cuma saya ingin memberikan pendapat saya bahawa pindaan Akta Hasutan ini yang tidak memberikan lagi denda tetapi *mandatory imprisonment* tiga tahun pada hemat saya satu hukuman yang sangat berat di mana *degree of seditious*, dengan izin, peringkat hasutannya berbeza pada pandangan saya. Ada hasutan yang mungkin ringan ataupun kecenderungannya tidak begitu kuat tetapi tidak ada lagi ruang untuk kita membezakan bahawa tahap hasutan itu.

Mungkin dia tidak berniat sangat tetapi memang menghasut, mungkin kita boleh bagi dia denda RM2,000, RM3,000 dan RM5,000 sebagai hukuman. Akan tetapi yang memang berniat untuk menghasut yang pada akta ini ada menyebut bahawa kalau ada berlakunya kecederaan ataupun kehilangan harta benda maka hukumannya lebih berat.

Saya setuju dengan itu tetapi sekarang tidak ada lagi hukuman yang dibenarkan tetapi terus bersabit dengan kesalahan sekurang-kurangnya tiga tahun. Saya meminta bahawa sama ada perkara ini boleh dilihat semula dan perkara-perkara lain sudah dibahaskan, saya tidak mahu melanjutkan perbincangan saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

6.32 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyertai perbincangan ini. Saya hendak mulakan dengan membuat komen yang kecil tentang apa yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri. Beliau mengatakan bahawa dalam soal melindungi keamanan dalam negara, kita harus semuanya bersatu.

Saya bersetuju dengan ini tetapi masalahnya ialah pendekatan untuk mendapatkan keamanan itu berlainan.

Kadang-kadang ada benda yang kita hendak lakukan untuk keamanan dan akhirnya ia akibatnya adalah sebaliknya. Itu boleh jadi. Jadi dalam hal ini perlulah misalnya ada dialog, perbincangan, nasihat-menasihati sebelum sesuatu undang-undang itu dikemukakan supaya ada persetujuan asas di antara kita tentang bagaimana hendak melindungi keselamatan dan mencapai keamanan. Itu yang pertama.

Saya ingin memulakan selepas daripada apa yang saya sebutkan tadi, mulakan perbincangan dengan pergi kepada sejarah. Tadi ada dikatakan baik kita *move forward*, tidak payahlah sejarah tetapi sejarah ini penting kerana kita mempelajari perkara yang lalu supaya kita dapat memperbaiki masa yang akan datang. Daripada segi sejarah sebenarnya akta yang berkaitan dengan hasutan ini adalah bermula pada zaman Tudor dan Stuart dahulu lagi di Britain iaitu pada tahun 1606. Pada waktu itu ada pandangan di antara mereka bahawa tidak harus misalnya dilakukan ataupun diambil tindakan-tindakan tertentu atau mengucapakan perkara yang tertentu yang dianggap sebagai hasutan.

Lebih khusus lagi masa George III, telah ditegaskan pada masa itu satu aspek daripada kesalahan bersabit soal hasutan ini iaitu dikatakan bahawa tidak boleh digunakan perkataan-perkataan atau dilakukan tindakan-tindakan yang boleh menimbulkan kebencian terhadap Raja, itu lebih khusus. Apa yang berlaku pada zaman Stuart dan King George itu telah dilanjutkan di beberapa buah negara sebagai asas menggubal undang-undang mereka. Telah ada undang-undang hasutan di Amerika, Australia, New Zealand, Singapura dan sudah tentulah di Malaysia.

Di Malaysia ini kita mulakan Akta Hasutan itu pada tahun 1948 dengan tujuan untuk membendung pengaruh komunis dan juga untuk mengambil tindakan terhadap golongan atau orang yang boleh menimbulkan *tendency* hasutan terutama terhadap pemerintahan kolonial Inggeris waktu itu. Seperti yang telah diterangkan sahabat saya tadi cuma dua orang sahaja yang pernah ditahan bawah Akta Hasutan itu yang telah diambil tindakan iaitu Boestamam dengan Samad Ismail.

Setahu saya tidak ada misalnya orang yang dianggap atau dituduh komunis yang telah ditahan di bawah akta ini. Akan tetapi sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara yang saya sebut tadi Amerika, Australia, New Zealand, Kanada dan sebagainya, semua negara ini telah menghapuskan Akta Hasutan ataupun memperbaiki dan meminda akta-akta mereka supaya lebih sesuai dengan keadaan dunia sekarang. Cuma tinggal Malaysia dan Singapura sahaja yang mempunyai Akta Hasutan yang kadang-kadang digunakan terhadap golongan mereka yang tidak bersetuju dengan kekuasaan kerajaan atau dasar-dasar kerajaan. Kedudukan...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Boleh saya mencelah?

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya hendak tahu apakah Yang Berhormat bersetuju dengan kenyataan mengatakan bahawa seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi hanya Singapura dan Malaysia sahaja yang mengekalkan akta pencegahan seperti ini. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa hanya Singapura dan Malaysia jugalah dalam rantau ini yang tidak menerima nasib seperti negara-negara lain yang ada kes bom dan sebagainya?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, siapakah kata tidak ada? Sekarang pun Ketua Polis Negara menyebutkan soal ancaman seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan akta yang hendak dipinda sekarang ini pada tahun 2015 mempunyai aspek-aspek yang boleh menimbulkan pertikaian terhadapnya terutama daripada segi perlembagaan. Pertikaian pertama timbul oleh sebab adanya cabaran oleh seorang profesor dari Universiti Malaya terhadap kedudukan Perlembagaan atau *the Constitutionality* akta itu. Kes masih *pending* tetapi kita terus di Dewan Rakyat membincangkan akta ini kerana Tuan Yang di-Pertua telah memutuskan bahawa berdasarkan *precedent* di India, boleh dibincangkan sesuatu *legislation* walaupun ia dipertikaikan dalam mahkamah.

■1840

Cuma saya bimbang ialah sekiranya katakanlah *challenge* yang dikemukakan oleh profesor itu menang dalam mahkamah, apakah yang akan berlaku? Adakah kita berundur balik? Ini mungkin tidak berlaku kalau misalnya kerajaan sungguh yakin bahawa dapat dipastikan kemenangan akan berpihak kepada mereka. Akan tetapi saya katakan tadi, seandainya kerajaan kalah dalam kes ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, pertikaian timbul kerana sebenarnya Akta 1948, apabila ia dilanjutkan, ia telah dilanjutkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu waktu itu iaitu *The Legislative Council*. Ia tidak pernah misalnya diluluskan untuk dilanjutkan dalam Parlimen Persekutuan Tanah Melayu sama ada pada pasca 1957 selepas merdeka ataupun pasca 1963 selepas Malaysia ditubuhkan. Jadi, saya dinasihatkan bahawa daripada segi undang-undang, daripada segi Perlembagaan, ada kelemahan dalam hal ini iaitu undang-undang ini tidak pernah misalnya diluluskan ataupun diterima dalam Parlimen kita. Ia pernah diterima dalam *legislatures* dulu. Jadi ini ialah *point* Perlembagaan Persekutuan yang mungkin perlu kita ketahui walaupun saya tidak mahu memanjangkan soal ini.

Walaupun di negara-negara lain kita lihat tadi bahawa sudah dibatalkan ataupun dibaiki Akta Hasutan, mengapakah kita mahu lagi meneruskan Akta Hasutan ini pada 2015? Kita tahu bahawa Perdana Menteri sendiri telah mengakui dan berjanji bahawa selepas ISA dibubarkan, dibatalkan, dimansuhkan, maka seterusnya nanti akan dimansuhkan pula Akta Hasutan. Apakah yang menyebabkan perubahan fikiran ini? Tadi telah dikatakan ini ialah kerana majoriti mahukan perubahan. Majoriti itu siapa? Adakah majoriti dalam parti pemerintahan atau majoriti rakyat? Kalau hendak kira majoriti *popular vote*, *popular vote* yang diperoleh pembangkang adalah lebih besar daripada kerajaan iaitu 52 peratus lawan 47 peratus. Kalau misalnya kita betul-betul hendak mengetahui sama ada majoriti menyokong atau tidak, adakah pernah referendum dijalankan untuk membuat keputusan?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Minta laluan. Adakah Yang Berhormat hendak menafikan sistem pilihan raya, konsep pilihan raya Demokrasi Berparlimen yang kita laksanakan di Malaysia? Barisan Nasional memenangi 133 Kerusi Parlimen, jadi itu mewakili majoriti. Kita bukan bercakap soal sistem di Amerika Syarikat yang menggunakan *popular vote*.

Dr. Syed Husin Ali: Saya terima bahawa dalam sistem sekarang ini, yang ada orang menuduh berdasarkan *Gerry-mandering* juga, maka yang dapat undi minoriti boleh dapat majoriti dalam Parlimen. Ada kira-kira yang dibuat bahawa jikalau misalnya Barisan Nasional menang *certain key areas*, dengan 39 peratus undi, mereka masih boleh dapat majoriti. Akan tetapi daripada segi sokongan rakyat, apakah ertinya? Jadi yang saya hendak sebutkan tadi ialah bahawa kita tidak mempunyai asas untuk menyatakan bahawa ada majoriti rakyat yang menyetujui. Apa sebabnya

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, ada dua faktor di sini. Satu faktor ialah faktor yang saya sebut tadi, bila ISA dimansuhkan, ada asakan dan desakan daripada orang-orang dan golongan-golongan tertentu supaya dikembalikan balik ISA. Ini tidak dapat dilakukan. Maka oleh sebab itulah diadakan bermacam-macam undang-undang yang lain selepas itu seperti misalnya SOSMA dan juga Akta Pencegahan Keganasan yang telah diluluskan di sini.

Satu faktor lagi ialah kebimbangan, saya percaya ini satu anggapan saja, boleh benar atau tidak. Kalau tidak setuju tidak apa tetapi itu pandangan saya. Anggapan bahawa oleh sebab Kerajaan UMNO-BN mendapat hanya 47 peratus daripada undi popular dan pembangkang mendapat lebih kurang 51.7 peratus, maka kebimbangan timbul bahawa macam-macam boleh berlaku.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jelaskan sedikit, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin? Kita menggunakan sistem demokrasi *Westminster*, sistem UK, bukan sistem Amerika. Kita gunakan sistem Parlimen berpandukan kemenangan Ahli Parlimen. Kalau di US digunakan sistem *presidential*. Jadi, siapa yang menang, undi banyak. Kita guna sistem *Westminster*. Takkan ini Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin tidak faham?

Macam kita main badminton, *first set* Yang Berhormat menang, *second set* saya menang. *Third set* Yang Berhormat menang, empat set, saya pula menang. Akan tetapi setiap kali Yang Berhormat menang itu Yang Berhormat banyak *point*. Akan tetapi saya menang tiga kali. *Point* saya kurang dua tiga *point* tetapi *last* sekali siapa menang? Sayalah menang, 3-2. Inilah sistem kita. Takkan tidak faham... [Tepuk]

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, hujah itu memang hujah lama yang pernah saya dengar. Saya tidak payah jawab. Bila banding antara *Westminster* dengan sini, itu yang lebih penting. Di *Westminster* tidak ada *Gerry-mandering*. Hampir sama banyak undinya di tiap-tiap kawasan tetapi di sini ada kawasan Parlimen yang hanya 30,000, ada kawasan Parlimen yang 150,000. Itu perbezaannya. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Dr. Syed Husin Ali: Benarkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri kebenaran atau tidak?

Dr. Syed Husin Ali: Baik saya teruskanlah, kemudian barangkali. Sebab saya kata begitu ialah bahawa kalau kita lihat di antara tahun 2010 hingga tahun 2012 iaitu semasa ISA dimansuhkan, seramai 15 orang telah ditahan kerana melanggar Akta Hasutan yang ada waktu itu, 15 orang. Ini berbanding dengan dua orang sahaja yang ditahan selama British dulu. Selepas pilihan raya 2013, 75 orang ditahan. Itu saya membuat kesimpulan bahawa dua proses ini telah mengakibatkan banyaknya, ramainya yang diambil tindakan di bawah Akta Hasutan. Jadi bukan Akta Hasutan dihapuskan untuk digantikan dengan 'Akta Harmoni' dan sebagainya tetapi ia diperkukuhkan lagi dan dibuat lebih menekan lagi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Boleh saya mencelah?

Dr. Syed Husin Ali: Biar saya teruslah, kemudian. Kalau tidak nanti saya ...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tidak, sebab fakta-fakta tadi ada yang tidak betul.

Dr. Syed Husin Ali: Sila, sila.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat setuju maknanya pembangkang pada waktu itu tidak ada orang yang kena tahan?

■1850

Mungkin pembangkang pada waktu itu lebih berakhlak dan beradab. Dia tidak timbulkan isu-isu yang menyentuh soal-soal yang saya sebutkan dalam perbahasan saya. Soal Raja, soal agama. Hari ini, makin ramai yang mula mempersoalkan perkara-perkara asas yang menyebabkan berlakunya ketidakamanan dan menimbulkan kemudaratannya. Sebab itulah ramai yang kena dakwa.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, antara 15 selepas ISA itu, di antara 75 selepas 2013 iaitu selepas pilihan raya itu, kebanyakannya adalah orang politik, aktivis sosial, wartawan dan juga kartunis. Ini yang pentingnya. Jadi, itu sebabnya nanti saya akan bincang lagi hal ini apabila saya memperkatakan soal mengkritik kerajaan.

Saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, lebih berat hukumannya, lebih berat peraturannya ialah kalau kita ambil satu contoh di sini iaitu berdasarkan Akta Hasutan 1948, denda ialah RM5,000 atau penjara hingga lima tahun. Tidak ada minimumnya. Akan tetapi selepas 2015, kalau misalnya diterima akta ini, maka hukumannya minimum tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak melebihi tujuh tahun. Akan tetapi jikalau berlaku pencederaan anggota ataupun kerosakan barang atau harta benda, maka boleh dihukum sampai 20 tahun. Dari sekurang-kurangnya tiga tahun hingga 20 tahun. Jadi, sangat berat.

Yang penting di sini ialah bahawa jikalau umpamanya ada tunjuk perasaan dan dalam tunjuk perasaan itu ada berlaku. Misalnya kecederaan, yang akan dihukum adalah orang yang menguruskan ataupun *organize* tunjuk perasaan itu. Disebut juga di sini misalnya, kalau sebagai contoh, dikemukakan apa yang berlaku di Universiti Malaya. Sekiranya berlaku perobohan pagar, orang yang dijemput untuk berucap itu akan dihukum sehingga mungkin 20 tahun ialah orang yang berucap selepas daripada pagar itu dirobohkan.

Jadi, ini serius Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab ada dua kemungkinan boleh berlaku. Satu ialah kemungkinan sabotaj, orang memang hendak sabotaj misalnya. Keadaan sudah buat kacau. Satu ialah di mana ada rancangan provokasi yang dilakukan. Jadi, saya minta di sini bahawa dalam melaksanakan undang-undang ini, mesti pastikan elemen-elemen ini tidak berlaku, iaitu elemen sabotaj dan elemen provokasi. Ini kerana kalau elemen tersebut wujud, maka ia merupakan suatu kezaliman ke atas orang yang boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara yang menggembirakan saya juga yang telah digugurkan daripada akta ini di Dewan Rakyat. Perkara pertama tadi telah disebut oleh Menteri iaitu berkaitan dengan mereka yang menghasut atau dianggap menghasut hendak keluar Sabah atau Sarawak daripada Persekutuan ataupun Malaysia. Itu telah digugurkan. Perkara kedua ialah tentang *bail* ataupun jaminan yang juga telah digugurkan. Ketiga ialah soal mengkritik kerajaan. Itu juga telah digugurkan.

Walaupun saya menerima baik pengguguran ini tetapi ada satu perkara yang kurang menyenangkan tentang pengguguran hasutan terhadap kerajaan tadi. Bebas mengkritik kerajaan pada masa akan datang akan tetapi mereka yang ditahan kebanyakannya termasuk kartunis tadi orang-orang yang mengkritik kerajaan. Saya percaya kalau betul, misalnya kita berdasarkan semangat faktor pengguguran ini, maka seharusnya semua mereka iaitu aktivis atau ahli politik atau wartawan atau kartunis, hendaklah digugurkan tuduhan ke atas mereka sekiranya jelas bahawa mereka ditangkap ataupun direman dan hendak dibicarakan semata-mata kerana mengkritik kerajaan.

Satu lagi ialah yang dibebaskan daripada tindakan ialah orang-orang politik yang mengkritik kerajaan. Ditafsirkan bahawa orang politik itu anggota parti yang didaftarkan. Okey, *no quarrel about that*, dengan izin. Cuma, saya bimbang bahawa dalam mengkritik politik kerajaan, bukan orang politik sahaja yang mengkritik. Akan tetapi ada juga orang yang bukan ahli politik yang mengkritik. Jadi, mengapakah tidak diluaskan skop supaya mengkritik kerajaan dibolehkan bukan sahaja oleh orang politik tetapi juga oleh mereka yang bukan dalam politik ataupun bukan dalam parti yang didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan tadi bahawa boleh timbul sabotaj dan boleh timbul misalnya, keadaan di mana sengaja di tahan orang-orang politik tertentu dengan perkiraan-perkiraan politik pula. Seorang mantan Perdana Menteri telah menyatakan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa memang tidak apa kita mengkritik kerajaan tetapi jangan jadikan Akta Hasutan ini sebagai asas untuk melanjutkan kekuasaan. Sekarang, ramai orang politik pembangkang yang dituduh dan mungkin dibicarakan.

Tidak tahu bila dibicarakan. Mengapa misalnya tidak boleh berlaku bahawa perbicaraan itu akan berlaku selepas tempoh tiga tahun selepas pilihan raya, di mana kalau dihukum mereka minimum lagi tiga tahun, mereka *disqualify*, dengan izin, sebagai anggota Parlimen. Tidak payah diadakan pilihan raya kecil dan ada majoriti untuk membuat perubahan-perubahan dalam undang-undang seperti misalnya perubahan dalam undang-undang persempadanan. Jadi, saya mengharapkan bahawa tidak akan berlaku keadaan di mana Akta Hasutan ini digunakan sebagaimana yang disebutkan oleh Mantan Perdana Menteri itu sebagai alasan ataupun alat untuk meneruskan kekuasaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

■1900

7.00 mlm.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Kita membincangkan pindaan Rang Undang-undang Hasutan 1948. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengajak pada peringkat awalnya kita menilai balik apa tujuan Akta Hasutan 1948 ini digubal. Dia digubal oleh British saya lahir tahun 49.

Waktu 66 tahun saya punya umur dan akta ini 67 tahun umurnya. Tujuan akta ini seperti yang telah disebut oleh baik Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan mahupun Ahli-ahli Dewan sekalian tidak lain tidak bukan ialah hendak mengawal komunis pada waktu itu di samping saya rasa kerajaan British menggunakan akta ini untuk mengekalkan kuasa.

Sebab itu akta itu menyebut bahawa kerajaan tidak boleh dikritik. Kritik, tangkap bawah Akta Hasutan. Ia diguna pakai sampai sekarang kenapa oleh sebab saya rasa salah satu daripada faktor utamanya ialah kita pelbagai kaum, pelbagai agama, dan pelbagai budaya. Maknanya untuk kita sekalian, kalau hendak menghasut jaga-jaga, jangan kawan-kawan yang lain jadi sensitif dan itu sebab akta ini terus kekal sampai sekarang. Itu daripada segi sejarahnya akta ini.

Persoalannya patut tidak kita kekal ataupun kita mansuhkan. Pada saya demi kelangsungan perpaduan masyarakat majmuk negara kita, wajib kita kekalkan Tuan Yang di-Pertua. Saya memberi hujah, tengok apabila misalnya diumumkan bahawa akta ini akan dimansuhkan, nampak sudah orang macam hendak berjoget. Kata mengata ini sudah tidak ada sempadan. Benda-benda sensitif kita tidak kawal lagi. Contoh misalnya hudud. Pada hal itu isu orang Islam tetapi sesiapa sahaja bebas mengatakannya, orang yang tidak faham hudud pun mengata, orang Islam yang tidak faham hudud pun juga mengata.

Jadi itu dengan jelas memperlihatkan kepada kita sekali tentang pentingnya kita mempertahankan akta ini. Cuma yang penting saya setuju seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bahawa setakat mana berkesannya di segi penguatkuasaan. Itu penting untuk memastikan undang-undang ini dihormati dan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dengan mengambil kira ia atas asas keadilan undang-undang.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Dato' Adam mengenai hukum hudud di mana masyarakat yang bukan Islam yang saya lihat di dalam media sosial, dalam *Facebook* terutamanya bukan main lagi hebat membuat komen, membuat ulasan. Macam masyarakat bukan Islam pula pandai tentang hukum Hudud ini. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Dato' Adam dalam akta ini adakah tindakan yang boleh diambil kepada mereka yang sangat-sangat pandai menghuraikan tentang hukum hudud boleh tidak boleh dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh saya beri pandangan. Yang Berhormat hudud itu cukuplah tetapi panjang lebar lagi tidak payah. Sampai masa nanti kita bincang. Kita bincang tentang Akta Hasutan, silakan.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Oleh sebab nasihat Tuan Yang di-Pertua dan saya juga sangat menghormati pandangan itu, saya tidak menjawab persoalan yang dibangkitkan tetapi saya hendak sebut dengan pindaan bahawa ia meliputi media sosial saya rasa kes-kes seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Shahanim begitu juga macam kes Alvin Tan akan dapat ditangani di bawah akta ini.

Bagi saya prinsipnya Tuan Yang di-Pertua, sesiapaupun sama ada kita ahli politik, kerajaan ataupun minoriti kalau kita tidak ada niat menghasut, *inshaaAllah* kita selamat di bawah akta ini tetapi akta ini perlu dan saya melihatnya seperti kita ada sebatang rotan.

Rotan itu Tuan Yang di-Pertua, bukan pasti kita hendak pukul sesiapa yang kita suka tetapi kalau kita dengan anak kita, kita kata awak masuk dalam rumah mesti buka kasut. Ada rotan dan tidak ada rotan lain persepsi anak itu terhadap arahan kita. Tidak ada rotan dia kurang takut, ada rotan walaupun rotan itu sangkut kat dinding, dia akan hormat. Itu sebabnya saya tengok apabila ISA kita mansuhkan kita boleh lihat reaksi yang sangat negatif kerana orang merasakan bahawa kita bebas melalukan apa sahaja dan tidak ada ISA kita tidak perlu takut apa-apa. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi pandangan saya sendiri tentang kebebasan dan hak asasi manusia.

■1910

Mana ada kebebasan sepenuhnya dalam hidup kita. Aspek agama misalnya, apabila saya beragama Islam, dituntut oleh agama bahawa bagi orang laki-laki, aurat daripada lutut sampai ke pusat. Kita ada kebebasan lagi? Tidak ada. Misalnya Yang Berhormat Datuk Megat Zainuddin, dia buat keputusan demi kebebasan dia, dia hendak bawa kereta tidak ikut peraturan sekarang. Sepatutnya sebelah kiri tapi dia lalu sebelah kanan. Apakah akan berlaku? Misalnya kata Tuan Yang di-Pertua atas kebebasan hendak datang ke Dewan ini pakai tuala sahaja, boleh? Contoh yang paling mudah. Tidak boleh. Itu bermakna setiap daripada kita ada batasan-batasan tertentu dan tidak ada kebebasan sepenuhnya.

Saya juga bercakap misalnya dalam Dewan ini, bolehkah saya mempertikaikan bahawa kenapa misalnya kata Tuhan Hindu ada sepuluh tangan. Kalau saya mula bercakap macam itu, bermakna bergaduh kita sekejap lagi. Percayalah. Jadi pada saya, petua dia Tuan Yang di-Pertua ialah dengan menyokong rang undang-undang ini, keharmonian dapat dijamin dan petuanya ialah kita sekali menghormati dan fasal agama, jangan kita campur. Saya teringat tadi Dato' Seri Najib semasa dia merasmikan sidang ASEAN Summit dengan membaca surah Al-Kafirun tentang agama ini, "*Engkau Tuhan engkau, aku Tuhan aku. Engkau agama engkau, aku agama aku*"... [Membaca potongan surah Al-Kafirun] Yang bermaksud, engkau dengan agama mu, aku agama ku. Maknanya, kita selamat dan sejahteralah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya 100 peratus menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Hasutan ini dengan satu nasihat bahawa apabila peringkat pelaksanaan, pastikan kemantapan ke penguatkuasaan dan berlaku adil kepada semua pihak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

7.14 mlm.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk sama-sama membahaskan usul Akta Hasutan ini. Saya hendak bertanya Menteri, soalan saya kepada Menteri dan kita dengar semasa di Dewan Rakyat dan juga di dalam Dewan ini, perbahasan yang begitu hebat, perbahasan yang mengatakan Akta ini berbentuk *draconian* dan kolonial.

Akan tetapi apa yang saya lihat dan apa yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa pembangkang takut dengan Akta Hasutan ini. Saya rasa mereka merasakan bahawa Akta ini sebagai satu Akta yang akan menangkap mereka, Akta yang akan memenjarakan mereka. Akta yang akan memalukan mereka kepada keluarga, Akta yang akan memalukan mereka kepada ahli-ahli parti mereka.

Jadi saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, kalaulah pembangkang takut, saya juga takut kerana saya juga ahli politik. Jangan kita lupa satu peristiwa di mana Operasi Lalang telah dijalankan oleh kerajaan pada satu ketika yang mana bukan sahaja daripada parti pembangkang yang ditangkap malah daripada parti kerajaan juga ditangkap bersama. Dia orang masuk semua tidak kira warna. Tidak kira hijau, tidak kira merah, tidak kira biru tua, tidak kira cap bulan, tidak kira cap padi, tidak kira cap kati, semuanya kena. Jadi saya juga berasa takut, saya juga merasa bimbang dengan Akta Hasutan ini Yang Berhormat sekalian kerana mungkin satu hari mulut celopar saya boleh jadi akan juga *condemn* kerajaan.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kepastian yang boleh diberikan di Dewan ini agar Akta ini tidak disalahgunakan? Kita mahu kepastian, sama juga dengan pembangkang hendak kepastian. Kita di pihak kerajaan juga hendak kepastian kerana kita bimbang juga bahawa Akta Hasutan ini boleh digunakan ke atas kita. Saya dengar Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali bercakap bagaimana peritnya bila kita masuk ke dalam penjara ini.

Saya tidak tahu, saya tidak ada pengalaman hendak menceritakan bagaimana sakit, bagaimana peritanya tapi saya banyak kali tengok cerita Alcatraz, banyak kali juga tengok cerita berhubung dengan penjara ini. Tentu sekali kerajaan juga tidak akan menganiaya bukan sahaja di pihak kerajaan kerana kita lihat dengan mata kepala kita sendiri bahawa pemimpin-pemimpin kerajaan juga dikepung, pemimpin-pemimpin kerajaan juga dipersoal, pemimpin-pemimpin kerajaan juga dilondeh habis-habisan dan disimpan seperti mana juga di pihak pembangkang.

Saya mendengar bagaimana Datuk Ibrahim Ali berceramah di satu ketika menceritakan bagaimana beliau ditahan yang mana pada ketika itu beliau pejuang UMNO pada ketika itu. Jadi kalau itulah yang dibimbangkan, jadi kita minta Yang Berhormat Menteri cerita pada kita apakah kepastian yang kerajaan boleh berikan kepada kita supaya kita ini tidak tergolong dalam golongan-golongan yang dibimbangi oleh pihak pembangkang sehingga menyatakan bahawa Akta Hasutan ini, akta yang berbentuk *draconian*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil balik sejarah, kalau kita renung kembali konflik yang berlaku pada satu ketika dahulu semuanya konflik yang berbentuk agama, pergaduhan kaum, pembunuhan, keselamatan, perkauman, pendidikan, penindasan, masalah sosial, protes ekonomi, kejiranan termasuk setingan.

■1920

Kita tidak pernah dengar di Malaysia ini orang bergaduh kerana saya ini putih, sahabat di sebelah saya hitam, sahabat di sebelah lagi putih, kuning. Tidak pernah kita bergaduh sama ada rakan kita ini berambut panjang, berambut pendek, gemuk, kurus, tinggi, rendah, tetapi semuanya konflik yang berlaku konflik yang kita sendiri merasa bimbang kalau sekiranya Akta Hasutan ini tidak diperkemas atau dihapuskan sahaja. Kedudukan agama Islam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada kawan yang bangun seorang, hendak bagi laluan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tidak bagi pun, sahabat. Wajib kena bagi.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya hendak minta sedikit pandangan Yang Berhormat Dato' soal kerisauan Yang Berhormat Dato' sebutkan awal-awal tadi apabila Yang Berhormat Dato' meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri soal akta ini. Disebutkan juga tadi dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kita telah berbincang dan perhalusi, cuma satu mungkin adakah Yang Berhormat Dato' bersetuju kenapa perkara ini berlaku, adakah disebabkan sebelum sebarang akta ini dibentangkan tidak ditubuhkan sebuah Jawatankuasa yang mungkin boleh mewakili kedua-dua Dewan untuk melihat dan memperhalus serta membincangkan sebelum ia dibentangkan untuk kelulusan dalam Dewan Rakyat hatta Dewan Negara sekalipun.

Sepatutnya mungkin selepas dihantar kepada AG, kemudian dibawa balik kepada satu Jawatankuasa Khas yang boleh menilai tiap patah perkataan daripada semua, baik kerajaan atau pembangkang sebelum ia dibentangkan. Jadi tidak mungkin akan timbul masalah Yang Berhormat Dato' sebut dan mungkin tidak akan mengambil masa yang terlampau panjang untuk dibahaskan hingga memakan masa sehari-hari. Apa pandangan Yang Berhormat Dato'?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Saya berasakan ada baik juga kerajaan tidak memanggil untuk berbincang kerana kita tengok sendiri perbincangan dalam Dewan Rakyat itu ke arah mana merumusnya? Ini kerana ketakutan itu tidak akan dapat membuat kita merangka satu rang undang-undang yang baik kerana kita *based*, dengan izin, *on assumption* padahal kita selalu kata berani kerana benar, takut kerana salah.

Jadi, kalau kita buka juga kepada satu *committee* untuk mengkajinya, saya percaya benda yang sama juga akan berlaku. Pertengkaran demi pertengkaran kerana dalam isi hati itu sudah ada perasaan takut, kebimbangan sebab pembangkang memikirkan bahawa kerajaan akan menggunakan akta ini untuk menangkap mereka habis *periode*.

Apabila dalam kepala otak itu sahaja sudah lupa Alvin Tan, sudah lupa perkara yang berlaku di PJ, sudah lupa kepada peristiwa 13 Mei kerana dalam kepala otaknya, aku suatu hari akan ditangkap.

Dari satu segi saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat. Ini kena tanya Menteri sebab apa Menteri tidak menubuhkan Jawatankuasa untuk membincangkan perkara ini. Saya rasa kalau perbincangan pun daripada segi ejaannya sahaja, pokoknya itu prinsipnya sama. Ejaannya sahaja yang perlu diperbetulkan. Habis kalau ejaan yang perlu diperbetulkan, kenapakah perlu ada *committee*? Akan tetapi kalau soal gaji kita perlu ada *committee* Tuan Yang di-Pertua, sampai tidak bincang langsung boleh, letak harga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga kepada persoalan akta ini tidak menjamin keselamatan orang ramai. Ini yang dibincangkan sehingga pukul 2.30 pagi di Dewan Rakyat. Sekali lagi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya duduk di kantin Dewan pada ketika ia dibincangkan, peguam sama peguam bergasak. Betul kah keselamatan orang ramai ini dapat dijamin dengan akta ini? Soalan ini saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri yakin semasa pembentangan tadi maka Yang Berhormat Menteri pun sendiri yakin kah keselamatan negara Malaysia ini dapat dipertahankan dengan Akta Hasutan ini?

Kalau keselamatan kita terganggu, tadi kita kata bincang bab hudud pun kadang-kadang depa tahu lebih daripada kita, saya pun tidak faham sampai sekarang hudud ini. Hendak kena potong kah atau tidak kena potong kah, depa kata masuk kampung siapa hendak masuk hudud kena potong, saya tidak nampak logiknya hendak kena potong. Kalau hudud pun kita tidak faham tetapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Shahanim tadi bahawa orang-orang Cina dan orang-orang India lebih Islam daripada orang-orang Islam.

Tadi ditimbulkan soal Alvin Tan, bagaimana saya seronok dengar datang daripada seorang yang berbangsa Cina, yang berbangsa sama dengan Alvin Tan, yang tahu agamanya agaknya sama dengan Alvin Tan, yang kemungkinan keturunannya juga sama dengan Alvin Tan tidak bersetuju dengan Alvin Tan. Jadi kita orang-orang Islam hendak bersetuju macam mana?

Saya dalam sembang-sembang, saya kata elok juga kalau kita jatuhkan hukum macam Iran jatuhkan hukum kepada Salman Rushdie, ingat tidak Salman Rushdie? Cari sampai lubang cacing, Salman Rushdie pun kena pakai rambut panjang, kena pakai topi hendak keluar sampai ke tahap itu, kita ada *networking*, kita ada orang Islam di Amerika, kita ada pertubuhan Islam di Amerika, kita boleh cari Alvin Tan di sana. Akan tetapi, apakah kita hendak buat begini, kita orang Islam yang siuman? Orang Islam yang orang kata kita tidak mahu kepada perkara-perkara yang begini. Kalau hendak pukul waktu dia duduk di Malaysia, budak-budak silat pun boleh *pi* pukul tidak payah cari orang lain Yang Berhormat Datuk Megat, anak-anak murid Yang Berhormat Datuk Megat boleh pergi pukul. Kalau kita manusia yang begitu- Tuan Yang di-Pertua kata boleh ambil di bawah Akta Hasutan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya katakan tadi bahawa keselamatan ini hendak dijamin oleh Yang Berhormat Menteri adakah isu-isu begini boleh diambil sebahagian daripada keselamatan yang boleh kita jamin kepada pihak pembangkang sekiranya Alvin Tan terus lagi apakah jaminan keselamatan ini akan diberikan. Ini saya baru bercakap di Kuala Lumpur, kita tidak bercakap lagi di Pagoh, kita tidak bercakap lagi di Hulu Langat, kita tidak bercakap lagi di Merbok, kita tidak bercakap lagi di Kuala Nerang yang mana anak-anak itu belum faham. Mereka tidak tahu demokrasi di Malaysia ini mereka tidak faham, mereka faham kalau caci agama kita, kita akan serang. Semasa saya bertanding pilihan raya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa sudah tepat pukul 7.30, saya terpaksa tangguhkan Mesyuarat kita dan Yang Berhormat ada satu minit lagi kalau hendak bercakap esok ataupun saya bagi tiga minitlah.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya pun sudah hendak balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya hendak bercerita semasa pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Habis dah?

Tuan Yang di-Pertua: Masa tidak boleh.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Itu Tuan Yang di-Pertua kata satu minit lagi.

Beberapa Orang Ahli: Esok, esok.

Tuan Yang di-Pertua: Kita terpaksa...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Oh esok ada satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tiga minit lagi.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Okey, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai menghormati masa iaitu prosedur kita dalam Dewan hingga 7.30, maka kita sambung semula pada esok hari pada 28 April, terima kasih. Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 10 pagi hari Selasa, 28 April 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam.]